

Jilid II
Bil. 1



Hari Selasa
28hb April, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH

Y.B. Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) [Ruangan 21]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 21]

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 21]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 45]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 46]

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Dato' Alexander Yu Lung Lee [Ruangan 48]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 48]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 137]

KANDUNGAN—(Samb.)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 140]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar) [Ruangan 141]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N. S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN K. KUMARAN (Tajah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRUDDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasar Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 28hb Disember, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang ke Dewan Rakyat dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Jerai di atas kejayaannya dalam Pilihanraya Kecil yang lalu, yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Yang Berhormat itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga Yang Berhormat dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang Di-Pertuan Agong**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 27hb April, 1992 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

[Teks Titah Ucapan D.Y.M.M. Diedarkan]

**TITAH UCAPAN
DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG IX SULTAN AZLAN SHAH**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim,

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Yang Dipertua Dewan Negara, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelapan pada hari ini.

Beta merasa sukacita kerana tahun 1991 dan suku tahun pertama 1992 telah berlalu dalam suasana aman damai, membolehkan rancangan Kerajaan dilaksanakan dengan lancar. Ketenteraman dan keselesaan hidup yang kita nikmati sekarang adalah dari usaha kita bersama dan dengan limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala. Dengan izin-Nya jua, telah wujud kestabilan politik. Kita patut merasa bangga kerana masyarakat dunia mengakui kemampuan Malaysia mengisi kemerdekaan dan membina kehidupan rakyatnya yang berbilang kaum berasaskan semangat perpaduan dan sikap toleransi. Perpaduan yang sedia terjalin itu hendaklah dipereratkan lagi supaya kita dapat menumpukan sepenuh usaha dan tenaga untuk pembangunan negara.

Walaupun perpaduan, kestabilan dan keamanan wujud dalam negara kita, Beta ingin mengingatkan kepada rakyat supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap perkembangan dan pergolakan yang berlaku di luar negara yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Rakyat juga perlu peka terhadap perkembangan isu-isu keselamatan, khususnya di sekitar kawasan perairan negara yang boleh menjejaskan kedaulatan dan keutuhan wilayah Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka. Di samping itu, kegiatan penyalahgunaan dadah masih lagi merupakan ancaman kepada negara. Justeru itu, usaha-usaha bagi membanteras wabak penyalahgunaan dadah di semua bidang perlu dipertingkatkan lagi. Beta menyeru setiap rakyat supaya terus mengeratkan perpaduan, mengukuhkan integrasi dan memantapkan ketahanan nasional. Inilah benteng utama kita dan di sinilah letaknya kekuatan kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 1991, Kerajaan Beta telah memperkenalkan Wawasan 2020 dan rakyat mula menghayati konsep Wawasan itu. Kerajaan juga telah melancarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang mengandungi Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Keenam. Bagi melaksanakan rancangan-rancangan tersebut, Kerajaan Beta telah mewujudkan Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional sebagai mekanisma bagi mengawas, menyelaras, menilai strategi dan pelaksanaan program-program pembangunan. Di samping itu, Sistem Penjadualan Yang Bersepadu diwujudkan untuk memudahkan agensi-agensi Kerajaan mengendalikan urusan-urusan mengurus, mengesan dan mengawasi pelaksanaan projek-projek Kerajaan mengikut masa yang ditetapkan.

Dari tahun 1988 hingga 1990, negara kita telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat pada kadar purata 9.3 peratus setahun. Pada tahun 1991, iaitu tahun pertama Rancangan Malaysia Keenam, pertumbuhan ekonomi adalah sebanyak 8.8 peratus dan pada tahun 1992 pula dijangka terus berkembang di paras 8.7 peratus. Kadar pertumbuhan ini adalah antara yang tertinggi di dunia. Sungguhpun kadar pertumbuhan ini adalah lebih rendah daripada kadar pertumbuhan dalam tahun-tahun terakhir Rancangan Malaysia Kelima, namun ianya melangkaui matlamat pertumbuhan keseluruhan Rancangan Malaysia Keenam, iaitu sebanyak 7.5 peratus.

Pencapaian pertumbuhan ekonomi yang pesat ini adalah hasil daripada langkah-langkah pragmatik yang diamalkan oleh Kerajaan Beta selama ini. Namun begitu, Beta suka mengingatkan supaya rakyat terus berusaha dan bekerja keras lagi bagi mengekalkan prestasi pertumbuhan ini untuk memastikan matlamat Dasar Pembangunan Nasional tercapai.

Selaras dengan kemajuan ekonomi negara, maka taraf sosio-ekonomi rakyat terus bertambah baik. Kerajaan Beta akan terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk mengurangkan perbezaan tahap pembangunan negeri-negeri dan mewujudkan pembangunan yang seimbang. Untuk menuju ke arah itu, Kerajaan Beta akan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur fizikal dan sosial di kawasan yang kurang maju untuk mempercepatkan lagi pembangunan di kawasan tersebut, di samping untuk menarik pelabur-pelabur ke kawasan berkenaan.

Dalam membentuk sebuah masyarakat yang bersatupadu dan untuk memastikan penguasaan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada satu-satu golongan sahaja, maka Kerajaan Beta sedang memberi penekanan kepada pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya tahan. Beta amat gembira dengan hasil Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang telah menunjukkan kematangan rakyat negara ini yang sama-sama membincangkan masalah pembangunan ekonomi Bumiputera dengan ikhlas dan hati yang terbuka.

Kerajaan Beta juga akan berusaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum terutama kumpulan termiskin di luar bandar termasuk ladang-ladang. Program-program sosio-ekonomi dan pembangunan pergerakan koperasi sedang giat dilaksanakan yang bertujuan meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup rakyat. Masalah kemiskinan relatif juga akan terus diberi perhatian supaya jurang pendapatan dapat dikurangkan.

Kerajaan Beta akan terus meningkatkan lagi program pembangunan negara selaras dengan matlamat untuk mencapai taraf negara maju. Dalam hubungan ini, tabung negara perlu ditingkatkan untuk mengekalkan kadar pelaburan yang tinggi. Bagi mencapai matlamat ini, semua pihak haruslah mengamalkan sikap berjimat cermat dan berbelanja ke atas apa yang perlu sahaja. Di samping itu, usaha-usaha hendaklah diteruskan bagi menarik pelaburan dan modal asing bagi membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sejajar dengan perkembangan pasaran kewangan dan sekuriti, Kerajaan Beta bercadang menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti yang bertujuan mengawal industri sekuriti yang tunggal. Penubuhan Suruhanjaya tersebut adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat kewangan di rantau ini. Adalah menjadi harapan kita supaya instrumen-instrumen baru, seperti opsyen di atas sekuriti dan dagangan masa hadapan kewangan serta dagangan masa hadapan komoditi akan diperkenalkan kepada umum.

Kerajaan Beta juga akan berusaha mewujudkan sistem percukaian yang komprehensif dan kompetitif untuk menggalakkan pelaburan, di samping meningkatkan pendapatan negara bagi membiayai usaha-usaha pembangunan. Di samping itu, usaha-usaha untuk memperluaskan asas percukaian, terutama cukai tidak langsung perlu dibuat untuk mengurangkan pergantungan Kerajaan kepada hasil petroleum sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam bidang perdagangan antarabangsa, Kerajaan Beta akan terus berusaha meningkatkan prestasi eksport barangan Malaysia. Usaha-usaha ini akan dilakukan melalui peningkatan hubungan perdagangan dengan semua rakan dagangan Malaysia, sama ada melalui hubungan dua hala atau pelbagai hala di samping mencari dan mengenalpasti pasaran-pasaran baru.

Justeru itu, strategi jangka panjang eksport negara akan diubahsuai untuk meningkatkan lagi pasaran eksport Malaysia di luar negeri. Pengubahsuaian ini akan mengambil kira perkembangan serantau dan kemunculan blok-blok perdagangan seperti Pasaran Eropah dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara serta perubahan yang sedang berlaku di Eropah Timur dan Republik-Republik yang dahulunya di bawah Kesatuan Soviet serta Negara-Negara Indo China. Kerajaan Beta akan terus menyokong usaha ke arah mewujudkan sistem perdagangan terbuka dan bebas.

Dalam hubungan ini, cadangan penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur yang mendapat sokongan negara-negara ASEAN akan dapat menyediakan satu forum rundingan mengenai isu-siu ekonomi dunia dan serantau. Keputusan Sidang Kemuncak ASEAN Keempat untuk mengadakan Skim Tarif Keistimewaan Samarata dan perwujudan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN pula akan dapat mempertingkatkan lagi perdagangan di rantau ini dalam jangka panjang.

Kerajaan Beta juga sedang berusaha untuk mempereratkan lagi kerjasama ekonomi dengan Negara-Negara Selatan. Beta menyeru supaya sektor swasta di negara ini merebut peluang yang telah dirintis oleh Kerajaan Beta untuk meluaskan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sektor pertanian dan industri barangan utama akan terus memberi sumbangan yang penting kepada kemajuan ekonomi dari segi bekalan makanan, pendapatan eksport dan pembangunan industri hiliran berasaskan sumber. Kerajaan Beta juga akan terus memperkukuhkan industri barangan utama melalui peningkatan produktiviti dan kualiti serta mengurangkan kos pengeluaran supaya barangan kita dapat terus bersaing dalam pasaran antarabangsa. Sehubungan dengan ini, Kerajaan Beta sedang menggubal Dasar Pertanian Negara Baru untuk mewujudkan sektor pertanian yang efisien, kompetitif, komersial dan dinamik dan juga mempunyai tahap integrasi yang tinggi dengan sektor pembuatan.

Usaha-usaha untuk membendung kempen anti kayu-kayan tropika dan minyak kelapa sawit akan dipergiatkan. Kerajaan Beta akan mengadakan promosi dan galakan untuk memastikan barangan utama Malaysia dapat pasaran yang sewajarnya. Beta berasa gembira dengan cadangan Malaysia untuk menubuhkan Pusat Penukaran Maklumat Mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Pembangunan Antara Negara-Negara Selatan dan Peraturan Pembayaran Duahala telah menjadi kenyataan.

Kerajaan Beta akan terus membangunkan industri pelancongan untuk menjadikannya sebagai salah satu industri yang penting dalam sektor perkhidmatan di negara ini. Tumpuan diberi bagi memperbanyakkan kemudahan pelancongan, latihan sumber manusia serta menggalakkan penglibatan rakyat dalam industri pelancongan. Untuk menuju ke arah ini, Kerajaan Beta akan memberi penekanan kepada pemeliharaan warisan sejarah dan kebudayaan negara supaya ianya menjadi tarikan pelancong asing dan dikekalkan untuk rakyat Malaysia masakini dan generasi akan datang.

Kerajaan Beta telah melaksanakan pelbagai projek untuk mempertingkatkan pembangunan infrastruktur pengangkutan dan perhubungan darat, laut dan udara. Pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru, pembinaan laluan keretapi dua hala, pembesaran Pelabuhan Kelang dan projek lebuh raya merupakan sebahagian daripada projek-projek yang diberi tumpuan oleh Kerajaan. Sistem komunikasi juga akan terus dipertingkatkan dan sekarang ini ianya dalam proses memasuki dalam era satelit. Dengan tertubuhnya Syarikat Pos Malaysia baru-baru ini dan perkembangan teknologi komunikasi, orang ramai akan mendapat perkhidmatan komunikasi yang lebih baik.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membekalkan tenaga dengan cekap dan pada taraf yang berpatutan bagi kegunaan industri dan kediaman. Kerajaan Beta akan mengkaji kemungkinan menggunakan potensi kuasa hidro untuk memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat. Di samping itu, Kerajaan Beta sedang menggalakkan penggunaan gas asli untuk menggantikan penggantungan kepada bahan petroleum sebagai bahan bakar untuk mengurangkan pencemaran udara.

Ketika negara mencapai kemajuan yang pesat dalam berbagai bidang, kita hendaklah berwaspada dan mengambil tindakan untuk mengurangkan atau menghapuskan kesan-kesan buruk terhadap alam sekitar akibat daripada proses pembangunan. Beta ingin menekankan bahawa penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak dan usaha ke arah mewujudkan kesedaran rakyat terhadap alam sekitar akan dipertingkat melalui program Minggu Alam Sekitar yang disambut tiap-tiap tahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Untuk menghasilkan tahap produktiviti dan kualiti yang lebih memuaskan, Kerajaan Beta akan meningkatkan program penyelidikan dan pembangunan dalam semua sektor. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta akan terus mengambil perhatian berat terhadap pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi di negara ini.

Kerajaan Beta akan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan untuk membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan mahir, bersesuaian dengan permintaan pasaran buruh dan keperluan teknologi. Penekanan juga akan diberi kepada penyediaan sifat-sifat penyayang, hormat-menghormati dan toleransi, budaya membaca, pembinaan daya kreativiti, perwujudan ciri-ciri keusahawanan dan usaha-usaha ke arah mencapai kecemerlangan di kalangan pelajar. Dalam bidang pendidikan ini juga, Kerajaan Beta memberi penekanan kepada penyediaan golongan teknokrat yang berkualiti. Usaha-usaha ke arah menambah program latihan profesional, sekolah-sekolah teknik dan vokasional terus dipergiatkan. Dalam hubungan ini, pihak swasta juga hendaklah memainkan peranan untuk meningkatkan kemahiran pekerja selaras dengan perkembangan teknologi. Syarikat-syarikat asing adalah digesa untuk memindahkan teknologi dan kemahiran kepada rakyat negara ini.

Perwujudan sebuah masyarakat yang progresif memerlukan perubahan dalam pemikiran, sikap dan cara hidup di samping penerapan nilai-nilai positif. Generasi muda perlu dilengkapi dengan pengetahuan yang saintifik, kemahiran dan sikap yang positif untuk memenuhi ciri-ciri ketahanan masyarakat progresif dan bersatupadu.

Dalam usaha mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi, Kerajaan Beta sentiasa memberi perhatian dan tumpuan kepada perkembangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti agama oleh institusi-institusi agama di negara ini. Kakitangan Kerajaan dan swasta digesa menghayati budaya kerja rajin dan cemerlang berasaskan kepada nilai-nilai murni yang dituntut oleh ajaran agama. Sehubungan dengan itu, tindakan tegas akan diambil kepada semua pihak yang menyelewengkan ajaran agama untuk kepentingan satu-satu golongan atau individu.

Kerajaan Beta akan terus menyediakan perkhidmatan nasihat kekeluargaan, kaunseling dan pelbagai bantuan untuk masyarakat, terutama mereka yang kurang bernasib baik. Adalah diharapkan kita dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang penyayang dan mempunyai nilai-nilai positif, bermaruah dan bermertabat tinggi.

Dalam bidang kesihatan pula, Kerajaan Beta akan terus berusaha memastikan taraf kesihatan penduduk negara ini ditingkatkan dari masa ke semasa dengan menambah perkhidmatan kesihatan dan perubatan terutama di kawasan luar bandar. Program pencegahan penyakit-penyakit berjangkit juga diberi tumpuan, khususnya di kalangan kanak-kanak.

Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang sihat selaras dengan kepesatan pembangunan negara. Pada tahun lepas Malaysia telah mengambil bahagian yang aktif dalam pertandingan sukan di peringkat antarabangsa dan serantau. Di pertandingan Kelayakan Hoki Olimpik Barcelona di Auckland, Malaysia telah berjaya menempah tempat untuk pertandingan hoki di Sukan Olimpik 1992.

Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah Sukan Korporat Sedunia yang julung kali diadakan di rantau ini pada tahun depan. Dengan usaha gigih oleh Kerajaan dan Majlis Olimpik Malaysia, Beta berharap negara kita akan terpilih pula untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998.

Beta menyeru media-massa di negara ini menggunakan sebaik-baiknya kebebasan akhbar. Media-massa haruslah menyedari akan tanggungjawabnya kepada masyarakat dengan bersikap positif khususnya untuk menjaga suasana keharmonian dan perpaduan rakyat. Di pihak Kerajaan Beta pula, usaha-usaha akan diteruskan untuk menyebarkan dasar-dasar Kerajaan dan program-program pembangunan negara melalui saluran yang sedia ada.

Kerajaan Beta sentiasa mendukung prinsip keluhuran Perlembagaan dan pemerintahan berdasarkan undang-undang. Sistem kehakiman kita yang bebas, adil dan saksama akan terus dipelihara.

Kerajaan Beta akan terus memastikan supaya pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah dikekalkan. Untuk mencapai tujuan itu, budaya kerja hendaklah mengikut tuntutan agama dan mestilah berlandaskan kepada kehendak undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan. Justeru itu, sifat-sifat amanah, disiplin, berani, rajin dan setia dalam menjalankan tugas perlulah menjadi teras kepada pembaharuan dan pembangunan negara, demi kesejahteraan rakyat jelata.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam bidang perhubungan antarabangsa, Beta berbangga dengan tindakan Kerajaan Beta, yang telah berjaya menghadapi cabaran-cabaran yang timbul dalam arena politik antarabangsa, demi menjaga kepentingan negara. Kerajaan Beta akan terus meningkatkan hubungan dengan Negara-Negara Selatan dan menerokai bidang kerjasama yang baru. Usaha diplomasi yang positif ini telah disambut baik oleh negara-negara membangun.

Kerajaan Beta akan meningkatkan kerjasama dengan Anggota-anggota ASEAN, Pertubuhan Negara-Negara Islam, Negara-Negara Komanwel dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Kerajaan Beta akan terus bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa melalui badan-badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menegakkan satu order baru dunia yang lebih adil dan saksama. Melalui Panji-Panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia telah diundang dan diberi penghormatan untuk menganggotai Pasukan Pengaman di seluruh dunia. Adalah menjadi harapan Beta negara-negara jiran kita di Indo China akan ikut serta menjadi anggota ASEAN. Beta percaya penglibatan mereka dalam ASEAN akan memperkuatkan lagi pertubuhan serantau ini dan meluaskan semangat setiakawan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota Perkhidmatan Kerajaan yang berkhidmat di dalam dan di luar negeri dengan penuh dedikasi, jujur dan taat setia serta semua pihak yang memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara. Beta menghargai dan menyanjung tinggi perkhidmatan Pasukan Keselamatan yang telah menjaga keselamatan dalam negeri, mempertahankan kedaulatan negara dan mengharumkan nama baik Malaysia di luar negeri.

Beta juga menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat supaya menjalankan tugas, kewajipan serta tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara.

Akhirnya, Beta menyeru semua rakyat supaya menumpu sepenuh taat setia kepada negara mengikut Prinsip-Prinsip Rukun Negara semoga negara kita yang tercinta akan terus bersatupadu, aman, maju dan makmur.

*Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

The English Translation is as follows:

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Mr. President of the Dewan Negara, Mr. Speaker of the Dewan Rakyat, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat.

With the Blessing of Allah the Almighty, we are able to be together today at this official opening of the First Meeting of the Second Session of the Eighth Parliament.

I am happy that the peaceful environment which prevailed in 1991 and the first quarter of 1992 has enabled the smooth implementation of government programmes. With the Almighty's Blessing, the peace and the comfortable life that we now enjoy is the result of our own efforts. There has also been political stability. We should be proud that the international community recognizes Malaysia as an independent nation capable of infusing its multi-racial society with the spirit of unity and tolerance and thereby building a strong foundation for development. This unity that has been fostered needs to be further strengthened so that all our efforts and energy are concentrated towards national development.

Although there is unity, stability and peace in our nation, I wish to remind all citizens that they should always be wary of developments overseas that may affect national security and the well-being of the people. The public has also to be sensitive to developments related to security especially those taking place around this region that can affect the sovereignty and solidarity of Malaysia as an independent nation.

Furthermore, dadah addiction is still a threat to the nation, and efforts need to be stepped up in all areas to combat this social ill. I urge all Malaysians to continue with their efforts to strengthen unity and integration and build national resilience. This is our bulwark and herein lies our strength.

Honourable Members,

Vision 2020, introduced by my government in 1991, and has been widely accepted by the people. My government has launched the Second Outline Perspective Plan which embodies the National Development Policy, as well as the Sixth Malaysia Plan. To implement these Plans, my government has established a coordinating and implementation mechanism of the National Development Policy which would supervise, coordinate, evaluate strategies and implement development programmes. In addition, an Integrated Scheduling System has been introduced to enhance monitoring and supervising of implementation of government projects within the stipulated time.

From 1988 to 1990, our nation has experienced rapid economic growth with the Gross Domestic Product expanding by an average of 9.3 percent per annum. In 1991, that is the first year of the Sixth Malaysia Plan, economic growth was 8.8 percent and in 1992 it is projected to grow at about 8.7 percent. This growth rate is among the highest in the world. Although this growth rate is lower than that of the last few years of the Fifth Malaysia Plan, it surpasses the overall target of 7.5 percent under the Sixth Malaysia Plan.

The achievement of this rapid economic growth is the result of the pragmatic steps that have been taken thus far by my government. Even then, I wish to reiterate that the people should continue to strive and work harder to perpetuate this economic performance and to ensure that the goals of the National Development Policy are achieved.

In line with the nation's economic progress, the socio-economic status of the people has improved further. My government will continue to accord priority to efforts aimed at reducing differences in development levels achieved by respective states so as to lead to a more balanced development. Towards this direction my government will expand the physical and social infrastructure in the less developed areas with the view to accelerating development and attracting investors to such areas.

In order to create a society that is fully united as well as to ensure that the control of the economy is not concentrated in any one group, my government is currently giving emphasis to the creation of a resilient Bumiputera Commercial and Industrial Community. I am extremely pleased with the outcome of the Third Bumiputera Economic Congress where problems of economic development of the Bumiputeras were discussed together with sincerity and open heartedness, indicating the level of maturity that now prevails.

My government will also strive to eradicate poverty irrespective of race, especially hard core poverty in the rural areas, including the estates. Socio-economic programmes and the development of the cooperative movement are actively being implemented with the view towards increasing income levels and the quality of life of the people. The problem of relative poverty will also continue to be given due consideration so that income gaps are reduced.

My government will continue to further enhance national development programmes in line with the objective of achieving the status of a developed nation. In relation to this, national savings need to be increased so as to sustain a high rate of investment. To achieve this objective, all Malaysians need to be thrifty and should spend only on what is necessary. In addition, efforts should continue towards attracting foreign investors and capital which can contribute towards sustaining national economic growth.

In line with the developments in the financial and securities markets, my government recommends the establishment of a Securities Commission which will oversee the securities industry. The establishment of this Commission is in line with the objective of the government to make Kuala Lumpur the financial centre for this region. It is our hope that new instruments, including options for securities and financial futures as well as commodities futures will be introduced.

My government will also strive to establish a comprehensive taxation system which is competitive and capable of promoting investments, increasing the national income as well as facilitation funding of national efforts. In addition, efforts to widen the tax base especially indirect taxes need to be undertaken with the view to reducing government dependence on petroleum revenue.

Honourable Members,

In the field of international trade, my government will continue to improve and enhance the export performance of Malaysian goods. This will be undertaken through a bilateral or multilateral enhancement of trade relations with Malaysia's trading partners. In addition, efforts will also be made to seek and identify new markets.

The nation's long-term export strategy will be revised with the view to further increase Malaysia's export markets. This will take into account regional developments, the emergence of trade blocs such as the European Market and the North American Free Trade Area, changes taking place in Eastern Europe and the Republics under the Former Soviet Union and developments in Indo-China. My government will continue to support efforts towards the establishment of an open and free trade system.

In relation to this, the proposal for the establishment of the East Asian Economic Caucus which has the support of the ASEAN countries will serve as the forum for consultations concerning regional and world economic issues. The decision of the Fourth ASEAN Summit to have a Common Effective Preferential Tariff Scheme and the

establishment of an ASEAN Free Trade Area will in the long run increase trade in this region.

My government is also striving to strengthen economic cooperation with the nations of the South. I urge the private sector in this country to seize the opportunities created by my government for expanding trade and investments with these nations.

Honourable Members,

The agricultural sector and primary products industry will continue to make significant contributions to economic progress in terms of food supply, export earnings and the development of downstream resource-based industries. My government will further strengthen the primary products industries through increased productivity and quality as well as reduction in the production costs so that our products will continue to be competitive in international markets. In relation to this, my government is drafting the New National Agricultural Policy with a view to create an efficient, competitive, commercial and dynamic agricultural sector which will have a high integraton with that of the manufacturing sector.

Efforts to counteract the anti-tropical wood and palm oil campaigns will be further intensified. My government will undertake promotional efforts in order to ensure that Malaysia's primary products gain access to world markets. I am happy that Malaysia's proposal to establish a Centre for the Exchange of Information on Investments, Trade and Development between nations of the South as well as the Procedures for Bilateral Payments have become a reality.

My government will continue to develop the tourism industry with the view to developing it into an important services industry. Emphasis will be given to expanding tourism facilities, training human resources as well as encouraging the people to involve themselves in the tourism industry. Towards this end, my government will give emphasis to the preservation of historical heritage and national culture for the benefit of present and future generations and at the same time to serve as an attraction for tourists.

Various infrastructure projects have been implemented by my government for land, sea and air communications. The construction of a new international airport, railway double-tracking project, expansion of Port Klang and the highway project are some of the projects that are being given emphasis by the government. The communications system will also be expanded and currently, the country is in the process of entering the satellite era. With the recent setting up of Syarikat Pos Malaysia and the developments in communications technology, a large number of people will be able to enjoy better communications services.

It is the policy of the government to provide an efficient energy supply at reasonable tariff rates to industries and residential premises. My government will study the possibility of using hydro power to meet the increasing energy demand. In addition, my government is promoting the use of natural gas to replace dependence on petroleum products as fuel and also as a way to reducing air pollution.

We must be cautious of the negative effects of development on the environment and steps need to be taken to reduce or eliminate such effects. I wish to emphasize that the care of the environment is the responsibility of all Malaysians and efforts will be made to increase the awareness of the people through the annual Environment Week programme.

Honourable Members,

In order to enhance the level of productivity and quality, my government will increase the research and development programmes in all sectors. In this regard, my government will continue to give high consideration to the development of science and technology in the country.

In terms of human resource development, my government will provide more education and training opportunities for the development of a qualified and skilled labour force to meet the demands of the labour market and technological knowhow. Emphasis will also be given to inculcate caring values, tolerance and mutual respect, a reading culture, the development of creative ability, entrepreneurship qualities and the culture of excellence among students. In education, my government will give emphasis to the creation of a core of qualified technocrats. Efforts towards increasing professional training programmes of the technical and vocational schools will be actively pursued. In relation to this, the private sector is also required to play a role in increasing the worker's skills in line with technological developments. Foreign companies are also urged to hasten the transfer of skill and technology.

The establishment of a progressive society requires a change in mental attitudes and way of life as well as the adoption of positive values. The young generation needs to be equipped with scientific knowledge, skills and positive attitudes so that they have the resilient characteristics of a progressive and united society.

In our efforts to establish a highly moral and ethical society, my government constantly provides due attention and emphasis to the development and implementation of religious activities undertaken by the various religious institutions in the country. Both public and private sector employees are urged to adopt the culture of hard work and excellence consistent with the revered values propounded by various religious teachings. Stern action will be taken against all parties who attempt to preach deviationist religious teachings for individual interest or the the interest of specific groups.

My government will continue to provide advisory and counselling services as well as various types of assistance to society, especially to the less fortunate. It is hoped that we will be able to create a caring Malaysian society that is imbued with positive values and self-respect.

In the field of health, my government will continue to ensure that health levels of the people improve over time through the expansion of health and medical facilities especially in the rural areas. Programmes for the prevention of contagious diseases will also be given emphasis especially among children.

My government will continue with its efforts to create a healthy Malaysian society in line with the rapid pace of national development. In the past year Malaysia took an active part in regional and international sports events. In the qualifying round for hockey for the Barcelona Olympics which was held in Auckland, Malaysia was successful in getting a place for the Olympic Games in 1992.

Malaysia has been given the honour to be the host for the World Corporate Games next year which will be held for the first time in this region. With the concerted efforts of the government and the Olympic Council of Malaysia, I hope our nation will be selected to host the Commonwealth Games in 1998.

I urge the mass media in this country to be wise in the use of freedom of the press granted to them. The mass media should be aware of its responsibility to society and play a positive role in safeguarding harmony and unity among the people. My government on its part will continue to disseminate information on government policies and development programmes through the existing channels.

My government at all times upholds the constitution and the rule of law. Our judiciary system which is free, fair and just will continue to prevail.

My government will continue to ensure a clean, efficient and trustworthy administration. To achieve this, a work culture based on religious values and consistent with legal requirements and procedures has to be instituted. Hence, characteristics such as trustworthiness, discipline, courage, diligence and obedience in the performance of duties by civil servants will form the thrust for national development and the well-being of the people.

Honourable Members,

In the field of international relations, I am proud of my government's achievement in successfully protecting national interest and meeting the challenges in the international political arena. My government will continue to enhance relations with the nations of the South and will explore new areas for cooperation. These positive diplomatic efforts have been well received by the developing countries.

My government will increase cooperation with ASEAN, Organisation of Islamic Countries, Commonwealth Countries and the Non-Aligned Movement. My government will cooperate with the international community through international bodies such as the United Nations, to ensure a new international order which is more fair and just. Malaysia was invited and given the honour to be a member of the International Peace Group. It is my hope that the neighbouring countries in Indo-China will become members of ASEAN. I believe their involvement in ASEAN will further strengthen regional development and widen the spirit of friendship.

I wish to express my gratitude to all members of the government service in the country and abroad for their loyalty, sincerity and dedicated service, and to all those who have contributed towards the nation's economic development. I would like to extend my appreciation and high regards to the security forces who have contributed towards ensuring internal security, defended national sovereignty and uphold Malaysia's good image abroad.

I call upon the Members of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat to perform the duties and responsibilities entrusted to them with sincerity and honesty for the sake of national interest.

Finally, I call upon all Malaysians to give their full loyalty to the nation based on the principles of the Rukun Negara so that our beloved nation will continue to be united, peaceful, progressive and prosperous.

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

MEMPERKENANKAN AKTA- AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memper-setujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) 1991;
2. Akta Perbekalan 1992;
3. Akta Sewa-Beli (Pindaan) 1992;
4. Akta Relif Spesifik (Pindaan) 1992;
5. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992;
6. Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992;
7. Akta Kemajuan Tanah (Pindaan) 1992;
8. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1992;
9. Akta Ekstradisi 1992;
10. Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1992;
11. Akta Syarikat (Pindaan) 1992;
12. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1992;
13. Akta Kewangan (No.2) 1992;
14. Akta Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian 1992;
15. Akta Pinjaman (Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian) 1992;
16. Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992;
17. Akta Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-duti Setem 1992;

18. Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992;
19. Akta Industri Pelancongan 1992;
20. Akta Duti Import (Pengesahan) 1992; dan
21. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1992.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen Penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“31hb Disember, 1991

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1992;
2. Rang Undang-undang Sewa-Beli (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan);
6. Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan);

7. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No.2);
9. Rang Undang-undang Ekstradisi;
10. Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Kewangan (No.2);
14. Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian;
15. Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian);
16. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan;
17. Rang Undang-undang Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-duti Setem;
18. Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia;
19. Rang Undang-undang Industri Pelancongan;
20. Rang Undang-undang Duti Import (Pengesahan); dan
21. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan).

Yang ikhlas,
t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA.”

CUTI KEPADA AHLI— KEBENARAN

**Y.B. Dato' Alexander Lee Yu
Lung (Batu)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Alexander Lee Yu Lung, Ahli Parlimen bagi Kawasan Batu dari 27 April hingga 3 Mei, 1992.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TENAGA MAHIR/SEPARA MAHIR—KEPERLUAN

1. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kajian mengenai keperluan tenaga pekerja mahir dan separa mahir telah dilaksanakan bagi memenuhi sektor perindustrian dan perkhidmatan di negara ini. Jikalau ada, apakah jenis tenaga pekerja yang diperlukan dan rancangan jangka pendek dan panjang bagi memenuhi keperluan tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia ada menjalankan kajian dari semasa ke semasa mengenai keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir bagi beberapa sektor ekonomi tertentu. Penemuan-penemuan dari kajian ini menunjukkan keperluan yang tinggi bagi beberapa jenis pekerja berkemahiran tinggi dan separuh mahir.

Dari kajian yang telah dijalankan ke atas projek-projek pelaburan yang diluluskan oleh MIDA bagi tempoh 1989-1991, adalah dianggarkan seramai 15,915 pekerja mahir dalam 15 bidang ketukangan, 6,075 operator CAD-CAM dan seramai 134,285 pekerja separuh mahir diperlukan bagi 1,105 projek pelaburan bagi tempoh 1989-1997.

Pada awal tahun ini, atas arahan Jemaah Menteri, Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan satu kajian mengenai keperluan tenaga pekerja mahir dan separa mahir bagi sektor pembuatan, perhotelan, restoran dan di stesen-stesen minyak di seluruh negara. Tidak lama lagi suatu laporan khas yang mengandungi perakuan-perakuan yang sesuai akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor yang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan jangka pendek dan panjang bagi memenuhi keperluan kekurangan tenaga kerja yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia adalah seperti berikut:

- (i) menambah dan meningkatkan program-program latihan dan latihan semula di institusi-institusi latihan awam;
- (ii) merapatkan jurang di antara usaha-usaha latihan dengan keperluan industri seperti penubuhan Jawatankuasa Penasihat Kurikulum di setiap institut latihan perindustrian;
- (iii) penyertaan perwakilan sektor swasta dalam Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dan dalam 12 Jawatankuasa Penasihat Ketukangan;
- (iv) sektor swasta khususnya sektor perkilangan digalakkan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka terutamanya pekerja-pekerja teknikal dan mahir. Untuk tujuan ini, Akta

Penubuhan Tabung Pembangunan Sumber Manusia akan dibentangkan dalam sesi Parlimen ini;

- (v) mengoptimumkan penggunaan institusi-institusi latihan awam melalui pelaksanaan konsep latihan yang khusus (customized training).

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Kerajaan mengkaji mengenai keperluan tenaga pekerja mahir, saya ingin tahu adakah Kerajaan dalam kajiannya juga mengkaji ataupun menimbang untuk menarik balik pekerja-pekerja mahir yang sedang bekerja di seberang laut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil jika Kerajaan sedang mengkaji untuk menarik balik pekerja-pekerja mahir daripada seberang laut?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan sebab kita dengan izin, practise open economy.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kekurangan pekerja tenaga mahir dan separa mahir ini menyebabkan perlunya kedatangan tenaga kerja pekerja dari negara asing? Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan berhubung dengan masalah ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya ada mengatakan dalam jawapan bahagian (iv) tadi iaitu sektor swasta khususnya sektor perkilangan digalakkan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka terutamanya pekerja-pekerja teknikal dan mahir. Untuk tujuan ini, Kementerian saya akan bentangkan satu Akta yang baru di sesi Parlimen ini.

AIDS/HIV—JAMINAN KERAJAAN

2. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah jenis jaminan yang diberi oleh Kerajaan kepada sesiapa

yang sanggup berterus terang mahu mengakui bahawa mereka itu pembawa kuman HIV dan penyakit AIDS; dan

- (b) apakah bentuk persiapan-persiapan yang disediakan oleh Kerajaan kepada pengidap-pengidap AIDS yang sudah dikenalpasti sebelum mereka menemui maut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak kurang jelas, walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawabnya juga.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesiapa yang mengaku sebagai pembawa kuman HIV dan mengidap AIDS akan diberi rawatan perubatan yang sewajarnya termasuk mengesahkan penyakit dan kaunseling perubatan. Semua maklumat pesakit adalah dirahsiakan melainkan pesakit tersebut memilih dengan secara sukarela mengumumkan bahawa beliau adalah seorang pembawa HIV dan mengidap penyakit AIDS seperti yang dilakukan oleh beberapa orang yang ternama baru-baru ini seperti Freddy Mercury dan sebagainya. Dalam hal demikian, rawatan yang diberi adalah seperti yang direkomen oleh pihak doktor dan Kementerian Kesihatan dengan kerjasama NGOs boleh bekerjasama dengan pesakit tersebut untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang bahayanya penyakit AIDS.

- (b) Semua pengidap AIDS termasuk yang dikenalpasti akan menemui maut akan diberi rawatan perubatan mengikut keperluan perubatan masing-masing oleh hospital yang terdekat yang mempunyai pakar perubatan. Kakitangan hospital telah dan

terus dilatih untuk merawat pesakit-pesakit AIDS di semua peringkat penyakit itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu hospital untuk pesakit-pesakit AIDS. Kalau ada, bila dan di mana akan diadakan hospital seperti ini. Adakah benar bahawa pihak Kerajaan tidak begitu berminat untuk menjaga orang-orang yang membawa kuman AIDS ataupun penyakit AIDS ini? Kalau benar, apakah yang boleh dibuat oleh Kerajaan untuk memperbetulkan keadaan kerana walaupun kenyataan demi kenyataan yang menyatakan bahawa ada kemudahan untuk membuat rawatan kepada pesakit AIDS tetapi pada hakikatnya ada langkah-langkah yang diambil itu kurang memuaskan dan. . . .

Beberapa Ahli: Soalan! soalan!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini satu penyakit yang sangat serius. Rakan di sebelah situ pun mungkin. . . . (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Mungkin kerana mereka tak berminat untuk mendengar apa hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan selain daripada kenyataan yang manis-manis itu untuk mengatasi pendapat-pendapat daripada orang ramai bahawa pihak Kerajaan tidak begitu serius untuk memberi rawatan kepada pembawa dan pesakit AIDS?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada satu keputusan yang muktamad untuk Kementerian Kesihatan mengadakan satu hospital khas untuk pesakit-pesakit AIDS. Walau bagaiman-

manapun, kajian sedang dijalankan untuk mengenalpasti apakah kemudahan-kemudahan yang perlu diberi kepada pesakit-pesakit tersebut.

Mengenai dengan soalan yang kedua, saya kurang yakin bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu betul yang mengatakan bahawasanya Kerajaan tidak begitu berminat tentang menjaga pesakit-pesakit AIDS ini. Jika sekiranya kita mengikuti dengan dekat kita dapati bahawa Kerajaan memberi perhatian yang khusus, malah penyakit ini adalah termasuk dalam salah satu daripada senarai penyakit-penyakit yang telahpun disenaraikan dalam kempen yang akan dijalankan dan sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Jika sekiranya terdapat kes-kes tertentu (specific cases), sila beritahu kepada Kementerian Kesihatan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sedang menjaral satu kepercayaan bahawa AIDS boleh dijangkiti melalui tukang-tukang gunting rambut iaitu melalui penggunaan pisau cukur yang sama yang digunakan kepada ramai orang-orang yang datang menggunting rambut. Adakah ini satu kenyataan dan jikalau ianya satu kenyataan yang boleh dibuktikan, apakah tindakan-tindakan Kerajaan untuk menghadapi masalah ini kerana jikalau ianya merupakan satu kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, ramai lagi orang yang akan dijangkiti dengan AIDS.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Yang di-Pertua, dalam pengumuman-pengumuman yang telah dibuat, kita telah menurunkan beberapa kemungkinan yang boleh seseorang itu mendapat penyakit AIDS dan salah satu daripada kemungkinan ialah melalui pisau cukur. Ini adalah satu kemungkinan mengikut teorinya, tetapi setakat ini kita belum mendapat laporan daripada mana-mana pihak pun yang mengatakan seseorang itu telah mendapat penyakit tersebut melalui pisau cukur.

Walau bagaimanapun, kita telahpun menurunkan satu garis panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan di dalam garis panduan umum tentang bagaimana pisau cukur itu patut dicuci dan kita berasa gembira mendengar bahawa tukang-tukang cukur akhir-akhir ini telahpun mengambil sikap bahawa mereka menukar ataupun mengadakan pisau cukur yang berasingan untuk seseorang pelanggan mereka.

PENYERTAAN RAKYAT SINGAPURA DALAM PERKILANGAN

3. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kilang-kilang kepunyaan rakyat Singapura dibina dan beroperasi di seluruh negara dan di mana kilang-kilang ini bertempat; dan
- (b) berapa banyakkah rakyat Singapura bekerja di tiap-tiap kilang tersebut dengan menyatakan pecahan angka mengikut jantina pekerja tersebut.

11.5.92

50. Tuan Mohamed Khalid bin Nordin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah dan nilai pelaburan rakyat Singapura di negeri ini dalam sektor perkilangan;
- (b) di manakah kebanyakan daripada kilang-kilang tersebut beroperasi; dan
- (c) berapa ramaikah rakyat Singapura yang diberi kebenaran bekerja di kilang-kilang ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab

soalan ini bersama soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru pada 11 Mei tahun ini kerana soalan-soalan ini adalah berhubungkait dengan pelaburan dari Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Kementerian ini, bagi tempoh berakhir 31 Disember 1990, sebanyak 711 kilang dengan penyertaan rakyat Singapura telah dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian tahun 1975 dan sedang beroperasi. Maklumat ini tidak termasuk projek-projek perkilangan yang tidak memerlukan kelulusan Kementerian ini kerana projek-projek ini adalah di bawah tahap pelesenan. Taburan kilang-kilang tersebut tertumpu di negeri Johor Darul Takzim, iaitu 262, Selangor Darul Ehsan - 186, Pulau Pinang - 72, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - 52 dan Perak Darul Ridzuan - 42.

Cadangan modal pelaburan dalam projek-projek perkilangan dengan penyertaan rakyat Singapura yang telah diluluskan bagi tempoh 1980 sehingga tahun 1991 adalah sebanyak \$4.2 bilion

Mengikut rekod Jabatan Imigresen, bilangan rakyat Singapura bekerja di kilang-kilang tersebut adalah 823 orang. Pecahan angka mengikut pecahan jantina pekerja tersebut tidak dapat diberikan sekarang kerana ini perlu pengumpulan perangkaan secara terperinci. Saya pohon izin untuk memberi maklumat-maklumat tersebut secara bertulis.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jenis kilang yang dikendalikan oleh rakyat Singapura itu dan berapakah jumlah tenaga pekerja Malaysia yang diambil bekerja?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis kilang yang ditubuhkan oleh rakyat Singapura mengikut yang terbesar sekali daripada segi fixed asset ialah:

- (i) bidang hasil bahan galian bukan metalic;
- (ii) sektor hasil bahan logam buatan;
- (iii) hasil bahan logam asas;
- (iv) sektor hasil bahan getah;
- (v) sektor petroleum dan batu arang;
- (vi) sektor kimia dan hasil bahan kimia; dan
- (vii) sektor hasil bahan plastik.

Mengenai jumlah pekerja Malaysia yang dimajikan oleh pelabur Singapura, saya tidak ada angka pada masa ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa bulan yang lepas, beberapa rakyat Singapura yang masuk ke Malaysia dan mungkin juga bekerja di kilang-kilang yang dimaksudkan ini telah didapati mencemuh sistem Kerajaan dan juga rakyat Malaysia. Apakah tindakan Kerajaan bagi menentukan perkara-perkara seperti ini tidak berulang khususnya mereka yang terlibat dengan penubuhan dan perjalanan kilang-kilang ini?

Tuan Chua Jui Meng: Saya minta maaf kerana soalan ini adalah di dalam bidangkuasa Kementerian yang lain, bukan Kementerian saya.

JAMBATAN BATU KAWA, SARAWAK—TAWARAN KONTRAK

4. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan siapakah telah ditawarkan kontrak membina Jambatan Batu Kawa di Negeri Sarawak, berapakah wang nilai projek tersebut, adakah tender terbuka diamalkan dalam projek ini dan bilakah projek dijadual siap dibina.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak bagi projek pembinaan Jambatan Batu Kawa di atas Sungai Sarawak telah diberi kepada Syarikat Larsen & Toubro Limited daripada negara India. Nilai kontrak ini ialah \$13:4 juta dan projek ini dijangka siap pada bulan April tahun 1994.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian kontrak ini ditawarkan kepada syarikat-syarikat dari negara India sahaja berdasarkan tawaran tender terbuka.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kenapa syarikat dari India dipilih khas untuk projek ini yang terletak di negeri Sarawak dekat Kuching. Adakah tidak ada sesuatu syarikat Malaysia yang layak, yang tidak pandai, yang tidak boleh buat satu jambatan begini dan apakah dasar Kementerian berkenaan sekarang tentang membangunkan syarikat tempatan untuk mengendalikan projek begini supaya negara kita Malaysia tidak perlu membayar foreign exchange kepada luar negeri supaya defisit dalam service accounts dalam imbalan pembayaran negara kita tidak begitu rugi. Bagaimanakah syarikat-syarikat tempatan dapat digalakkan untuk mengendalikan projek begini untuk masa hadapan?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, pemberian kontrak-kontrak kepada negara India adalah berdasarkan tender terbuka di bawah polisi counter-trade. Dengan menggunakan prosedur akaun bukti atau evidence accounts, dengan izin, sebanyak 6 kontraktor India telah dijemput mengambil bahagian di dalam tawaran projek Jambatan Batu Kawa dan

Batang Sadong. Hanya sebanyak 3 tawaran telah diterima daripada syarikat-syarikat India yang telah menawarkan projek ini.

Soalan yang kedua, Kerajaan memang cukup menggalakkan kontraktor-kontraktor tempatan bukan sahaja di Sarawak tetapi dari Semenanjung bersama-sama, tetapi perkara ini telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu di antara Kerajaan India dan Kerajaan Malaysia. Oleh kerana itu bukan tidak ada kontraktor-kontraktor tempatan yang layak, memang banyak yang layak tetapi perkara ini adalah satu keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauhmanakah penglibatan rakyat tempatan di dalam pembinaan jambatan Batu Kawa dan jambatan Batang Sadong yang juga telah ditawarkan kepada syarikat dari India tersebut, kerana saya telah difahamkan bahawa pekerja-pekerja separuh mahir juga akan diimport dari India ke Sarawak?

Kedua, jika perkara ini tidak benar, saya minta Kementerian Kerja Raya menyatakan siapakah pemborong-pemborong tempatan yang telah dilantik oleh syarikat ini sebagai sub-kontraktor mereka bagi pembinaan kedua-dua jambatan ini?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kerja Raya apabila satu-satu projek telah ditawarkan kepada satu kontraktor, ini terpulanglah kepada kontraktor itu sama ada kontraktor itu mengambil satu sub-kontraktor ataupun tidak.

Yang kedua, sama ada benar atau tidak iaitu kakitangan mahir ataupun separuh mahir yang diambil oleh kontraktor ini dari negeri India, ini juga bergantung kepada satu perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan India.

SKIM TABUNG PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

5. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah projek yang dibiayai di bawah bantuan Skim Tabung Projek Perumahan Terbengkalai. Daripada jumlah tersebut berapa peratuskah yang telah dipulihkan sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Skim Tabung Projek Perumahan Terbengkalai diperkenalkan oleh Kerajaan pada bulan Jun 1990 dengan peruntukan sebanyak \$300 juta; pada bulan Februari tahun 1991 peruntukan ini ditambah kepada \$600 juta.

Setakat 15hb April 1992 sebanyak 90 projek telah diluluskan di bawah Skim Tabung Projek Perumahan Terbengkalai yang memerlukan bantuan kewangan berjumlah sebanyak \$294.3 juta. Kesemua 90 projek itu melibatkan 21,144 unit rumah yang terdiri daripada 20,186 rumah kediaman dan 958 unit rumah kedai. Sehingga ini sebanyak 2 projek atau kira-kira 2.2% daripada bilangan projek yang telah diluluskan bantuan telah siap dipulihkan sepenuhnya iaitu Projek Taman Sri Jelok, Kajang yang melibatkan 236 unit rumah dan Taman Selayang Utama, Selayang yang melibatkan 99 unit rumah. Di samping itu, sebanyak 22 projek sedang dalam pembinaan, manakala yang lain-lain masih dalam peringkat panggilan tender dan urusan penyediaan dokumen perjanjian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau boleh memberikan butir-butir mengenai semua projek perumahan terbengkalai yang tidak mendapat kelulusan untuk pinjaman daripada Tabung tersebut terutama sekali dari segi unit rumah,

bilangan pembeli-pembeli rumah dan juga nilai projek perumahan terbengkalai tersebut.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan mengapakah pihak Kerajaan enggan melanjutkan tabung atau bantuan ini kepada pembeli-pembeli rumah terbengkalai seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa ia akan ditamat pada 1hb Mac? Bolehkah satu keistimewaan diberikan supaya pembeli-pembeli tersebut masih boleh diberikan bantuan daripada Kerajaan?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Pihak Kementerian Kewangan mempunyai butir-butir terperinci mengenai kes-kes yang ditolak dan juga yang belum dipertimbangkan. Oleh kerana senarainya panjang, saya tidak dapat hendak mengemukakan di Dewan yang mulia ini, tetapi memadai jika saya maklumkan bahawa jumlah ataupun bilangan permohonan yang diterima ialah 268 kesemua sekali yang melibatkan bilangan rumah sebanyak 55,143 unit serta pembiayaan sebanyak \$2.5 ribu juta. Sehingga ini pihak Tabung ini telahpun menimbangkan kira-kira 188 kes di mana 90 diluluskan, yang ditolak sebanyak 55 merupakan permohonan yang tidak layak, 10 permohonan yang ditangguhkan, 20 permohonan yang ditarik balik oleh pemohon sama ada yang ditolak terus jumlahnya ialah 13.

Mengenai sama ada pertimbangan boleh diberikan untuk melanjutkan tempoh, Kementerian Kewangan telahpun membuat pengumuman bahawa permohonan yang diterima sebelum 29hb. Februari tahun ini sahaja yang layak dipertimbangkan dan buat masa ini tidak ada rancangan untuk melanjutkan atau memberi keistimewaan kepada pemohon-pemohon yang masih lagi membuat permohonan kerana kita sudahpun membuka tabung ini kira-kira dua tahun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di antara pemohon-pemohon yang telah diterima berapa banyakkah permohonan daripada Sarawak dan adakah telah diluluskan; kalau tidak diluluskan adakah syarat-syarat yang tertentu yang menentukan permohonan-pemohonan daripada negeri itu tidak diterima?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, daripada 268 permohonan yang diterima, sebanyak 4 permohonan adalah daripada Sarawak melibatkan 560 unit rumah dan anggaran kos projek sebanyak \$44 juta; setakat ini sepanjang pengetahuan saya belum ada yang diluluskan di Sarawak.

PASUKAN LOGISTIK USA— PEMINDAHAN KE SINGAPURA

6. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah pandangan ASEAN tentang pakatan untuk memindahkan pasukan logistik USA dari Pengkalan Laut Subic di Filipina ke Singapura;
- (b) apakah ada kemungkinannya wujudnya Pengkalan Tentera sepenuhnya pula selepas ini;
- (c) apakah langkah ini boleh mengugat kewibawaan ASEAN yang selama ini masih tegas memperjuangkan konsep ZOPFAN (Zon Aman, Bebas dan Berkecuali); dan
- (d) apakah ini membuktikan hakikat bahawa permuafakatan antara negara anggota ASEAN kelihatan seolah-olah kian longgar.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) ASEAN tetap mendukung aspirasi untuk mewujudkan suatu

kawasan yang Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini. Pengkalan-pengkalan tentera asing yang sedia ada dianggap sementara sahaja. Mengenai pemindahan Pasukan Logistik USA dari Subic Bay ke Singapura, tidak ada pandangan atau kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh negara-negara ASEAN sebagai pendirian ASEAN.

- (b) Jaminan telahpun diberi oleh Singapura bahawa tawaran kepada Amerika Syarikat tidak akan membawa kepada wujudnya pengkalan sepenuhnya selepas ini.
- (c) ASEAN tetap akan terus berusaha untuk mewujudkan ZOPFAN sepertimana yang telah dipersetujui di Sidang Kemuncak ASEAN yang telahpun diadakan di Singapura pada 27hb. - 28hb. Januari, 1992, dan andaian bahawasanya akan mengugat kewibawaan ASEAN itu tidak timbul sama sekali.
- (d) adalah menjadi harapan kita bahawa semua negara-negara anggota-anggota ASEAN akan terus memberi keutamaan kepada permuafakatan dan kesetiaan ASEAN dan apa sahaja tindakan yang diambil tidak menjejaskan hakikat ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Soalan tambahan. Hubungan di antara negara-negara ASEAN sekarang ini berada dalam keadaan "tegang dalam damai" terutama sekali antara Malaysia dan Singapura. Apakah perkara ini berlaku kerana merebut pengaruh Amerika datang ke negara mereka masing-masing sehingga menyebabkan Perdana Menteri terpaksa bekerja kuat untuk menghadapi pelobi-lobi Amerika yang cuba memperkecilkan Amerika sekarang ini? Jadi soalan saya apakah

ASEAN sekarang ini cuba merebut pengaruh Amerika, dengan itu negeri yang merasakan mereka menjadi "anak emas" kepada Amerika menjadi agak samseng menghadapi negeri-negeri ASEAN yang lain?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju di atas anggapan Yang Berhormat yang mengatakan ada tegangan dalam kedamaian antara negara-negara anggota ASEAN. Saya juga tidak setuju tentang adanya rebutan untuk menarik pengaruh ataupun menarik hati Amerika Syarikat untuk sesuatu tujuan antara anggota-anggota negara ASEAN, kalau adapun itu semua berlandaskan atas pertimbangan ekonomi semata-mata.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kemudahan Pasukan Logistik Amerika di Singapura ini, satu kemungkinan mungkin berlaku iaitu pembawakan senjata-senjata nuklear oleh kapal-kapal perang Amerika dan juga pesawat-pesawat terbang Amerika. Apabila ini berlaku dan ianya akan berlaku, apakah pendirian Malaysia sebagai negara jiran yang paling dekat apabila menghadapi hakikat ini bahawa kitalah yang mengutarakan konsep ZOPFAN dan juga Nuclear Free Zone? Jadi, apakah pendirian kita apabila perkara ini berlaku yang mana senjata nuklear datang just on our door steps, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat telah beritahu tadi memang dasar kita ialah menentang kemasukan ataupun adanya mana-mana senjata nuklear dalam kawasan rantau ASEAN ini dalam konsep kita ingin mewujudkan kawasan nuclear free area dalam ASEAN. Maka sekiranya ada wujudnya ataupun terdengar berita yang ada termasuk senjata nuklear ke dalam negara-negara anggota ASEAN, Kerajaan Malaysia tetap akan menentanginya.

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN KUCHING—KELEWATAN DAN AMALAN RASUAH

7. **Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Kuching lewat mengeluarkan permohonan untuk memperbaharui lesen yang sedia ada dan untuk mengeluarkan lesen baru;
- (b) adakah benar bahawa beberapa orang pegawai di Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Kuching meminta duit rasuah daripada pemohon lesen; dan
- (c) kalau benar, sejauh mana dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Badan Pencegah Rasuah untuk memperbaiki situasi ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada amalannya bagi pembaharuan lesen, pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan tiga bulan sebelum tamat lesen untuk menentukan bahawa lesen baru dapat dikeluarkan sebelum tamat lesen sedia ada. Kelambatan yang mungkin timbul disebabkan pemohon lewat mengemukakan permohonan.

Bagi lesen baru LPKP Sarawak bertanggungjawab memproses dan mengeluarkan surat tawaran kepada pemohon yang berjaya. Surat tawaran ini kemudiannya akan dibawa ke Jabatan Pengangkutan Jalan untuk tujuan pendaftaran kenderaan-kenderaan pemohon. Selepas laporan pemeriksaan

dibuat, pemohon akan mengemukakan kembali kepada LPKP untuk pengeluaran lesen. Kelewatan kelulusan lesen baru adalah disebabkan pengisian borang yang tidak lengkap serta pihak pemohon lambat menghantar kenderaan ke JPJ untuk diperiksa.

Untuk mengatasi kelewatan pembaharuan lesen dan pengeluaran lesen baru, pihak LPKP Sarawak sedang mengambil tindakan untuk menggunakan borang yang lebih mudah untuk diisi serta mempercepatkan prosedur kelulusan.

- (b) Tuduhan ini tidak benar. Untuk membanteras rasuah, LPKP Sarawak sentiasa bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah.

LAWATAN KE NEGARA AMERIKA SELATAN—HASIL

8. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah 'follow-up-follow-up' yang berkesan berhubung dengan hasil dari lawatan ke negara-negara Amerika Selatan seperti berikut:

- (1) perdagangan;
- (2) diplomatik;
- (3) sosial dan kebudayaan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Negara-negara Amerika Selatan menerima baik dan menunjukkan minat untuk mengadakan hubungan perdagangan yang lebih erat dengan Malaysia dan negara-negara rantau ini dan juga di Asia Timur memandang pertumbuhan ekonomi yang pesat yang ada kini.
- (2) Sehubungan dengan ini, Malaysia telah menandatangani beberapa perjanjian kerjasama

dua hala dengan negara-negara berkenaan seperti perjanjian perdagangan, perjanjian pembayaran dua hala, perjanjian kerjasama saintifik dan teknikal. Kesan yang jelas dari perjanjian-perjanjian tersebut adalah dengan adanya bertambah pertukaran-pertukaran lawatan di peringkat Menteri, pegawai-pegawai serta ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua belah pihak.

- (3) Sesuai dengan dasar Kerajaan untuk mengeratkan kerjasama di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut khususnya dalam konteks Selatan-Selatan, maka duta-duta kita telahpun memulakan tugas mereka kenegara Chile dan Argentina pada awal tahun ini.

FARDU HAJI—KENAIKAN TAMBANG KAPALTERBANG

9. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan keputusan Kabinet melarang LUTH menaikkan bayaran peruntukan menunaikan Haji tahun ini sebanyak \$500.00:

- (a) atas dasar apa LUTH mencadangkan kenaikan itu;
- (b) adakah sekatan Kabinet itu dibuat atas sebab-sebab bayaran sekarang sudah munasabah dan LUTH tetap tidak menanggung kerugian;
- (c) jika sikap Kabinet itu melibatkan implikasi kewangan, pihak manakah yang terpaksa memikul bebannya antara LUTH, MAS atau kedua-duanya sekali; dan
- (d) jika LUTH dan MAS memikul beban kewangan, sejauh mana ia membabitkan penyimpanan-penyimpanan LUTH dan pemegang saham MAS.

Menteri di-Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, Kabinet telah membuat keputusan bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak akan menaikkan tambang kapalterbang untuk menaikan fardu Haji pada tahun ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan tambang Tabung Haji pada tahun akan datang?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat MAS dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedang membuat perkiraan untuk tambang tahun hadapan. Jadi, terlalu awal untuk saya mengumumkan pada hari ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apakah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah cukuplah, Yang Berhormat.

PESAWAT TENTERA UDARA SINGAPURA—KEMUDAHAN RUANG UDARA

10. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pertahanan menyatakan berikutan dengan kekerapan terhempasnya pesawat tentera Singapura di Johor:

- (a) apakah asas dan bentuk perjanjian yang dijalin antara Malaysia dan Singapura untuk memberi keistimewaan kepada pesawat-pesawat tentera dari Singapura sewenang-wenangnya menggunakan ruang udara Johor. Apakah faedah politik, ekonomi dan ketenteraan yang diperolehi daripada perjanjian tersebut;

(b) sejak perjanjian itu, berapa banyakkah pesawat tentera udara Singapura atau yang berlepas dari Singapura yang terhempas di Johor. Apakah pampasan diberi dan banyak mana bagi setiap kejadian;

(c) apakah Kerajaan Malaysia bersedia mengkaji semula keistimewaan yang diberikan kepada pesawat tentera Singapura menggunakan ruang udara Johor. Jika tidak, mengapa; dan

(d) apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap permintaan Kerajaan Negeri Johor supaya melarang penerbangan tentera dari Singapura melintasi kawasan-kawasan kediaman negeri tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah meluluskan permohonan Kerajaan Singapura untuk mendapatkan kemudahan menggunakan ruang udara Johor bagi maksud latihan di kawasan aras rendah dan laluan utara bagi pesawat Tentera Udara Republik itu untuk menuju ke tempat latihan di Laut China Selatan. Kelulusan tersebut telah dibuat melalui pertukaran nota diplomatik yang mana Republik tersebut perlu mengikut beberapa peraturan yang ditetapkan. Kelulusan diberikan atas semangat kejiranan yang sedia ada di antara kedua-dua negara.

Semenjak 1982 sebanyak empat pesawat tentera udara Singapura yang terhempas di Johor. Kementerian Pertahanan tidak terlibat dalam isu pemberian pampasan yang diputuskan. Ianya dibuat atas persetujuan persendirian di antara pihak yang terlibat dan Kerajaan Republik Singapura.

Di atas cadangan Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan telah mengkaji dan menimbang semula peraturan penggunaan ruang udara Johor bagi pesawat Tentera Udara Singapura.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Adakah pernah berlaku pelanggaran syarat di pihak Singapura? Sekiranya ada, apakah tindakan dan bentuk bantahan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jika berlaku pelanggaran syarat yang telah ditetapkan, maka perkara ini akan dirundingkan mengikut saluran diplomatik.

JAMBATAN MENYEBERANGI SUNGAI RAJANG, SARAWAK— PEMBINAAN

11. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Rajang di Durin, Sarawak, sangat diperlukan dengan segera. Jika Kerajaan sedar, adakah ia telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keenam; jika ia, bilakah pembinaan jambatan itu akan dimulakan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa pembinaan jambatan Batang Rajang di Durin, Sarawak adalah penting untuk perhubungan jalanraya utama Sarawak. Oleh itu, projek Jambatan Rajang telahpun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bagaimanapun, memandangkan Sungai Rajang agak lebar dan peruntukan yang diperlukan juga adalah besar, oleh itu kajian terperinci akan dijalankan terlebih

dahulu sebelum pembinaan dilaksanakan. Kajian berkenaan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini dan hanya selepas kajian tersebut selesai, pembinaannya boleh dimulakan.

KEMASUKAN RAKYAT INDONESIA KE MALAYSIA— LARANGAN

12. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa berikutan dengan keputusan Indonesia tidak membenarkan rakyatnya yang mengkritik pemerintah daripada kembali ke Indonesia:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat rakyat Indonesia tersebut daripada memasuki negara ini. Jika ya, mengapa. Jika tidak, adakah mereka diterima mendapatkan perlindungan politik jika terdapat permohonan;
- (b) setakat ini adakah Kerajaan telah menerima sebarang permohonan daripada rakyat Indonesia untuk mendapatkan perlindungan politik di negara ini; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sekatan yang sama terhadap rakyat Malaysia yang menjalankan kegiatan anti-kayu tropika di luar negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan ini pada mulanya telah diutarakan ke Kementerian Luar Negeri, tetapi sebenarnya adalah atas pengurusan Kementerian Dalam Negeri. Bagi menjawab soalan—

- (a) Sebagai dasar, Kerajaan tidak akan menyekat kemasukan rakyat Indonesia. Walau

bagaimanapun, larangan masuk ke negara ini bagi seseorang warganegara asing dibuat mengikut merit sesuatu kes. Di bawah undang-undang Imigresen, Kerajaan boleh melarang kemasukan orang asing yang tidak diingini.

- (b) Kerajaan pernah menerima permohonan perlindungan politik daripada rakyat Indonesia.
- (c) Rakyat Malaysia adalah bebas keluar dan kembali ke negara ini bila-bila masa. Walau bagaimanapun, mereka yang terlibat dalam kegiatan memburuk-burukkan negara sendiri di luar negeri akan terus diperhati dan tindakan yang sesuai akan diambil mengikut undang-undang jika terbukti keterlibatan mereka itu.

SIDANG KEMUNCAK OIC DI SENEGAL

13. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab beliau tidak hadir sendiri ke Sidang Kemuncak OIC di Senegal hujung tahun lalu, sedang beliau terkenal gemar menghadiri sidang kemuncak yang lain-lain sepanjang menerajui pimpinan negara;
- (b) adakah pada pandangan beliau bahawa sidang itu tidak akan memberi banyak kesan; dan
- (c) jika sebab-sebab tidak hadir itu kerana IOC tidak berkesan, apakah Malaysia tidak merasa perlu memainkan peranan seperti yang pernah ditunjukkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman

Putra dulu supaya badan itu benar-benar dapat mewakili kepentingan negara-negara umat Islam.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Luar telah menghadiri sidang kemuncak OIC di Dacca, Senegal pada hujung tahun 1991 lalu, di mana delegasi Malaysia telahpun diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dapat menghadiri sidang kemuncak tersebut oleh kerana pada masa yang sama beliau berada di Caracas Venezuela untuk menghadiri dan mempe-ngerusikan sidang kemuncak Kumpulan 15;
- (b) Sidang Kemuncak OIC di Senegal itu banyak memberi kesan kepada negara-negara Islam khususnya dalam bidang sosio-ekonomi dan politik umat Islam pada keseluruhannya;
- (c) Malaysia menyokong dan yakin atas perjuangan serta kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pihak OIC dalam menjaga kesejahteraan dan kepentingan negara-negara serta umat Islam seluruhnya. Sejak ianya ditubuhkan, Malaysia tidak pernah gagal untuk menjelaskan sumbangan-sumbangannya baik dari segi kewangan mahupun sumbangan dalam konteks kerjasama antara negara-negara anggota pertubuhan tersebut. Kita akan terus memainkan peranan yang aktif di dalam kegiatan-kegiatan pertubuhan tersebut sepertimana yang telah dipelopori oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra sejak badan tersebut ditubuhkan dahulu.

KWSP—PENGELUARAN WANG SECARA PENIPUAN

14. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kedudukan pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mem-babitkan isu pengeluaran wang secara penipuan;
- (b) apakah hasil penyiasatan Kerajaan di dalam kes ini; dan
- (c) apakah langkah serta tindakan Kerajaan selanjutnya bagi memberi jaminan dan perlindungan kepada pencarum-pencarum.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengurusan tertinggi KWSP telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasat Dalaman untuk menyiasat dengan lebih lanjut penglibatan kakitangan dan pegawai-pegawai KWSP di dalam kes penipuan dalam pengeluaran caruman yang telah dikenalpasti pada bulan Februari yang lalu.

Kes-kes ini melibatkan pengeluaran caruman untuk tujuan membeli rumah bukan kos rendah dari orang perseorangan. Seorang pegawai pentadbir dan seorang pembantu am rendah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah ditahan untuk disoalsiasat oleh pihak Polis dan kedua-dua kakitangan tersebut telah dilepaskan dengan jaminan Polis sehingga 15 Mei 1992. Selain daripada pegawai dan kakitangan tersebut, setakat ini tidak ada pegawai lain yang ditahan oleh Polis.

- (b) Oleh kerana Jawatankuasa Penyiasat Dalaman ini masih lagi menjalankan penyiasatannya, hasil penyiasatan masih belum diketahui.

- (c) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai usaha membendung penyelewengan dalam proses pengeluaran caruman, pihak KWSP akan memperkukuhkan lagi sistem prosedur kawalan yang sedang diamali sekarang. Di antara lain, prosedur-prosedur kawalan yang dilaksanakan termasuklah usaha penyemakan dokumen permohonan pengeluaran untuk menentukan tidak berlaku pemalsuan dokumen tersebut. Penyemakan ini adalah termasuk pengesahan mengenai butir-butir dokumen tersebut daripada pihak-pihak berkenaan yang mengeluarkan dokumen seperti pejabat pendaftaran, bank-bank dan sebagainya.

Satu lagi langkah kawalan keselamatan yang telah dilaksanakan ialah mengadakan sistem di mana lebih daripada seorang pegawai diperlukan untuk meluluskan permohonan pengeluaran bagi mengurangkan kesilapan serta kemungkinan penyalahgunaan kuasa. Selain dari itu, kekerapan pemeriksaan audit dalaman dan luaran ke atas sistem pengeluaran KWSP juga telah ditingkatkan lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa keskah yang berlaku sejak dua tahun ini di mana waran-waran palsu ditunaikan? Adakah lebih daripada 20 kes seperti ini? Kalau ada, apakah langkah-langkah selain yang disebutkan tadi yang telah diambil untuk memastikan tidak akan berlakunya kes-kes seperti ini memandangkan KWSP mempunyai lebih 5.8 juta pencarum. Dengan bilangan yang begitu banyak, susahlah untuk mengawal. Adakah cadangan untuk menggunakan tanda jari daripada pencarum dari rekod-rekod lama dipindahkan pada waran-waran tersebut dan saya berpendapat perkara ini sangat serius.

Tuan Yang di-Pertua: Pendapat Yang Berhormat tidak boleh, bawa keluar pertanyaan sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman yang sebelah situ yang tidak begitu faham mengenai hal yang begitu penting. Tuan Yang di-Pertua, ya cukuplah. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: . . . dan apakah tindakan yang akan diambil termasuk untuk memindahkan tanda jari?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kes yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini melibatkan pengeluaran oleh orang-orang perseorangan untuk membeli rumah bukan kos rendah ataupun non-low cost houses dan bilangan kes seperti ini ialah 95 kesemuanya sekali.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil, Kerajaan terutama sekali KWSP sepertimana yang dinyatakan tadi, sedang mengambil langkah-langkah yang perlu tetapi dalam hubungan ini, ingin dimaklumkan bahawa memandangkan bilangan kes adalah terlalu banyak, ada kemungkinan kadang-kadang human error akan berlaku. Umpamanya, berkaitan dengan pengeluaran untuk perumahan ini, kes yang terlibat ialah kira-kira 100,000 permohonan yang diluluskan tahun lalu berjumlah kira-kira \$800 juta. Jadi, dengan bilangan yang begitu besar iaitu kira-kira 100,000 permohonan yang diluluskan sudah semestinyalah ada sedikit sebanyak kekurangan di sana sini. Tetapi dalam konteks bilangan yang sebegitu besar, bilangan 95 daripada kira-kira 100,000 pada pandangan Kerajaan adalah berkaitan dengan human error tetapi dalam pada itu, Kerajaan memandang berat perkara ini dan tindakan akan diambil untuk mengatasinya di masa hadapan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

DADAH—BILANGAN PENAGIH

15. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penagih dadah baru setiap bulan dan bilangan yang dapat dipulihkan;
- (b) apakah jumlah penagih dadah baru ini telah meningkat daripada masa-masa lalu; dan
- (c) bilangan dan peratus penagih yang keluar dari Pusat Serenti balik menagih dan apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan penagih dadah baru dikesan ialah di antara 500-600 orang setiap bulan. Bilangan yang dapat dipulihkan ialah seramai 45,286 orang mulai daripada tahun 1983 hingga tahun 1991.
- (b) Jumlah penagih dadah baru telah meningkat sebanyak 5% daripada tahun 1990 hingga sekarang.
- (c) Seramai 9,127 penagih telah tamat tempoh rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti dalam tempoh dari tahun 1987 hingga hujung tahun 1991. Dari jumlah itu, bilangan yang balik menagih ialah seramai 3,641 orang ataupun 39.89%.

Antara usaha-usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah ini terutama bimbingan dan bantuan sokongan kepada bekas-bekas pelatih adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan Program Jagaan lanjutan bagi tempoh dua tahun;

- (ii) menyediakan Pusat Jagaan Lanjutan bagi bekas-bekas pelatih yang dibebaskan dari Pusat Serenti yang mengalami masalah tempat tinggal dan sosial untuk menetap di Pusat tersebut bagi tempoh enam bulan;
- (iii) dalam tempoh selepas dibebaskan dari Pusat Serenti, mereka diberi bantuan, bimbingan, nasihat, sokongan dan susulan perkembangan reintegrasi oleh pegawai-pegawai pemulihan dadah, keluarga, badan-badan sukarela seperti PENGASIH atau Persatuan Bekas-bekas Pelatih, Jawatankuasa Pemulihan Dadah dan pihak PEMADAM serta memberi bantuan pelancaran kepada mereka yang mempunyai minat dan kebolehan dalam bidang perniagaan, ternakan dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Kerajaan akan memberi kebenaran kepada pihak swasta untuk menjalankan kegiatan pemulihan dan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan kepada pihak tersebut?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada tiga Pusat Pemulihan swasta yang mendapat sokongan dari pihak Kerajaan. Yang pertama di Batu Gajah. Yang kedua di Anak Bukit iaitu merupakan penekanan keagamaan dan satu lagi ialah di Sungai Ikan di Terengganu.

Jadi, ketiga-tiga pusat ini mendapat bantuan dan juga pertolongan dari pihak Kerajaan dan jikalau sekiranya ada

pihak-pihak yang benar-benar tidak bertujuan untuk mengeksploitasikan keadaan penagih-penagih ini iaitu untuk mendapat keuntungan dan sebagainya, pihak Kerajaan akan memberi pertolongan dan bantuan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah bantuan-bantuan yang telah diberi kepada pihak swasta setakat ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada keadaan. Kalau tiap-tiap bantuan yang dikehendaki itu, kertaskerja mestilah diutarakan kepada pihak PEMADAM ataupun Badan Petugas Khas Anti Dadah dan kalau kita lihat bahawa ia benar-benar memberi manfaat kepada penagih-penagih, kita akan mulakan bantuan tersebut.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tempat pemulihan ataupun tempat tahanan untuk menahan penagih dadah pada masa ini tidak cukup dan pihak Polis cuma menangkap penagih dadah dan mereka dibebaskan oleh kerana tidak ada tempat untuk menahan mereka?

Soalan kedua, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 19 Pusat Serenti di seluruh negara dan boleh menampung dalam satu masa 6,000 orang. Keadaan yang sebenarnya bukan semua penagih-penagih yang ditangkap itu mesti dimasukkan ke dalam Pusat-pusat Serenti. Mereka yang dimasukkan ke Pusat Serenti berdasarkan kepada adakah negatif atau positif, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apabila mereka diuji air kencing mereka kadangkala negatif dan apa pula pihak-pihak yang sudah pandai menggunakan benda-benda luar yang boleh selepas mengambil dadah pun diuji air kencingnya didapati negatif.

Yang kedua, ialah jikalau sekiranya keadaan penagih itu tidak berapa teruk, boleh dijagakan oleh keluarga, kita tidak akan menghantarkan mereka ke Pusat-pusat Serenti, hanya sekiranya mereka yang benar-benar sudah teruk.

Yang ketiga, ada keluarga apabila anak-anak mereka ditangkap, diuji dan positif mereka telah menjamin termasuklah ketua-ketua kampung dan wakil-wakil rakyat ada juga merayu agar mereka ini dibebaskan. Inilah yang menyusahkan pihak kita untuk melaksanakan undang-undang untuk menahan mereka di Pusat-pusat Pemulihan. (*Ketawa*) Sekian terima kasih.

SMK BUNDU TUHAN—TAPAK BARU

16. Dr Osman bin Minudin minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Sekolah SMK Bundu Tuhan akan dibina kerana sekolah ini telah lama menumpang dengan SK Bundu Tuhan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawasan SRK Bundu Tuhan ini agak sempit dan tidak mempunyai ruang untuk bangunan baru bagi SMK Bundu Tuhan. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah melalui projek kilat telah membina bangunan-bangunan tambahan untuk menampung keperluan sekolah tersebut. Pembinaan SMK Bundu Tuhan akan dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh setelah tapak baru dikenalpasti dan diperolehi.

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat Tuan Joseph Voon.

Tuan Joseph Voon: Tuan Yang di Pertua, soalan yang . . .

Tuan Yang di Pertua: Minta maaf, minta maaf. Yang Berhormat Tuan Richard Riot anak Jaem.

GRADUAN BUMIPUTRA KELUARAN ITM

17. Tuan Richard Riot anak Jaem minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah Bumiputera yang telah mendapat diploma, mengikut bidang dan jurusan, dari Institut Teknologi Mara (ITM) sejak institusi itu ditubuhkan pada tahun 1956 hingga sekarang.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Institut Teknologi Mara (ITM) telah mengeluarkan graduan seramai 53,924 orang yang mengikut pengajian di peringkat sijil, diploma, diploma lanjutan dan diploma lepasan ijazah sejak 1969 hingga 1991. Di antara bidang-bidang pengkhususan yang dikeluarkan oleh ITM ialah Sastera, Ikhtisas, Kejuruteraan, Pengurusan dan Pentadbiran, Sains Komputer, Seni bina dan beberapa bidang lain lagi.

Tuan Fong Kui Lun: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari segi ramai jumlah Bumiputera yang berjaya dikeluarkan oleh ITM, adakah Kerajaan bercadang untuk membuka pintu pengajian bagi pelajar-pelajar bukan Bumiputera untuk kursus-kursus tertentu secara berperingkat-peringkat.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di Pertua, memang ada bidang-bidang kursus yang tertentu di ITM yang kita tawarkan kepada calon-calon pelajar-pelajar bukan Bumiputera. Soalan itu kita boleh kaji.

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DI KOTA KINABALU

18. Tuan Joseph Voon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa bekalan elektrik di Bandar Kota Kinabalu selalu terputus apakah tindakan

yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini;

- (b) mengenai Ketua Eksekutif Lembaga Letrik Sabah yang selalu berada di luar Negeri Sabah; dan
- (c) kenapakah anak tempatan Sabah tidak boleh dilantik ke jawatan tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di Pertua, kekurangan tenaga elektrik di Bandar Kota Kinabalu di antara 28hb Mac hingga 13hb April 1992 adalah disebabkan oleh kerosakan talian penghantaran di antara Tenom dan Beaufort. Salah satu daripada ketiga-tiga pengalir bahagian tersebut telah putus. Sementara satu talian lain telah mengalami kerosakan penebat. Talian penghantaran ini rosak kerana dihempap oleh pokok di bahagian lereng bukit curam akibat dari kebakaran hutan dan tiupan angin kencang.

Tuan Yang di Pertua, tindakan telah diambil untuk membaik pulih talian yang berkenaan dan bekalan kuasa ke Bandar Kota Kinabalu telah pulih seperti biasa pada 13hb April 1992.

Buat masa ini bekalan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan beban di grid pantai barat termasuklah Kota Kinabalu. Kementerian ini adalah sentiasa mengawasi agar gangguan bekalan dapat dielakkan.

Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan soalan (b), saya ingin mengingatkan bahawa Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Letrik Sabah adalah suatu jawatan yang sangat penting; dalam menjalankan tugas dan kewajibannya, beliau perlulah bergerak ke seluruh negeri Sabah bagi memastikan agar program-program

dan projek-projek Lembaga Letrik Sabah dilaksanakan mengikut jadualnya. Seperti Yang Berhormat sedia maklum Negeri Sabah mempunyai keluasan yang sangat besar. Oleh yang demikian waktu perjalanan yang diperlukan adalah tidak sedikit.

Tambahan pula Lembaga Letrik Sabah kini sudah merancang untuk melaksanakan beberapa projek baru yang memang memerlukan perundingan dan penyelarasan dengan pihak Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa. Oleh yang demikian pada hemat saya Ketua Eksekutif Lembaga Letrik Sabah telah dan sedang menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau dengan sempurna.

Sekiranya Yang Berhormat atau mana-mana pihak lain ingin berjumpa dengan Ketua Eksekutif Lembaga Letrik Sabah saya ingatkan supaya membuat temujanji terlebih dahulu.

Mengenai soalan (c), saya ingin memaklumkan bahawa beberapa orang anak tempatan telahpun dilantik untuk beberapa jawatan di Lembaga Letrik Sabah. Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum, sebelum seseorang itu boleh dilantik bagi menyandang sesuatu jawatan, kelulusan dan pengalaman yang mencukupi amatlah diperlukan. Oleh yang demikian apabila calon-calon daripada anak tempatan yang memenuhi syarat-syarat kelulusan dan pengalaman yang ditetapkan muncul, mereka akan dipertimbangkan untuk mengisi jawatan Ketua Eksekutif.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 59 adalah diberi di bawah ini)

PONDOK TELEFON AWAM— PEMASANGAN

19. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan syarat-syarat dan garis panduan yang dikenakan pada Syarikat Telekom Malaysia Berhad tentang permintaan dan kelulusan Pondok Telefon Awam. Adakah Kementeriannya bercadang menubuhkan satu badan atau Lembaga di peringkat daerah dengan tujuan mengawasi mutu perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat tersebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pondok Telefon Awam boleh dibahagi kepada dua kumpulan, iaitu:

- (i) Dalam bandar; dan
- (ii) Luar bandar.

Lesen untuk mengusahakan pemasangan peralatan dan mengendalikannya perkhidmatan telefon awam dalam bandar telah diluluskan kepada Syarikat Uniphone Sdn. Bhd. mulai 20hb. Jun, 1988. Kawasan yang diberikan kepada syarikat tersebut meliputi semua kawasan dalam bulatan 20 km mengelilingi tiap-tiap ibusawat dalam bandar. Manakala pengendalian perkhidmatan telefon awam di luar bandar pula telah dijalankan oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Pertimbangan untuk pemasangan sesebuah Pondok Telefon Awam hanya akan diberi apabila ianya mendapat sokongan daripada pihak berkuasa daerah atau negeri. Permohonan-permohonan ini kemudiannya akan ditapis pula oleh Jawatankuasa Telefon Awam yang terletak di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, sebelum Syarikat Uniphone Sdn. Bhd. dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad diarah untuk memasang pondok-pondok telefon tersebut.

AKADEMI LAUT MALAYSIA— BILANGAN NAKHODA

20. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah kadet yang telah dilatih di ALAM (Akademi Laut Malaysia) sejak ianya ditubuhkan dan berapa ramaikah yang telah menjadi nakhoda. Berapa ramaikah yang masih belum menjadi nakhoda dan apakah faktor yang menyebabkan mereka belum lagi mencapai kelayakan tersebut; dan
- (b) menjelang 2020, berapa ramaikah tenaga manusia yang akan diperlukan di industri perkapalan khususnya dalam bidang:
 - (i) Kelasi
 - (ii) Jurutera
 - (iii) Nakhoda

dan apakah keupayaan yang ada pada ALAM sekarang (baik dari segi infrastruktur, pensyarah, peruntukan, sistem pembelajaran dan status perundangan) dapat membantu Kerajaan melahirkan jumlah tenaga yang diperlukan pada tahun 2020 nanti.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Sejak penubuhan Akademi Laut Malaysia (ALAM) dalam tahun 1981, ALAM telah berjaya melatih seramai 586 orang pegawai kadet dek (deck officer). Dari jumlah tersebut, 13 orang telah berjaya menjadi nakhoda dengan memperolehi Sijil Kecekapan Nakhoda Pelayaran Asing (Certificate of Competency in Master Foreign-going Ship). Baki seramai 573

orang masih belum mendapat Sijil Kecekapan Nakhoda Pelayaran Asing yang membolehkan mereka menjadi nakhoda.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan mereka belum lagi mencapai kelayakan sebagai seorang nakhoda adalah seperti berikut:

- (i) program pendidikan dan latihan kelautan memerlukan jangka masa yang panjang di antara 8 hingga 10 tahun atau lebih sebelum seseorang pegawai kadet berjaya mencapai kelayakan sebagai seorang nakhoda dengan menjalani latihan berselang-seli di darat dan di laut. Seseorang pegawai itu dimestikan mengikuti beberapa kursus dan menduduki peperiksaan secara berperingkat-peringkat bagi mendapatkan Siji-sijil Kecekapan berkenaan;
- (ii) pemilihan bagi tarikh peperiksaan Sijil Kecekapan yang dikendalikan oleh Jabatan Laut adalah disesuaikan dengan tarikh-tarikh tamat kursus latihan di ALAM untuk membolehkan pegawai-pegawai yang telah menghadiri kursus menduduki peperiksaan tersebut. Namun demikian, terdapat keadaan di mana pegawai-pegawai yang tidak berjaya dalam peperiksaan tersebut tidak dapat mengulangi peperiksaan berikutnya oleh kerana mereka terpaksa

berkhidmat dan belayar dengan syarikat perkapalan masing-masing. Oleh itu, peluang untuk menduduki semula peperiksaan adalah dibataskan oleh kerjaya mereka sendiri; dan

- (iii) ALAM pada masa ini berupaya memberi kemudahan latihan lanjutan kepada kira-kira 15 orang pegawai pada satu-satu masa bagi tujuan menduduki peperiksaan kecekapan yang berkenaan berdasarkan kemudahan peralatan kursus seperti simulator pengendalian kapal, peralatan latihan kerja-kargo serta bilik-bilik syarahan yang sedia ada.
- (b) Sehingga kini tiada lagi satu kajian yang menyeluruh terhadap keperluan tenaga manusia yang terlatih di dalam industri perkapalan yang telah dibuat. Kajian sepintas lalu oleh ALAM berdasarkan jumlah kapal yang berdaftar di Malaysia sehingga bulan Ogos 1991 sebanyak 589 buah kapal serta anggaran keperluan tenaga manusia meningkat pada paras 5% setahun, keperluan tenaga manusia terlatih di dalam industri perkapalan sehingga tahun 2020, di negara kita diramalkan memerlukan seramai 25,074 orang kelasi kapal, 13,965 orang jurutera laut (engine officer) dan 14,000 pegawai dek (deck officer).

ALAM mempunyai potensi untuk mengeluarkan lebih ramai tenaga manusia terlatih di bidang kelautan bagi tujuan memenuhi keperluan tenaga terlatih disektor

tersebut menjelang tahun 2020. Untuk tujuan itu, beberapa perubahan perlu dibuat kepada ALAM seperti berikut:

- (i) meningkat infrastruktur meliputi kemudahan bilik-bilik darjah, dewan syarahan dan bengkel, asrama dan mengadakan keperluan peralatan sejajar dengan pertambahan pelatih-pelatih. Pada masa ini ALAM berupaya mengendalikan sejumlah 350 pelatih pada satu-satu masa;
- (ii) Satu kajian yang menyeluruh dari segi identiti korporat ALAM serta keperluan pembiayaan, pengurusan dan pembangunan kini sedang dibuat bertujuan menjadikan ALAM sebagai satu institusi latihan kelautan negara yang berwibawa dan mampu mengeluarkan tenaga manusia terlatih di bidang kelautan selaras dengan ekonomi negara yang pesat membangun.

PENCEROBOHAN SEMPADAN OLEH NEGARA JIRAN

21. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pencerobohan sempadan/kawasan oleh pasukan bersenjata negara-negara jiran ke negara ini sejak tahun 1985 yang telah dikesan;

- (b) dari jumlah tersebut, berapakah yang terjadi akibat kesilapan yang tidak disengajakan seperti tersesat, kemalangan dan lain-lain;
- (c) apakah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan selepas satu kejadian tersebut dan sehingga setakat manakah kejayaannya;
- (d) langkah-langkah yang dilakukan bagi menentukan negara ini terjamin selamat dari sebarang pencerobohan luar; dan
- (e) sehingga setakat manakah kesan langsung termasuk kerugian yang dialami akibat pencerobohan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bilangan pencerobohan oleh pasukan bersenjata negara jiran 1985 yang telah dikesan.
- (b) Pencerobohan akibat kesilapan yang tidak disengajakan dilaporkan pernah dibuat oleh Angkatan Tentera Thailand pada 1987 dengan membina kem sementara di sempadan Perak dan oleh Angkatan Tentera Singapura di Johor pada 1988.
- (c) Tindakan yang diambil selepas berlakunya pencerobohan adalah seperti berikut:
 - (i) menjalankan siasatan menentukan kesahihan pencerobohan;
 - (ii) memberitahu negara yang berkenaan, meminta penjelasan dan nota bantahan melalui saluran diplomatik;

	1985	1986	1987	1988	1989	1990	1991
Singapura	-	-	7	2	1	4	-
Thailand	-	-	1	-	-	-	4
Indonesia	(kebelakangan ini berlaku hampir setiap 1 hari di Pulau Sipadan sejak pulau ini dipertikaikan sejak 2 tahun lepas).						

- (iii) mempertingkatkan kawalan, rondaan dan tinjauan udara, darat dan laut, yang mana berkenaan; dan
- (iv) mengadakan pertemuan dua-hala dengan negara yang berkenaan.

Kehadiran pasukan keselamatan di sempadan darat dan laut adalah untuk memperlihatkan kedaulatan negara ke atas kawasan yang berkenaan.

- (d) Menerus dan mempertingkatkan kehadiran pasukan keselamatan setiap masa di kawasan sempadan darat dan laut sebagai langkah untuk menjamin pencerobohan tidak berulang.
- (e) Jumlah kerugian yang dialami tidaklah begitu besar. Dalam 2 insiden yang terjadi di negeri Perlis pada tahun 1991, tidak melebihi \$50,000 dan barang-barang yang dirampas ini telahpun dikembalikan.

JEMAAH TABLIGH— PENGHARAMAN

22. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan adakah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri berhasrat hendak memperakukan supaya gerakan Tabligh diharamkan. Jika ya, mengapa.

Encik Othman bin Abdul: Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri belum berhasrat untuk memperakukan supaya gerakan Jemaah Tabligh diharamkan kerana Bahagian ini masih lagi menjalankan kajian terperinci mengenai pertubuhan itu. Sekiranya hasil kajian menunjukkan bahawa gerakan Jemaah Tabligh akan merugikan umat Islam di masa hadapan, maka Bahagian Hal Ehwal Islam akan memperakukan supaya tindakan yang sesuai diambil ke atas gerakan tersebut.

AMANAH PELAJARAN BUMIPUTERA—CADANGAN MENUBUHKAN

23. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan matlamat Kerajaan menubuhkan Amanah Pelajaran Bumiputera (APB) dan apakah rancangan serta peranannya untuk membantu kaum bumiputera dan bagaimana cara-cara ia dapat membantu kaum bumiputera.

Dato' Dr. Siti Zaharah bin Haji Sulaiman: Setakat ini Kerajaan, khususnya Kementerian Perusahaan Awam, masih lagi belum bercadang mengadakan apa yang dipanggil Amanah Pelajaran Bumiputera.

JAWATANKUASA PELABURAN ASING—DERAF GARIS- PANDUAN

24. Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab Kerajaan menolak atau menangguhkan garis-panduan-garis panduan baru yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (JPA);
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keberkesanan JPA sebagai instrumen untuk mencapai aspirasi nasional serta usaha mengatasi kelemahan-kelemahan garis panduan-garis panduan JPA yang sedia ada; dan
- (c) perancangan pelaksanaan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang terus terlaksana di dalam Dasar Pembangunan Negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):

- (a) Tujuan utama Deraf Garispanduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee - FIC) ialah untuk memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai dasar-dasar dan langkah-langkah yang diamalkan oleh FIC. Deraf ini disediakan setelah FIC menerima banyak rungutan pihak pelabur-pelabur terhadap dasar-dasar dan peraturan-peraturan FIC yang dikatakan tidak jelas. Sebagai amalan biasa, Deraf Garispanduan FIC yang baru ini telah dibincangkan dengan pihak swasta untuk mendapatkan pandangan mereka sebelumnya dilaksanakan. Semasa perbincangan tersebut, pihak pelabur swasta telah menyatakan kebimbangan bahawa satu garispanduan yang begitu terperinci akan menjejaskan iklim pelaburan negara, terutamanya di masa kini di mana terdapat ketidaktentuan di dalam pasaran modal pelaburan dunia. Oleh itu, untuk mengelakkan kesalahfahaman, kekeliruan dan kesalahtafsiran yang diragui mungkin akan menjejaskan iklim pelaburan negara ini, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak melaksanakan deraf garispanduan yang baru, dan sebaliknya mengekalkan Garispanduan FIC yang sedia ada.
- (b) Semenjak ditubuhkan dalam tahun 1974, FIC telah memberi sumbangan yang sangat berkesan kepada pencapaian aspirasi nasional dalam memastikan peluang ekonomi yang lebih seimbang di kalangan rakyat Malaysia selaras dengan DEB. Untuk mempertingkatkan lagi

keberkesanan garispanduan yang sedia ada, FIC akan terus mengambil usaha-usaha berikut:

- (i) usaha-usaha akan ditingkatkan untuk memberi penjelasan mengenai Garispanduan FIC kepada pihak swasta untuk memudahkan pematuhan sepenuhnya Garispanduan FIC sedia ada ini;
- (ii) FIC akan meminta kerjasama syarikat-syarikat yang melaksanakan perolehan, pengambilalihan, pencantuman dan urusanniaga lain yang memerlukan kelulusan FIC dan yang belum menyusun semula ekuitinya itu, supaya mengambil langkah-langkah menyusun semula ekuitinya itu seboleh-bolehnya mencerminkan Dasar Pembangunan Nasional.
- (c) Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam dokumen Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000, strategi-strategi asas Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat terus dikekalkan di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk mencapai pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan akhirnya matlamat perpaduan negara. Berdasarkan pengalaman DEB selama 20 tahun yang lalu di samping mengambil kira perkembangan-perkembangan dan cabaran-cabaran baru, beberapa pengubahsuaian dibuat seperti yang terkandung di dalam Wawasan 2020 serta penekanan baru diperkenalkan dalam

perancangan pelaksanaan strategi-strategi di bawah DPN supaya dapat memperkukuhkan lagi prinsip pertumbuhan berserta pengagihan secara berterusan.

Pengubahsuaian dan penekanan-penekanan baru ini ialah:

- (i) memberi tumpuan kepada membasmi kemiskinan di kalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif;
- (ii) membangunkan secara lebih tersusun sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya saing dan berdaya tahan;
- (iii) meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat; dan
- (iv) memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia.

Di samping menerus dan mengubahsuaikan strategi-strategi asas DEB ke arah memperbetulkan keseimbangan ekonomi antara kaum, beberapa program telah dirancang untuk pelaksanaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam bagi mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan. Antara program-program yang telah disusun dan sedang dilaksanakan ialah:

- (i) memperbaiki keberkesanan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan memperkemaskan cara pendekatan dan

sistem penyaluran sumber-sumber Kerajaan supaya memberi faedah secara langsung kepada golongan sasaran. Sejumlah kira-kira \$609 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Baru-baru ini, Kerajaan juga telah menyediakan sejumlah \$500 juta peruntukan pinjaman khas kepada keluarga termiskin untuk membeli unit-unit saham ASB;

- (ii) melaksanakan program-program pembangunan luar bandar untuk meningkatkan mutu hidup rakyat seperti projek-projek pertanian bersepadu yang diperuntukkan kira-kira \$1,439 juta, bekalan air dan elektrik luar bandar \$1,813 juta, pembinaan rumah kos rendah luar bandar \$0.165 juta, kemudahan kesihatan luar bandar \$172 juta dan kemudahan jalan-jalan kampung dan luar bandar ialah \$1,050.6 juta;
- (iii) menekankan program-program bagi meningkatkan kualiti keusahawanan di kalangan bumiputera seperti latihan keusahawanan, pinjaman perniagaan, perdagangan dan pemasaran, aktiviti pembuatan dan penyediaan tapak perniagaan ke arah pembentukan sebuah MPPB yang kukuh. Sebuah perbadanan baru, iaitu PUNB telahpun ditubuhkan dan kini sedang mula beroperasi bagi tujuan ini. Di samping itu, Kerajaan

baru-baru ini telah menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga bersama-sama dengan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia sebagai satu langkah untuk memperkemaskan pelaksanaan MPPB dan kini sedang mengkaji resolusi-resolusi KEB3 untuk pelaksanaan; dan

- (iv) mempertingkatkan program pembangunan sumber manusia menerusi perluasan kemudahan persekolahan dan latihan, khususnya di bidang teknikal supaya kaum bumiputera yang terlatih dapat diwujudkan bagi mencapai matlamat penyusunan semula gunatenaga di samping meningkatkan keupayaan bumiputera mengekal dan mengurus secara berkesan kekayaan mereka.

SISA TOKSID—PEMBUANGAN DI PANTAI TANJUNG BATU

25. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap sebuah syarikat swasta di Pantai Remis yang bertanggungjawab membawa masuk lebih 5,000 tan metrik sisa toksid dari Singapura untuk dibuang di Pantai Tanjung Batu dekat pekan berkenaan sejak beberapa tahun lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah sewajarnya yang akan diambil untuk memastikan bahawa peristiwa yang seumpama itu tidak akan berulang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):

- (a) Sehingga ke tarikh ini Kerajaan belum lagi mengambil tindakan mahkamah terhadap syarikat terlibat kerana siasatan polis belum lagi selesai. Tindakan lanjut hanya akan diambil bergantung kepada hasil siasatan Polis.
- (b) Bagi memastikan bahawa kejadian membawa masuk buangan toksid secara haram ke negara ini tidak terjadi, negara Malaysia akan menyertai Basal Convention bagi mengawal pergerakan dan pelupusan buangan berbahaya melangkahi batas negara, yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Kewangan (Jabatan Kastam) sedang meneliti undang-undang kastam yang wajar bagi pengawalan import.

JENAYAH PERDAGANGAN— PEMALSUAN GERAN DI KOTA KINABALU

26. Tuan Radin Malleh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilakah penjenayah-penjenayah yang bertanggungjawab melakukan jenayah perdagangan atau penipuan memalsukan geran tanah di Jabatan Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu yang melibatkan wang \$12 juta yang dilaporkan pada tahun 1987 di Balai Polis Karamunsing, Kota Kinabalu dibawa ke mahkamah; dan
- (b) adakah undang-undang yang ada sekarang ini difikirkan cukup untuk mencegah kejadian-kejadian jenayah perdagangan yang berleluasa di negara kita dewasa ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kes yang melibatkan pemalsuan geran di Kota Kinabalu itu telah disiasat tetapi siasatan itu tidak dapat diteruskan kerana suspek-suspek tidak dapat dikenalpasti. Walau bagaimanapun, kes yang melibatkan pemalsuan geran yang sama untuk mendapatkan satu pinjaman di Kuala Lumpur telah selesai disiasat dan menunggu keputusan untuk menuduh suspek di mahkamah.
- (b) Undang-undang berkaitan jenayah perdagangan yang ada sekarang ini adalah memadai bagi membendung kegiatan jenayah perdagangan. Walau bagaimanapun, sebagaimana undang-undang lain, undang-undang ini akan dikaji dari semasa ke semasa apabila difikirkan perlu.

PENSWASTAAN—PENGLIBATAN PELABUR ASING

27. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah oleh Kerajaan dalam menjamin badan-badan korporat Kerajaan yang telah diswastakan daripada dimiliki oleh pelabur-pelabur asing;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal mutu perkhidmatan untuk badan perkhidmatan Kerajaan yang telah diswastakan; dan
- (c) apakah jaminan Kerajaan kepada pengguna-pengguna supaya badan-badan perkhidmatan Kerajaan yang diswastakan seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional, Jabatan Pos dan lain-lain tidak akan membebankan rakyat dengan kadar yang tinggi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan dasar penswastan, Kerajaan telah mengkaji semua aspek termasuklah mengenai kemungkinan pihak asing akan mengambilalih badan-badan Kerajaan yang diswastakan. Dalam hubungan ini adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada pelabur-pelabur tempatan. Sungguhpun begitu, pertimbangan bagi penglibatan pelabur-pelabur asing akan diberikan dalam kes-kes tertentu sahaja iaitu seperti berikut:

- (i) sekiranya kemahiran yang diperlukan bagi meningkatkan kecekapan tidak terdapat dalam negeri;
- (ii) sekiranya penyertaan diperlukan untuk menggalak dan meningkatkan eksport;
- (iii) sekiranya pasaran modal tempatan tidak berkeupayaan menyerap keseluruhan saham yang ditawarkan; dan
- (iv) sekiranya corak perniagaan entiti berkenaan memerlukan perhubungan dan pendedahan di peringkat antarabangsa.

Kerajaan juga telah menetapkan bahawa penglibatan pelabur asing dalam projek penswastan dihadkan kepada pemilikan tidak melebihi 25% daripada ekuiti badan-badan Kerajaan yang diswastakan.

- (b) Bagi badan-badan Kerajaan yang diswastakan dan tidak bersifat monopoli, Kerajaan tidak perlu secara langsung mengambil

langkah bagi memastikan badan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang bermutu. Ini disebabkan mekanisme pasaran yang sedia ada akan memastikan pihak syarikat memberi perkhidmatan yang bermutu dan kompetitif bagi mendapat tempat dalam pasaran. Bagaimanapun bagi badan-badan Kerajaan yang bersifat monopoli semula jadi yang diswastakan seperti perkhidmatan telekomunikasi, bekalan elektrik dan bekalan air, Kerajaan telah dan akan menubuhkan badan kawalselia yang bertanggungjawab antara lain memastikan dan perkhidmatan mencapai piawaian yang ditetapkan. Dalam jangka masa panjang pula, Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan persaingan dalam industri yang bersifat monopoli dan dengan itu kuasa pasaran akan memastikan syarikat mengekalkan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada penggunanya.

- (c) Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jaminan Kerajaan supaya perkhidmatan Kerajaan yang diswastakan seperti Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Pos Malaysia Berhad mengenakan kadar yang tidak membebankan rakyat, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah dan akan menubuhkan badan kawalselia bagi mengawalselia industri monopoli yang diswastakan yang bertanggungjawab antara lain memastikan menetapkan kadar (rate) yang boleh dikenakan oleh pihak syarikat. Ini bertujuan untuk memastikan kadar yang dikenakan adalah berpatutan dan adil kepada semua pihak terutamanya pengguna dan juga pihak syarikat.

CODE OF CONDUCT BAGI MENTERI

28. Dr. Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kanun (Code of Conduct atau Ethics) untuk para Menteri. Bagaimana Kanun ini dapat dikuatkuasakan dengan berkesan. Sekiranya beliau menganggap Kanun seperti ini tidak perlu, apakah alternatif atau cara-cara yang efektif bagi memastikan semua Menteri menunaikan kewajipan-kewajipannya.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Menteri-menteri Kerajaan tertakluk kepada undang-undang biasa. Tidak ada keistimewaan atau pengecualian yang diberi kepada mereka jika mereka melakukan sesuatu yang salah dari segi undang-undang.

Namun mereka dikehendaki mengangkat sumpah taat setia dan simpan rahsia yang bertujuan menyekat mereka daripada mengguna apa-apa maklumat atau kemudahan yang diperolehi oleh mereka sebagai Menteri untuk kepentingan diri mereka, umpamanya dalam bidang perniagaan.

Menteri-menteri juga seperti pegawai-pegawai tinggi Kerajaan tidak dibenar berniaga secara langsung iaitu tidak memegang apa-apa jawatan dalam apa-apa perniagaan yang bukan milik Kerajaan. Mereka boleh memiliki harta atau saham, tetapi tidak boleh terlibat dalam perniagaan dalam pasaran.

Jika mereka mempunyai kepentingan dalam apa-apa perkara, mereka tidak boleh mengambil bahagian dalam proses mengambil keputusan dalam perkara itu. Jika mereka terlibat, undang-undang biasa mencukupi untuk tindakan diambil terhadap mereka.

Mereka juga dikehendaki membuat kenyataan kepada Perdana Menteri berkenaan dengan harta-milik mereka dari semasa ke semasa.

Akhirnya, mereka boleh diadili dalam pilihanraya oleh rakyat dan rakyat berhak menyingkir mana-mana Menteri yang pada pendapat rakyat telah menyeleweng atau tidak mengamalkan etika yang boleh diterima.

Semua ini merupakan code of conduct bagi para Menteri. Sudahpun ada Menteri yang didakwa di mahkamah kerana menyalahi code ini dan dihukum.

PEMBUANGAN SAMPAH-SARAP DI JINJANG UTARA

29. Dr. Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bilangan tempat yang masih digunakan untuk membuang sampah-sarap di Kuala Lumpur. Apakah langkah-langkah yang berhasil untuk memastikan cara-cara pembuangan sampah-sarap tidak menjejaskan kesihatan orang awam. Memandangkan kekurangan tanah, apakah alternatifnya. Apakah kos dan syarat yang harus diadakan bagi pembinaan sebuah incinerator. Apakah rancangan yang akan diadakan untuk mengatasi masalah yang berpunca dari tapak pembuangan sampah-sarap di Jinjang Utara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Pada masa sekarang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai dua (2) buah tapak pelupusan sampah iaitu di Sungai Besi dan di Jinjang Utara.

DBKL telah mengadakan langkah-langkah untuk memastikan cara-cara pembuangan sampah-sarap tidak menjejaskan kesihatan orang awam. Di antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (a) Sampah-sarap yang dilupus akan ditimbus dengan pasir setelah dirata dan dimampatkan. Ini bertujuan untuk mengawal bau

busuk dan sampah-sarap tidak terdedah begitu sahaja. Di samping itu, DBKL juga menggunakan bahan-bahan kimia untuk membunuh lalat dan lain-lain serangga;

- (b) DBKL tidak membenarkan bahan-bahan toksid dan beracun dilupuskan di tapak ini. Untuk memastikan perkara ini tidak berlaku, tapak ini dikawal 24 jam;
- (c) Kenderaan-kenderaan yang membuang sampah ke tapak ini telah diarahkan menutup sampah-sarap yang dibawa untuk mengelakkan sampah-sarap berterbangan sewaktu perjalanan ke tapak pelupusan.

Memandangkan DBKL kekurangan tanah bagi tujuan pelupusan sampah maka dua alternatif akan diambil iaitu:

- (a) Membina incinerator yang mempunyai kapasiti melupus sampah dalam lingkungan 500 tan sehari. Kos pembinaan incinerator yang bersaiz sederhana adalah dianggarkan lebih kurang \$50 juta. Walaupun kos pembinaan dan pengurusan incinerator adalah mahal tetapi projek ini dapat menjamin kebersihan dan keselamatan alam sekitar, di mana incinerator yang dibina perlu dapat mengawal pencemaran udara; dan
- (b) Bekerjasama dengan Urusetia Perancangan Lembah Kelang, Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan untuk mendapatkan satu tapak baru di luar DBKL bagi tujuan pelupusan sampah. Tapak ini bukan sahaja digunakan oleh DBKL malah oleh Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah yang berhampiran.

DBKL memang mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah bau busuk daripada tapak pelupusan sampah di Jinjang Utara. Di antaranya ialah:

- (a) Memastikan penutupan pasir/tanah dibuat mengikut keperluan sebenar;
- (b) Memindahkan rumah-rumah setinggan dan kilang haram di sekeliling tapak tersebut bagi memudahkan kerja-kerja pengurusan tapak; dan
- (c) Usaha-usaha untuk mendapatkan tapak-tapak alternatif yang sesuai sedang dibuat.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG— KEBAKARAN DI TERMINAL 1

30. Dr. Nawawi bin Mat Awini minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keadaan struktur, sistem elektrik, alat-alat pencegahan dan amaran lain-lain kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dari segi keselamatan orang ramai.

54. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan dalam penyiasatan dalam kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini. Adakah khianat menjadi sebabnya.

7.5.92

1. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah punca sebab kebakaran di Lapangan Antarabangsa Subang pada 6hb April, 1992 di mana 3 pegawai keselamatan terkorban;
- (b) apa sebabnya 3 orang pegawai keselamatan itu tidak dapat diselamatkan; dan

(c) adakah satu laporan akan dikeluarkan untuk memberitahu rakyat sebab-sebab kejadian ini.

11.5.92

27. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah dilengkapi dengan peralatan yang canggih dari segi pengawal keselamatan. Akan tetapi apabila berlaku sedikit kebakaran mengapakah tidak dapat dicegah dengan serta-merta sehinggakan melibatkan suatu kebakaran besar yang merosakkan bangunan terminal dengan nilai berjuta-juta ringgit.

12.5.92

32. Dato Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah puncanya menyebabkan berlakunya kebakaran di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini; dan
- (b) berapakah perbelanjaan sebenar yang dianggarkan bagi membaik pulih kerosakan tersebut.

69. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa kejadian dan kemalangan telah berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sejak mula operasi hingga setakat ini, sebutkan kecederaan dan pampasan yang dihadapi masing-masing. Apakah langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil untuk mengelak kejadian yang tidak ingini itu berulang lagi.

13.5.92

6. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian akibat kebakaran di Terminal Satu, Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) di Subang;

- (b) apakah sebab utama berlakunya kebakaran tersebut dan apakah langkah-langkah keselamatan yang sedang dan akan diambil bagi memastikan kejadian tersebut tidak akan berulang di masa-masa akan datang; dan
- (c) berapakah jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan bagi kerja-kerja membaikpulih dan bilakah LTAB ini dapat digunakan sepenuhnya.

14.5.92

Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah yang mengakibatkan kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau di atas lapangan terbang lain supaya kebakaran tidak berlaku lagi. Sila berikan butir-butirnya.

19.5.92

72. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab sebenar berlakunya kematian di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan perkara-perkara yang sama berulang lagi;
- (b) adakah beliau puashati dengan sistem pengawalan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang;
- (c) bilakah kerja-kerja pemulihan ruang yang telah terbakar akan siap dan boleh digunakan; dan
- (d) berapakah anggaran perbelanjaan pemulihan, dari mana sumber perbelanjaan dan siapakah telah dipertanggung-

jawabkan serta syarikat-syarikat manakah yang telah diberi kontrak untuk memperbaiki lapangan terbang tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Saya rasa soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tambun ini dikaitkan dengan kejadian kebakaran di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini. Oleh yang demikian, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang menyentuh mengenai kebakaran di Terminal 1, yang dikemukakan pada tarikh-tarikh berikut:

- (a) Tuan Karpal Singh pada 28.4.92
- (b) Tuan Ong Tin Kim pada 7.5.92
- (c) Tuan Saidin @ Yusof Adam pada 11.5.92
- (d) Dato Muhamad bin Abdullah pada 12.5.92
- (e) Tuan Lau Dak Kee pada 12.5.92
- (f) Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim pada 13.5.92
- (g) Tuan Wee Choo Keong pada 14.5.92; dan
- (h) Tuan Mohamad Kamal bin Hussain pada 19.5.92

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menubuhkan satu Lembaga, iaitu Lembaga Siasatan Kebakaran Terminal I, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi:

- (a) menyiasat punca kebakaran Terminal, dan
- (b) mencari jalan pencegahan bagi mengelakkan kejadian seumpama ini dari berlaku.

Lembaga Siasatan ini dianggotai oleh wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Jabatan Bekalan Elektrik, Jabatan Kimia dan Polis DiRaja Malaysia. Setakat ini,

Lembaga Siasatan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan telah bermesyuarat selama enam kali, iaitu pada 14hb April, 15hb April, 18hb April, 22hb April, 25 April dan 28hb April. Di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan itu, Lembaga Siasatan telah diberi penerangan oleh wakil dari Jabatan-jabatan yang menjadi anggota Lembaga mengenai siasatan terperinci yang dilakukan oleh Jabatan masing-masing. Setiap maklumat yang diperolehi akan dianalisa dengan mendalam termasuk menemubual (questioning) individu-individu tertentu yang dirasai boleh membantu Lembaga dalam tugasnya. Laporan lengkap Lembaga dijangka dapat disediakan pada akhir bulan Mei 1992.

Oleh kerana siasatan masih lagi berjalan, saya tidaklah dapat memberikan maklumat-maklumat yang lebih terperinci.

Berhubung dengan perkara mengenai keselamatan, kos membaikpulih terminal dan kerugian yang dialami, sukacita dimaklumkan, iaitu berhubung peraturan keselamatan, sememangnya soal keselamatan sentiasa dititik-beratkan oleh pihak pengurusan Lapangan Terbang. Mengenai kos membaikpulih Terminal 1, oleh kerana kerja-kerja pembersihan dan baikpulih masih lagi berterusan maka kos sebenar belum dapat dipastikan sekarang. Begitu juga dengan kerugian yang dialami, ianya masih lagi dinilai oleh pihak-pihak yang terlibat.

INFLASI—KENAIKAN HARGA BARANGAN PENGGUNA

31. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk menyekat kenaikan harga barangan pengguna dan inflasi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menyekat kenaikan harga barangan pengguna dan inflasi termasuklah:

- (i) Pengawasan bekalan barang-barang perlu di pasaran agar sentiasa mencukupi dan mudah pula diperolehi sepanjang masa;
- (ii) Pengawalan harga barang-barang perlu agar ia tidak membebankan pengguna;
- (iii) Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan, iaitu Akta Kawalan Harga 1946, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Sewa-Beli 1967, Akta Timbang dan Sukat 1972 serta perundangan-perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya;
- (iv) Mempertingkatkan kepekaan pengguna mengenai hak dan tanggungjawab mereka. Bagi maksud ini, Kementerian telah menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna (MHEP) di peringkat negeri di seluruh negara, di samping mengadakan program pendidikan kepenggunaan seperti seminar, ceramah, pameran kepenggunaan dan sebagainya; dan
- (v) Mempertingkatkan kepekaan peniaga dan pengusaha mengenai tanggungjawab dan 'obligation' mereka terhadap masyarakat.

Langkah-langkah ini dijalankan secara berterusan dan memerlukan kerjasama dan 'commitment' sepenuhnya daripada semua pihak.

KEMALANGAN DI LEBUHRAYA SUNGAI BESI-AYER KEROH

32. Tuan Kerk Kim Hock meminta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kemalangan yang berlaku di Lebuhraya Sungai Besi-Ayer Keroh dan Ipoh-Kuala Lumpur bagi tempoh 1.1.91 hingga 31.12.91;
- (b) jumlah kemalangan di dalam angka tersebut yang membabitkan kenderaan van;
- (c) apakah sebabnya jumlah kemalangan membabitkan van semakin meningkat; dan
- (d) apakah langkah yang telah/akan diambil untuk mengatasi masalah peningkatan kadar kemalangan di negara kita.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a)&(b) Jumlah kemalangan yang berlaku di Lebuhraya Sungai Besi-Air Keroh bagi tempoh 1.1.1991 hingga 31.12.1991 adalah 1,507. Sejumlah 2,522 kenderaan telah terlibat dalam kemalangan tersebut dan dari jumlah tersebut, sebanyak 144 adalah van. Sementara Jalan Ipoh-Kuala Lumpur yang melibatkan kawasan-kawasan kilometer 34-41 Ipoh-Kuala Lumpur dan Jalanraya antara Slim River-Tanjung Malim, sebanyak 205 kemalangan telah dilaporkan di mana 412 kenderaan telah terlibat. Dari jumlah tersebut, sebanyak 30 buah van telah terlibat dalam kemalangan tersebut bagi tempoh yang sama.
- (c) Van adalah merupakan kenderaan penumpang yang makin popular buat masa ini. Jumlah van yang bertambah telah menyumbang angka

kemalangan yang melibatkan van turut bertambah. Van berbeza dengan kereta, di mana ia mempunyai kuasa pecutan (accelerating power) yang lebih rendah berbanding kereta biasa yang mempunyai kuasa enjin yang sama dengannya. Oleh yang demikian, van memerlukan ruang yang lebih luas apabila memotong kerana saiz van yang lebih besar dari kereta. "Centre of Gravity" yang tinggi menjadikan sesebuah van kurang stabil. Pemandu kerap kali menghadapi kesulitan mengawal van apabila dipandu dengan laju atau mengambil selekoh, lebih-lebih lagi penumpang/barang yang dibawa berlebihan.

- (d) Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan telah, sedang dan akan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah peningkatan kadar kemalangan jalanraya di negara kita melalui tiga pendekatan mengatasi masalah peningkatan kadar kemalangan jalanraya di negara kita melalui tiga pendekatan iaitu kejuruteraan, penguatkuasaan dan pendidikan.

Melalui pendekatan kejuruteraan Kerajaan sentiasa membaiki rangkaian jalanraya di negara ini termasuk program-program memperelokkan kawasan bahaya, pembinaan jejantas, menaikkan taraf jalan, penggantian jambatan, pelebaran jalan dan pemasangan pemisahan jalan.

Pendekatan penguatkuasaan juga diberi keutamaan di mana penguatkuasaan ke atas pengguna-pengguna jalanraya yang tidak mematuhi peraturan jalanraya sentiasa ditingkatkan dan hukuman yang lebih berat

dikenakan kepada pemandu yang didapati melanggar peraturan lalulintas. Pada 1hb April, 1992 yang lalu, Kementerian Pengangkutan telah mewartakan kaedah yang mensyaratkan supaya van dikehendaki membawa jumlah penumpang tidak lebih dari yang tercatat di dalam buku pendaftaran, hanya seorang penumpang sahaja dibenarkan duduk di sebelah pemandu di bahagian hadapan serta had laju maksima bagi van di lebuh raya dikurangkan kepada 90 km sejam dan 80 km sejam bagi jalan-jalan biasa.

Melalui pendekatan pendidikan pula, Kerajaan telah melakukan kempen yang berterusan sama ada melalui media elektronik, cetak juga "billboard" di kawasan yang difikirkan perlu. Kempen-kempen keselamatan jalanraya sentiasa diadakan khususnya apabila menjelang musim perayaan.

Bagi meningkatkan mutu pemanduan di kalangan bakal pemandu, JPJ telah melaksanakan kurikulum baru sekolah memandu yang menekankan unsur-unsur pemanduan berhemat (defensive driving).

MESYUARAT UNCED— PENYERTAAN MALAYSIA

33. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan Malaysia telah dapat lebih 1,000 daripada kira-kira 1,300 pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) di seluruh dunia telah mengubah pendirian dan kini menyokong cadangan dan perjuangan Malaysia mengenai Alam Sekitar untuk faedah seluruh

dunia. Ia mungkin mencapai lebih tiga perempat yang dijangkakan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Kuala Lumpur baru-baru ini. Oleh yang demikian, mengapa Malaysia masih enggan untuk menghadiri mesyuarat UNCED di Brazil yang dijadualkan pada Jun tahun ini.

Tuan Law Hieng Ding: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia masih belum buat apa-apa ketetapan sama ada akan menghadiri Mesyuarat UNCED. Kerajaan akan menetapkan perkara ini sesuai dengan hasil Persidangan Peringkat Menteri Negara-negara sedang membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur setakat ini.

PENAHANAN PASPORT KERANA KEGIATAN JENAYAH

34. Tuan Foo Piew Pok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapakah pihak Kementeriannya telah mengumumkan bahawa mulai 15.1.1992 pemilik pasport yang terbabit dalam kegiatan jenayah di dalam dan di luar negara, kegiatan dadah, kembali ke negara kita dengan saluran yang tidak sah, merosakkan pasport dengan sengaja ataupun tinggal melebihi masa di luar negara dan lain-lain itu akan mengakibatkan pasport mereka ditahan selama 2 hingga 10 tahun. Tetapi terdapat pemilik pasport yang tinggal melebihi masa di luar negara sebelum pengumuman tersebut, pasportnya ditahan semula, sungguhpun pasport mereka ditahan dahulu untuk penyiagaan dan kembalikan kelak.

(a) apakah tujuannya untuk penahanan pertama dan kedua itu;

(b) sila berikan bilangan pasport yang telah ditahan atas arahan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Suka saya nyatakan bahawa Jabatan Imigresen tidak akan menahan pasport seseorang lebih daripada sekali melainkan orang tersebut melakukan lebih daripada satu kesalahan dalam masa yang berasingan.
- (b) Bilangan pasport yang ditahan antara 1.1.92-15.4.92 ialah sebanyak 1,963 buah pasport.

**PINJAMAN PERUMAHAN KOS
RENDAH DAN SEDERHANA—
GARISPANDUAN**

35. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pinjaman perumahan bagi pembeli-pembeli rumah kos rendah dan sederhana yang berharga \$100,000 ke bawah; dan
- (b) bolehkah Kerajaan menimbang untuk membenarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyediakan skim pinjaman perumahan kepada ahli-ahli sepertimana Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan bagi kakitangan dalam perkhidmatan awam.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

- (a) Bagi mewujudkan kemudahan pembiayaan untuk pembeli-pembeli rumah kos rendah dan sederhana yang berharga \$100,000 dan ke bawah, Bank Negara baru-baru ini telah mengeluarkan Garispanduan Pemberian Pinjaman 1992, bagi sektor-sektor utama ekonomi termasuk sektor perumahan. Mengenai garispanduan pemberian pinjaman untuk sektor

perumahan, bank-bank perdagangan dikehendaki memberikan pinjaman perumahan untuk rumah kediaman yang berharga \$100,000 dan ke bawah sekurang-kurangnya 75,000 unit dengan nilai pinjaman sekurang-kurangnya \$4.5 ribu juta, manakala bagi syarikat-syarikat kewangan pula ialah sekurang-kurangnya 25,000 unit dengan jumlah pinjaman sekurang-kurangnya \$1.5 ribu juta. Tarikh pematuhan garispanduan tersebut ialah pada 31 Mac, 1994. Walau bagaimanapun, separuh daripada jumlah kuota tersebut hendaklah dipatuhi pada 31 Mac, 1993.

Garispanduan tersebut juga menetapkan kadar faedah maksimum sebanyak 9% setahun atau 1.75 mata peratusan di atas kadar pinjaman asas bagi masing-masing institusi kewangan, yang mana lebih rendah.

- (b) Mengenai cadangan untuk menyediakan kemudahan pinjaman perumahan bagi pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kementerian Kewangan telahpun mengkaji perkara ini dan didapati adalah tidak wajar bagi KWSP terlibat di dalam kegiatan pemberian pinjaman memandangkan objektif utama KWSP ditubuhkan adalah bagi membolehkan pekerja-pekerja menyimpan untuk hari tua mereka. Oleh yang demikian, cadangan ini tidak sesuai dilaksanakan.

**KAD PENGENALAN PALSU—
SINDIKET**

36. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga kini berapa ramai orang-orang yang terlibat dengan sindiket pengeluaran kad

pengenalan palsu di Sabah telah diberkas dan dihadapkan kemuka pengadilan. Adakah pegawai-pegawai Kerajaan terlibat dalam sindiket ini dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sejak tahun 1991 hingga akhir Mac 1992, seramai 24 orang yang terlibat dengan sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu di Sabah telah ditangkap dan dihadapkan kemuka pengadilan. Tidak ada kakitangan Kerajaan yang terlibat.

KWSP—CARUMAN MAJIKAN/ PEKERJA INDUSTRI PEMBALAKAN

37. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada majikan dan pekerja pembalakan menyumbang kepada KWSP. Jika ada, sama ada Kementerian boleh menentukan semua pemungutan dibuat daripada pemotongan gaji disalurkan kepada pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 43, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 mengkehendaki setiap pekerja dan majikan seperti yang ditakrifkan di dalam Akta itu mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), termasuk juga pekerja-pekerja dan majikan-majikan yang terlibat di dalam industri pembalakan.

Setiap majikan adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada KWSP, caruman bahagian pekerja dan majikan sebanyak yang ditentukan oleh Akta tersebut. Mengikut Seksyen 48(3) Akta itu, majikan-majikan yang memotong caruman pekerja daripada upah pekerja dan gagal membayar jumlah wang yang dipotong itu atau mana-mana

bahagiannya kepada KWSP adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

KWSP tidak akan teragak-agak menguatkuasakan peruntukan tersebut ke atas majikan-majikan yang dikesan melakukan kesalahan berkenaan. KWSP sentiasa mengawasi pematuhan peruntukan itu dan dapat mengesan kesalahan ini menerusi aduan-aduan yang dibuat oleh pekerja-pekerja, pemeriksaan pintu ke pintu dan penyemakan rekod-rekod KWSP ke atas majikan-majikan yang sedia berdaftar dengan KWSP.

SPM/STPM—KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

38. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada keputusan peperiksaan SPM dan STPM bagi tahun 1991 pada keseluruhannya dianggap memuaskan jika dibandingkan dengan tahun 1990;
- (b) jikalau tidak memuaskan apa sebab-sebabnya yang mengakibatkan keputusan begitu mengecewakan; dan
- (c) berapa kes rayuan telah diterima untuk menyemak semula kertas Bahasa Malaysia untuk peperiksaan SPM bagi tahun 1991.

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi keseluruhan SPM 1991, sekolah bantuan penuh Kerajaan menunjukkan pencapaian yang lebih kurang sama berbanding tahun 1990. 71.3% daripada pelajar yang mengambil peperiksaan pada tahun 1991 telah lulus berbanding dengan 71.5% pada tahun 1990. Sementara keputusan STPM 1991 pula secara keseluruhan juga menunjukkan pencapaian yang lebih kurang sama.

85.87% daripada pelajar yang mengambil peperiksaan tersebut telah lulus sekurang-kurangnya satu matapelajaran berbanding 85.92% pada tahun 1990.

Kes rayuan yang telah diterima untuk menyemak semula keputusan Bahasa Malaysia SPM 1991 adalah sebanyak 4,298. Urusan penyemakan semula sesuatu kertas peperiksaan ini sebenarnya merupakan suatu perkara biasa sahaja.

KAD PENGENALAN BARU— PROSES PERMOHONAN

39. Tuan Wong Wing Onn minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Bilangan kad-kad pengenalan jenis baru yang telah dapat diproses oleh Jabatan Pendaftaran Negara secara purata setiap bulan bermula dari Januari 1991 hingga Mac 1992;
- (b) Bilangan permohonan untuk mendapat kad-kad pengenalan jenis baru yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara secara purata setiap bulan bermula dari Januari 1991 hingga Mac 1991; dan
- (c) Bilangan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara dalam semua peringkat yang dipertugaskan secara khas untuk memproses permohonan-permohonan untuk membaharui kad-kad pengenalan, dan sama ada bilangan ini cukup untuk memastikan setiap permohonan dapat diproses dengan lengkap dan sempurna dalam tempoh masa tidak lebih daripada tiga bulan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

(a)&(b) Saya akan menjawab bersekali oleh sebab soalan-soalan itu berkait rapat. Purata kad pengenalan baru yang telah

diproses sebulan bermula Januari 1991 hingga Mac 1992 ialah sebanyak 108,853, manakala purata permohonan kad pengenalan baru sebulan bagi tempoh yang sama ialah sebanyak 90,434. Jumlah purata yang diproses adalah lebih tinggi berbanding dengan purata permohonan kerana Jabatan Pendaftaran Negara memberi keutamaan memproses permohonan-permohonan yang diterima sejak bulan April 1990 lagi.

- (c) Bilangan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara yang terlibat secara langsung dalam proses kad pengenalan baru ialah seramai 433 orang. Bilangan ini masih belum cukup untuk mencapai matlamat optimum pengeluaran kad pengenalan baru sehari.

SIDANG KEMUNCAK BUMI DI RIO

40. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada beliau berhasrat untuk menghadiri Persidangan Kemuncak Bumi (Earth Summit) di Rio pada bulan Jun; dan sila beritahu sebab-sebab bagi keputusan beliau; dan
- (b) apa yang Malaysia berharap dapat mencapai dengan mengadakan Mesyuarat Menteri-menteri atas isu Persekitaran.

Tuan Law Hieng Ding:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini Kabinet belum lagi membuat keputusan untuk menghadiri di dalam Persidangan Kemuncak Bumi (Earth Summit) di Rio pada bulan Jun. Oleh yang demikian,

adalah terlalu awal bagi saya untuk menyatakan sebarang pendirian oleh Kerajaan.

- (b) Dalam Mesyuarat Menteri-menteri di atas isu persekitaran, kita berharap dapat mencapai kata sepakat di antara negara-negara membangun dan mempunyai pendirian yang sama dalam menghadapi isu persekitaran yang dibangkitkan.

PENAHANAN PENGELUARAN PASPORT YANG HILANG

41. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) rasional Kerajaan tidak mengeluarkan pasport baru selama 2 tahun kepada mereka yang kehilanginya;
- (b) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa peraturan ini menyalahi Piagam Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu yang membolehkan seseorang menikmati kebebasan bergerak dan juga menyusahkan rakyat jelata atas kesalahan kecil kehilangan pasport;
- (c) bukannya tujuan Kerajaan boleh dicapai dengan memberikan pilihan kepada rakyat untuk didenda kalau ingin mendapat pasport dengan cepat;
- (d) adakah peraturan ini juga menunjukkan bahawa pihak Kerajaan telah gagal menyekat sindiket pemalsuan pasport; dan
- (e) nyatakan bilangan pasport yang dirampas dari rakyat Malaysia yang bekerja di Taiwan yang masih belum dipulangkan dan nyatakan bila ia akan dipulangkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Peraturan menahan pengeluaran pasport selama 2 tahun bagi kebanyakan kes kehilangan pasport adalah sebagai peringatan serius kepada pemegang dan bakal pemegang pasport agar sentiasa menyimpan dokumen ini dalam keadaan selamat oleh kerana kehilangannya boleh menimbulkan kesan yang buruk dari segi keselamatan dan imej negara.
- (b) Kerajaan memahami kehendak Piagam itu, akan tetapi kebebasan itu bukan mutlak dan rakyat juga mesti bertanggungjawab kepada negara. Perlu ditegaskan kehilangan pasport bukan perkara kecil kerana, sebagaimana disebutkan tadi, ianya boleh menjejaskan keselamatan dan imej negara. Kepentingan negara sebenarnya mengatasi kepentingan individu, dan setiap langkah yang Kerajaan ambil adalah semata-mata untuk tujuan itu.
- (c) Tindakan mengenakan denda atau kompaun tidak akan mencapai tujuan Kerajaan untuk memberi kesedaran kepada pemegang tentang perlunya dokumen itu dijaga dengan rapi dan kesulitan yang akan dialami jika ia cuai berbuat demikian.
- (d) Peraturan penahanan pasport tiada kena-mengena dengan sindiket pemalsuan pasport.
- (e) Bilangan pasport yang ditahan untuk siasatan dari rakyat Malaysia yang bekerja di Taiwan secara tidak sah yang masih belum diambil ialah sebanyak 196 buah. Semua pemilik telah dihubungi tetapi mereka tidak datang.

OPERASI WARAN TANGKAP KE ATAS KESALAHAN TRAFIK

42. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orang di seluruh negara yang digari dan diambil ke Balai Polis pada bulan Mac 1992 di bawah kuasa saman penangkapan yang dikeluarkan oleh mahkamah kerana mereka tidak hadir di mahkamah setelah dikenakan saman bagi kesalahan lalulintas.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Polis DiRaja Malaysia telah mengadakan satu operasi yang dinamakan Operasi Waran Tangkap untuk menguatkuasakan Waran Tangkap yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah ke atas kesalahan trafik. Operasi itu telah dimulakan di Kuala Lumpur pada 20.2.92 hingga 20.3.92. Memandangkan kejayaan yang dicapai melalui operasi di Kuala Lumpur itu maka empat buah negeri lain iaitu Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Selangor juga telah menjalankan operasi yang sama.

Dalam operasi yang dijalankan itu seramai 1,051 orang telah datang menyerah diri dan 744 orang telah ditangkap. Dari bilangan yang ditangkap, 54 orang telah digari kerana mereka pada pendapat Polis yang menjalankan Waran Tangkap telah tidak memberi kerjasama (resist arrest).

AKTA SYARIKAT KEWANGAN ISLAM—PENGGUBALAN

43. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilakah Akta Syarikat Kewangan Islam yang menyerupai Akta Bank Islam hendak digubal bagi membolehkan penubuhan syarikat-syarikat Kewangan Islam;
- (b) sejauhmana sambutan bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan terhadap amalan kaunter urusan secara Islam; dan

- (c) sejauhmana bank-bank perdagangan luar negeri menerima saranan pembukaan kaunter berkenaan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Kementerian Kewangan berpendapat bahawa Akta Syarikat Kewangan Islam tidak perlu digubal kerana Akta Bank Islam 1983 yang sedia ada, membenarkan bank-bank yang dilesenkan di bawah Akta itu menjalankan sebarang urusan bank dan kewangan asalkan tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai langkah untuk meluaskan lagi perkhidmatan bank secara Islam di negara ini, Kerajaan akan membuat pindaan yang sewajarnya ke atas undang-undang yang berkenaan bagi membolehkan institusi-institusi kewangan yang sedia ada, membuka kaunter bank secara Islam seiringan dengan urusan bank atau kewangan secara konvensional yang telah sedia dijalankan oleh mereka.

Deraf pindaan undang-undang serta kaedah-kaedah pelaksanaannya kini dalam peringkat akhir kajian oleh Kementerian Kewangan dan akan dilaksanakan secepat mungkin yang boleh. Oleh kerana cadangan itu belum lagi dilaksanakan, soal sambutan institusi-institusi kewangan ke atas cadangan itu adalah tidak berbangkit buat masa ini.

JALAN KLANG/BANTING/SEPANG—KESESAKAN LALINTAS

44. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kerja Raya menyatakan samaada beliau sedar bahawa jalanraya Klang-Banting-Sepang telah menjadi begitu sesak dan tidak mampu menampung jumlah kenderaan yang menggunakan di mana kesan ekonomi dan keselamatannya adalah buruk.

Jika sedar:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah jambatan menyeberangi Sungai Langat yang menghubungkan mukim Bandar/Jugra dan mukim Teluk Panglima Garang bagi mengurangkan kesesakan dan kemalangan jalanraya;
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memasukkannya dalam kajian separuh penggal RM6; dan
- (c) jika tidak, mengapa.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan memang sedar Jalan Klang/Banting/Sepang telah menjadi sesak oleh kerana penambahan kenderaan di laluan berkenaan.
- (b) Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat supaya satu jambatan di bina untuk memendekkan masa perjalanan dari mukim/bandar ke mukim Jugra (Pulau Carey), projek ini tidak disenaraikan di bawah projek-projek RM6 yang diluluskan. Ini adalah disebabkan cadangan pembinaan jambatan tersebut adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor.

BANCIAN PENDUDUK DAN PERUMAHAN—LAPORAN TERPERINCI

45. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah laporan terperinci bancian penduduk dan perumahan ketiga yang diadakan pada tahun 1991 akan diumumkan secara rasmi ke seluruh negara;

(b) berapakah bilangan penduduk mengikut kaum-kaum seperti berikut berdasarkan kepada bancian tersebut:

- (i) Melayu;
- (ii) Cina; dan
- (iii) India

(c) apakah halangan-halangan yang ditemui semasa menjalankan urusan bancian tersebut.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Laporan terperinci bancian penduduk dan perumahan ketiga yang diadakan pada tahun 1991 akan diumumkan secara rasmi ke seluruh negara pada akhir tahun 1994. Namun begitu, sukacita ditarik perhatian bahawa Laporan Kiraan Permulaan yang menunjukkan bilangan penduduk, isi-rumah dan tempat kediaman di peringkat Malaysia, negeri dan daerah pentadbiran telah disebarkan kepada umum. Laporan ini boleh diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia.
- (b) Bilangan penduduk mengikut kaum iaitu Melayu, Cina dan India berdasarkan kepada bancian tersebut belum diketahui lagi. Ini adalah kerana maklumat terperinci seperti ini memakan masa untuk diproses sebagaimana yang dialami semasa banci-banci yang lalu.
- (c) Semasa menjalankan urusan bancian penduduk dan perumahan 1991, tiada halangan besar ditemui.

JALAN PETALING SEBAGAI "CHINATOWN"

46. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan bahawa adakah beliau sedar bahawa Menteri MCA, Dato' Wong See Wah, telah

mengumumkan bahawa Kerajaan akan melancarkan projek untuk menjadikan Jalan Petaling sebagai "Chinatown" dan jikalau begitu, sila kemukakan butir-butir dan tarikh bila projek ini bermula.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:

Pengumuman mengenai perkara yang dimaksudkan Yang Berhormat sebenarnya dibuat oleh Presiden Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia, Encik Lim Geok Chan pada 28.3.92 dan bukannya oleh salah seorang Menteri atau Timbalan Menteri MCA. Memandangkan ianya dibuat oleh pihak swasta, pihak Kerajaan tidak mempunyai apa-apa butir-butir lanjut mengenai perkara ini.

**KAD PENGENALAN BARU—
KELEWATAN DAN KESILAPAN**

47. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Encik Kamaruddin Nordin ada mengumumkan, iaitu antara sebab kelewatan pengeluaran kad pengenalan baru ialah kesilapan yang dilakukan oleh kakitangan JPN sendiri yang berjumlah sebanyak 70,000 kes. Jika sedar, bagaimanakah kesalahan itu boleh berlaku dan mengambil masa begitu lama untuk diumumkan dan diperbetulkan dari sejak pelancaran pada 1.4.90 dan apakah langkah diambil untuk membereskan kes 70,000 permohonan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Saya sedar bahawa pengumuman Ketua Pengarah Pendaftaran Negara yang disiarkan melalui beberapa akhbar tempatan pada 20.3.92 sebenarnya telah disiarkan di luar konteks yang dimaksudkan. Dalam 70,000 kes kuiri mengenai penukaran kad pengenalan baru yang diterima dalam tahun 1990, sebahagian daripada kesalahan itu berpunca daripada masalah Jabatan sendiri. Misalannya, cap jari yang tidak mencukupi densiti kegelapannya bila

diinputkan kepada sistem komputer ternampak tidak jelas imej cap jari. Kekurangan ini hanya mula dikesan apabila KPT dikeluarkan secara "on-line" sepenuhnya mulai bulan Ogos 1991.

Jabatan dan Kementerian memang peka terhadap masalah ini dan telah mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah-masalah yang berbangkit itu.

**TUDM—KEMALANGAN
KAPALTERBANG**

48. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kemalangan kapal-terbang Tentera Udara DiRaja Malaysia setakat ini; dan
- (b) apakah punca-punca sebenar kemalangan tersebut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Jumlah kerugian yang dialami oleh TUDM mulai dari tahun 1980 hingga 1991 adalah sebanyak \$163,471,147.86. Sementara itu, jumlah kerugian bagi tahun 1992 tidak dapat dipastikan lagi kerana masih dapat penyiasatan.
- (b) Mengenai kemalangan kapal-terbang pula, pihak Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) telah mengklasifikasikan punca kemalangan seperti berikut:
 - (i) Faktor Krew (AF);
 - (ii) Kecacatan Teknikal (TD);
 - (iii) Kesilapan Servis dan Pemeriksaan (ISE);
 - (iv) Faktor Organisasi (O); dan
 - (v) Belum diketahui (U).

PERGOLAKAN POLITIK DI ALGERIA

49. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan:

- (a) sewaktu Junta Tentera yang mengambilalih kuasa di Algeria selepas perletakan jawatan Presiden Chadli Benjedid membatalkan pilihanraya pusing kedua;
- (b) sewaktu Fron Penyelamat Islam (FIS) diharamkan; dan
- (c) sewaktu pihak tentera dan keselamatan bertindak ganas terhadap rakyat Algeria yang membantah kedua-dua tindakan tersebut.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya akan menjawab ketiga-tiga soalan (a), (b) dan (c) serentak. Apa yang sedang berlaku di Algeria adalah merupakan pergolakan politik dalam negara berkenaan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak masuk campur di dalam hal ehwal dalaman (domestic affairs) sesebuah negara. Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengikut setiap perkembangan yang berlaku dalam negara tersebut.

JAWATANKUASA PELABURAN ASING—DERAF GARISPANDUAN

50. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebab sebenarnya cadangan Garispanduan-Garispanduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) ditarikbalik baru-baru ini dan apakah garispanduan-garispanduan yang baru akan diperkenalkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tujuan utama Deraf Garispanduan Jawatankuasa

Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee - FIC) ialah untuk memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai dasar-dasar dan langkah-langkah yang diamalkan oleh FIC. Deraf ini disediakan setelah FIC menerima banyak rungutan pihak pelabur-pelabur terhadap dasar-dasar dan peraturan-peraturan FIC yang dikatakan tidak jelas. Sebagai amalan biasa, Deraf Garispanduan FIC yang baru ini telah dibincangkan dengan pihak swasta untuk mendapatkan pandangan mereka sebelum ianya dilaksanakan. Semasa perbincangan tersebut, pihak pelabur swasta telah menyatakan kebimbangan bahawa satu garispanduan yang begitu terperinci akan menjejaskan iklim pelaburan negara, terutamanya dimaskini di mana terdapat ketidakpastian di dalam pasaran modal pelaburan dunia. Oleh itu, untuk mengelakkan kesalahfahaman, kekeliruan dan kesalahtafsiran yang diragui mungkin akan menjejaskan iklim pelaburan negara ini, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak melaksanakan deraf garispanduan yang baru, dan sebaliknya mengekalkan Garispanduan FIC yang sedia ada.

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Garispanduan FIC yang baru. Oleh itu, FIC akan terus mengekalkan Garispanduan FIC yang sedia ada.

KAD PENGENALAN BARU— JUMLAH PERMOHONAN

51. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Setakat ini, jumlah permohonan menukar kad pengenalan bermutu tinggi yang telah diterima dan dikeluarkan;
- (b) Jumlah permohonan yang ditolak mengikut pecahan sebab; dan
- (c) Jumlah permohonan yang masih ditahan dalam simpanan, mengikut pecahan sebab.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sehingga 31hb Mac, 1992, sebanyak 928,880 permohonan menukar kad pengenalan kepada kad pengenalan baru telah diterima. Dari jumlah tersebut, sebanyak 601,680 telah disiapkan.
- (b) Sehingga ini tidak ada permohonan yang ditolak.
- (c) Sehingga 19hb Februari, 1992, terdapat sebanyak 44,122 permohonan kad pengenalan baru di Ibu Pejabat Pendaftaran Negara yang perlu pertimbangan rapi oleh Jabatan. Ini adalah kerana ada beberapa butiran yang tidak teratur, seperti gambar dan cap jari yang tidak terang, dan borang-borang permohonan tidak diisi dengan betul. Kementerian tidak menyimpan perangkaan mengikut pecahan sebab-sebab yang disebutkan.

**KEBAKARAN DI BANGUNAN
PENTADBIRAN JABATAN
PERDANA MENTERI**

52. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) punca kebakaran Bangunan Pentadbiran Jabatan Perdana Menteri yang berlaku pada pagi 6hb November, 1991 dan sama ada ianya dibakar. Jika ya, berikan butir-butir siasatannya;
- (b) apakah dokumen yang terhangus; dan
- (c) berapa banyak kerugian terlibat dalam kebakaran itu.

Tuan Othman bin Abdul: Tiada sebarang kebakaran berlaku di Bangunan Pentadbiran Jabatan Perdana Menteri pada pagi 6hb November, 1991.

**KAD PENGENALAN BIRU—
PEMEGANG HILANG TARAF
KERAKYATAN**

53. Tuan Wong Wing Onn minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat rakyat pernah memegang kad pengenalan biru telah hilang taraf kewarganegaraan mereka dalam proses pembaharuan kad-kad pengenalan yang sedang dijalankan kini, atas alasan-alasan seperti kesilapan-kesilapan atau perselisihan-perselisihan nama-nama atau/dan tarikh-tarikh lahir pemegang atau/dan kad pengenalan asal, atau kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen ibu-bapa. Jika ya, nyatakan bilangan mereka. Jika belum ada kes-kes seperti ini, nyatakan dalam apa situasi seseorang pemegang kad pengenalan biru akan menghadapi kemungkinan kehilangan taraf kewarganegaraan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga ini belum ada pemegang kad pengenalan biru telah hilang taraf kerakyatan dalam proses pembaharuan kad pengenalan atas alasan di atas. Seseorang itu boleh hilang taraf sekiranya cara perolehan tersebut tidak mengikut undang-undang ataupun ia melanggar undang-undang yang berkaitan dengan kewarganegaraan.

**LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA SUBANG—
KEBAKARAN DI TERMINAL 1**

54. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan dalam penyiasatan dalam kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini. Adakah khianat menjadi sebabnya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kerajaan telahpun menubuhkan Lembaga Penyiasatan Kebakaran bagi tujuan menyiasat peristiwa kebakaran di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang berlaku pada

6hb April, 1992. Lembaga tersebut masih menjalankan tugas-tugasnya. Dengan demikian, sebab-sebab berlakunya kebakaran hanya akan diketahui apabila Lembaga yang ditubuhkan mengemukakan laporannya.

**KEMALANGAN PESAWAT
SKYVAN SC7 DI LONG SERIDAN,
SARAWAK**

55. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) hasil siasatan dan punca berlakunya tragedi udara di Long Seridan, Tutoh, Baram, Sarawak pada 3.9.92;
- (b) nama syarikat penerbangan yang memiliki pesawat tersebut dan nama pemilik-pemilik saham syarikat tersebut;
- (c) bilakah syarikat tersebut ditubuhkan dan diberikan lesen untuk beroperasi;
- (d) nama negara dan nama syarikat yang mengeluarkan pesawat tersebut, tempoh penggunaan pesawat tersebut dari tarikh pengeluaran hingga ia memulakan perkhidmatan di Sarawak dan sehingga berlakunya tragedi di Long Seridan;
- (e) bilakah bayaran pampasan insurans itu akan dibuat; dan
- (f) bilakah pelabuhan akan dibina di Kuala Baram, Miri, Sarawak. Berapakah peruntukan yang disediakan dan bilakah ianya dijangka siap.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Siasatan mengenai kemalangan pesawat Skyvan SC7 di Long Seridan, Sarawak pada 3.9.91 masih dijalankan. Dengan

demikian punca kemalangan tersebut hanya dapat diketahui apabila siasatan mengenainya selesai dan laporan dikemukakan.

- (b) Nama syarikat penerbangan yang memiliki pesawat tersebut adalah Adtec Sdn. Bhd. Nama pemilik-pemilik saham syarikat tersebut adalah:

- (i) Abdul Hamed bin Sepawi; dan

- (ii) Wahab bin Haji Dolah.

- (c) Syarikat Adtec Sdn. Bhd. telah didaftarkan pada 13hb Oktober, 1982 dan telah diberi permit untuk beroperasi mulai 7hb Ogos, 1991.
- (d) Negara yang mengeluarkan pesawat adalah syarikat yang mengeluarkan pesawat tersebut adalah Short Brothers and Harland Ltd. Tahun pesawat tersebut dikeluarkan adalah 1981. Tarikh Sijil Layak Terbang dikeluarkan untuk perkhidmatan di Malaysia adalah 20hb Jun, 1991. Memandangkan kemalangan berlaku pada 3hb September, 1991, tempoh penggunaan pesawat tersebut adalah lebih kurang 10 tahun.
- (e) Soal bayaran pampasan insurans akan diuruskan oleh syarikat insurans berkenaan.
- (f) Projek pembinaan pelabuhan di Sarawak melainkan Pelabuhan Bintulu adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Pelabuhan Kuala Baram bermula tahun ini (1992) dan dijangka siap pada awal tahun 1995. Kos yang diperuntukkan adalah \$55 juta.

KEPULAUAN SPRATLYS— TUNTUTAN DARI CHINA

56. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian rasmi Kerajaan Malaysia mengenai keputusan Parlimen China meluluskan undang-undang menjadikan Kepulauan Spratlys sebagai sebahagian daripada wilayah China;
- (b) sejauhmanakah usaha Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa mengenai tuntutan Malaysia ke atas Kepulauan Spratlys;
- (c) apakah sikap Kerajaan terhadap kenyataan James Lilley, Penolong Setiausaha Pertahanan Antarabangsa bahawa Amerika mungkin menggunakan kekuatan tentera untuk menghalang mana-mana kuasa serantau yang cuba menguasai sepenuhnya kepulauan kedaulatan negara; dan
- (d) jika China terus berdegil dan menggunakan kekuatan tenteranya untuk menguasai Kepulauan Spratlys sepertimana tindakannya merampas Kepulauan Paracel dalam tahun 1974, apakah langkah yang akan diambil untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Kerajaan Malaysia telah menolak tuntutan hakmilik dan kedaulatan negara-negara lain, termasuk tuntutan negeri China ke atas wilayah Malaysia di Laut China Selatan;
- (b) Sejajar dengan undang-undang antarabangsa dan Konvensyen Undang-undang Laut 1982, Malaysia telah seringkali

menyatakan kesediaannya mencari penyelesaian ini secara aman dan damai melalui rundingan di kalangan negara-negara terlibat. Malaysia juga menyeru agar negara-negara tersebut tidak menggunakan kekerasan ketenteraan untuk menyelesaikan isu ini;

- (c) Malaysia tidak semestinya bersetuju dengan pendirian Amerika Syarikat dalam hal ini oleh kerana negara tersebut bukanlah sebuah negara yang ada hak di Laut China Selatan; dan
- (d) Pendirian Malaysia adalah untuk mencari penyelesaian secara damai melalui rundingan dengan semua negara terlibat, termasuk negeri China demi memelihara keselamatan rantau ini. Bagaimanapun, sekiranya kedaulatan wilayah Malaysia terancam, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk mempertahankan kedaulatan dan hakmilik negara ke atas wilayahnya di Laut China Selatan.

ISU PENGIMPORAN KERETA LAMBORGHINI

57. Tuan Sukri bin Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Apakah motif sebenar isu pengimportan kereta oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan ditimbul dan dihebohkan begitu meluas baru-baru ini;
- (b) Mengapakah Ketua Pengarah Kastam dan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak bersedia langsung untuk bertemu dengan wakil-wakil Baginda bagi membincangkan perkara tersebut sebelum ianya terjadi;

- (c) Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sewaktu menandatangani PU(A) 430 (Pengecualian) (Pindaan) (Bil. 9) 1991 pada 14-10-91 benar-benar faham akan kandungan perintah tersebut serta implikasinya; dan
- (d) Adakah Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) (No.9) 1991 telah mendapat persetujuan Majlis Raja-raja sebelum diwartakan seperti kehendak perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

- (a) Isu pengimportan kereta oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan timbul dan menjadi heboh kerana peristiwa membawa keluar kereta Lamborghini daripada gudang MAS di Lapangan Terbang Subang adalah agak luar biasa kerana ini tidak pernah berlaku sebelum ini. Oleh kerana peristiwa itu luar biasa dan disaksikan oleh beberapa orang kakitangan Jabatan Kastam dan MAS, pihak akhbar telah membuat liputan luas mengenainya. Lagipun, Kerajaan Persekutuan terpaksa mengeluarkan kenyataan mengenainya setelah Kerajaan Negeri Kelantan membuat kenyataan mengenainya.
- (b) Adakah tidak benar kenyataan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah Kastam tidak bersedia menerima wakil-wakil Baginda Sultan Kelantan. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menemui wakil Baginda dan Ketua Pengarah Kastam pula tidak menyedari adanya menerima sebarang permohonan untuk mengadakan pertemuan dengan beliau sendiri walaupun pertemuan telah dibuat dengan pegawai-pegawainya.

- (c) Yang Berhormat Menteri Kewangan faham.
- (d) Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) (No.9) 1991 adalah bagi Kerajaan melaksanakan ketetapan yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-raja pada 31.3.72.

**LAPORAN MENGENAI
ANGGOTA NGOs**

58. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau menerima laporan mengenai 14 anggota dua pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) di negara ini daripada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jika laporan itu sudah diterima, sama ada:

- (a) semua 14 anggota dua pertubuhan itu akan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tempoh yang belum ditetapkan; dan
- (b) semua 14 anggota dua pertubuhan itu akan didakwa di mahkamah dan dibicarakan secara terbuka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri tidak menerima sebarang laporan berhubung dengan 14 anggota dua pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) dari Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Oleh itu, Kementerian ini tiada bercadang untuk membuat apa-apa ulasan mengenainya.

**KAD PENGENALAN BARU—
KEWARGANEGARAAN
PEMEGANG KAD**

59. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa pemegang kad pengenalan biru yang mempunyai kewarganegaraan di bawah Artikel 30 dinasihat memastikan kedudukan

kewarganegaraan mereka dahulu sebelum mereka menukar kad pengenalan mereka;

- (b) bukankah langkah ini menunjukkan kedudukan kewarganegaraan mereka sekali lagi disyaki sungguhpun ia telah disemak pada awal tahun 70an, dan bukankah perbuatan ini adalah tidak adil kepada mereka; dan
- (c) sehingga 15hb April, 1992, berapa orang di bawah 1 golongan ini tidak dapat diberi kad pengenalan baru sungguhpun mereka telah buat permohonan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bagi menjawab soalan (a) dan (b), Jabatan Pendaftaran Negara akan menerima semua permohonan untuk menukar kad pengenalan lama kepada KPT sama ada mereka dianugerahkan kerakyatan melalui Perkara 30 ataupun cara perolehan yang lain.
- (c) Bagi soalan (c), belum ada permohonan kategori ini yang tidak diberi KPT apabila kad mereka telah siap.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN LUAR PERDAGANGAN MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) (N0.2)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi maksud menggalakkan latihan pekerja-pekerja, penubuhan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan Kumpulan Wang dan bagi pekerja-pekerja yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat ini oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TANAH NEGARA
(HAKMILIK PULAU PINANG
DAN MELAKA) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TANAH NEGARA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1991
DAN 1992)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud tertentu bagi tahun-tahun yang tertentu itu, dibawa oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan bagi kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

**JALAN-JALAN MASUK KE
PARLIMEN**

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Dalam Negeri saya mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa

halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

3.45 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman Ahli Parlimen Kota Setar mencadangkan bahawa satu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan.”

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini kagum di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang cukup prihatin dengan semangat perjuangan Kerajaan kita hari ini. Sesungguhnya, saya

percaya Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah memberi keyakinan kepada Kerajaan yang disokong oleh rakyat untuk terus merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan negara membabitkan soal pendidikan, ekonomi, politik, hubungan luar negara, undang-undang, kedaulatan negara dan aspek pembangunan lain. Titah Seri Paduka Baginda yang memberi peringatan dan pengiktirafan perancangan Kerajaan hari ini, sesungguhnya adalah satu rangsangan yang amat bermakna kepada Kerajaan.

Saya bersyukur bahawa usaha Kerajaan mewujudkan negara yang serasi dengan arah matlamat Wawasan 2020 telah diberi perkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita percaya garis panduan besar yang diberikan seperti perlu peka kepada pergolakan di luar negara, ancaman dadah dan perlunya meningkatkan Tabungan Negara adalah satu renungan yang jauh dan akan terus menjadi pedoman bagi pemimpin Kerajaan dan juga rakyat keseluruhannya. Namun kita amat merasa tercabar dengan Titah Seri Paduka Baginda yang mengingatkan rakyat tentang ancaman keselamatan khususnya di sekitar kawasan perairan negara yang boleh menjejaskan kedaulatan dan keutuhan wilayah Malaysia.

Saya percaya ini memanglah satu perkara yang mesti diberi perhatian berat. Keghairahan beberapa buah negara jiran untuk memperluaskan pengaruh mereka melalui kegiatan ekonomi dan politik di beberapa kepulauan pinggir disempadan negara kita adalah satu perkara yang serius. Secara langsung atau tidak ia mencabar kedaulatan dan kemerdekaan negara kita. Seri Paduka Baginda telah menyentuh setiap aspek perancangan yang perlu dan memberi pendapat mengenai arah yang harus dituju oleh

Kerajaan kita hari ini. Dalam pada itu, kita juga berbangga bahawa Seri Paduka Baginda telah menggariskan dengan jelas perimbangan pembangunan negara dan pembangunan institusi keluarga serta pembangunan negara dan keilmuan, cergas dan tangkas dalam menangani cabaran hidup.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dunia antarabangsa hari ini memberi amaran kepada kita bahawa dunia selepas tamat perang dingin tidak menjanjikan uni-pola yang lebih aman yang makmur. Amerika Syarikat tanpa Soviet Union membimbangkan banyak negara kerana kuasa besar itu menjadi semakin angkuh dan ganas, walaupun negaranya sendiri sedang menghadapi keruntuhan ekonomi dan moral. White House terus mahu dianggap sebagai gergasi dunia. Malaysia tidak menghadapi tekanan secara langsung seperti negara-negara Amerika Latin, Iraq atau Libya tetapi tempiasnya terasa juga. Ekoran tempias ini ada negara jiran Malaysia tiba-tiba menjadi sombong kerana di belakang mereka ada "Uncle Sam". Kita semua tahu rancangan Rundingan Ekonomi Asia Timur atau EAEC tidak berjalan lancar kerana ada jiran kita lebih gemar tinggal di bawah telunjuk orang lain daripada menyuarakan kepentingan bersama.

Hubungan kita dengan Singapura bukan sahaja diikat oleh ikatan sejarah, tetapi persaudaraan sesama penduduknya. Bagaimanapun, apabila generasi muda menerajui politik Singapura ikatan sejarah dan hubungan persaudaraan sudah tidak menjadi penting lagi. Perasaan hormat terhadap jiran sudah tidak penting bagi pemimpin generasi mudadi Singapura dan ini jelas terbukti melalui pelbagai tindakan yang dibuat oleh Republik itu terhadap Malaysia. Beberapa peraturan Kastam dan Imigresen diperkenalkan bagi mengurangkan kemasukan rakyat Malaysia ke pulau itu. Ketika Woodland menjadi tumpuan rakyat Malaysia untuk membeli-belah kita tidak mengenakan

sebarang peraturan untuk mengurangkan rakyat Malaysia pergi ke sana. Tetapi apabila rakyat Singapura berduyunduyun membeli-belah di Johor Bahru, Singapura memperkenalkan peraturan "setengah tangki minyak" dan sebagainya.

Baru-baru ini Singapura mahu memperkenalkan pula cukai pendaftaran ke atas motosikal pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura. Tingkah laku dan sikap Singapura ini jelas sekali bersifat oportunistik. Sisa toksid dari Singapura diseludup ke Malaysia seolah-oleh kita menjadi tempat buangan sampah. Mereka tahu kontraktor yang membeli sisa-sisa itu dari Malaysia dan tempat yang akan dibuangkannya juga di Malaysia tetapi mereka membiarkan juga. Perbuatan ini jelas sekali menunjukkan sikap oportunistik Singapura terhadap Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura juga telah beberapa kali mencerooboh ke kawasan Malaysia hingga masuk ke Gelang Patah. Sedikit masa dulu, sebutir bom datang dari arah Singapura nyaris-nyaris membunuh nelayan di Johor. Setiap kali jet pejuang Singapura terhempas di Johor, pasukan penyelamatnya masuk dengan angkuh tanpa meminta izin terlebih dahulu. Tindak-tanduk Singapura ini bukan lagi menyinggung rakyat Malaysia malah telah menimbulkan rasa marah dan benci. Rakyat Malaysia kini bertanya-tanya sejauh manakah lagi Malaysia mahu berlembut dengan Singapura? Kita berani mengkritik kuasa-kuasa barat yang sombong dan angkuh tetapi apabila jiran di depan mata kita sendiri bersikap angkuh dan bongkak, kita seolah-olah berdiam diri.

Saya faham kita tidak mahu mengambil sikap terburu-buru kerana pemimpin kita tidak segelojoh seperti pemimpin-pemimpin di Singapura. Saya ingin bertanya kepada Menteri Luar Malaysia, apakah kita senang dengan gelagat Singapura sekarang ini? Saya

menggesa supaya Kerajaan bersikap lebih tegas kerana kita tidak mahu Singapura menjadi seperti Israel di rantau ini. Saya juga ingin mencadangkan supaya dibatalkan sahaja rancangan pembinaan Tambak Kedua di Selatan Teberau. Tidak ada faedahnya kita mempunyai dua tambak jika rakyat Malaysia dikenakan pelbagai sekatan untuk ke sana.

Saya juga mencadangkan kita mengenakan sekatan udara dan laut kepada Singapura supaya mereka tidak lagi bermaharajalela di ruang angkasa dan mencabar kedaulatan perairan kita. Peristiwa nelayan Johor dikejar oleh Marin Singapura mestilah dihentikan segera dan pasukan Marin kita hendaklah diarah mengadakan kawalan 24 jam di sepanjang perairan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keadaan di dalam negara, kita bersyukur kerana mempunyai seorang pemimpin yang berpandangan jauh, imaginatif dan pragmatik. Wawasan 2020 hanya boleh dicetus oleh seorang pemikir yang peka dengan suasana semasa, kaya dengan pengetahuan masa lalu dan cekap membaca perkembangan yang akan datang. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah membedah otak bangsanya, mengenalpasti penyakit dan menyuntik ubat yang mujarab untuk memulihkannya. Tetapi ubat yang mujarab belum tentu dapat menyembuh penyakit jika pesakit tidak mendisiplinkan diri. Di antara 9 cabaran strategik Wawasan 2020, cabaran ketiga ditujukan khas kepada pemimpin dan ahli politik. Cabaran ini meminta semua pemimpin dan ahli politik bersikap dan berfikir sebagai seorang rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara dan bangsa Malaysia. Demokrasi akan mati jika ahli-ahli politik berfikiran sempit dan berfikirkan kepentingan kelompoknya sahaja.

Peristiwa 13 Mei 1969 tidak akan berlaku jika pemimpin parti politik pembangkang tidak bersikap perkauman dan angkuh dengan kemenangan

mereka. Mereka merayakan kemenangan dengan berarak dan melaung-laungkan sentimen perkauman yang kemudiannya menimbulkan kemarahan kaum lain. Apabila kemarahan tidak dapat dikawal, maka rusuhan kaum tidak boleh dielakkan lagi. Demokrasi mati apabila pemerintahan negara diserahkan kepada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Allahyarham Tun Abdul Razak boleh melakukan apa sahaja ketika negara diperintah oleh MAGERAN. Beliau boleh menyerahkan pemerintahan kepada tentera atau menggantungkan Parlimen untuk beberapa lama yang beliau suka. Bagaimanapun, UMNO bukanlah parti yang tamak kuasa. Setelah keadaan pulih, Tun Razak menyerah kembali kuasa memerintah negara kepada rakyat kerana demokrasilah satu-satunya sistem yang terbaik untuk rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO menghormati kemenangan PAS di Kelantan kerana ianya dicapai melalui proses demokrasi. Walaupun PAS mendapat kemenangan di Kelantan tetapi kemenangan itu bukanlah kerana kekuatan mereka tetapi oleh sebab angkara yang dicetuskan oleh Semangat 46.

Sekarang pemimpin PAS yang kononnya memperjuangkan Islam menjadi pemimpin yang takbur dan angkuh. Saya amat sedih di atas tuduhan seorang pemimpin PAS kononnya Perdana Menteri tidak memahami Islam. Sikap angkuh dan sombong ini tidak sepatutnya lahir dari seorang pemimpin yang mahu dipanggil Tok Guru. Takbur dan riak adalah sifat-sifat yang amat dibenci oleh Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. menerima wahyu daripada Allah s.w.t. tetapi Baginda masih menerima nasihat daripada Saidina Abu Bakar dan Saidina Omar. Nabi Musa a.s. adalah seorang Rasul tetapi Baginda terpaksa berguru kepada Nabi Khaidir. Ini semua adalah contoh-contoh bahawa walau

setinggi mana ilmu seseorang sekalipun, beliau tidak boleh takbur dan menuduh orang lain bodoh. Sejahil-jahil saya pun, saya tahu Islam tidak mengajar umatnya memandang hina kepada orang lain. Tuduhan seperti ini amat pahit untuk diterima oleh sesiapa sahaja yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Dr Mahathir tidak dipanggil Tok Guru tetapi di bawah pemerintahannya beliau menubuhkan Bank Islam, Insurans Islam, Universiti Islam dan Institut Pemikiran dan Tamaddun Islam. Tetapi pemimpin PAS yang siang malam melaung-laungkan slogan Islam belum menjalankan apa-apa pun projek Islam. Yang dicanangkan sekarang ini ialah hukum Hudud. Inilah yang dijaja pagi petang oleh pemimpin PAS sejak sebelum pilihanraya umum hingga sekarang. Kerajaan Pusat tidak menentanginya malah bersedia pula meminda Perlembagaan jika dianggap menghalang cita-cita PAS. Anehnya, apabila Perdana Menteri sedia meminda Perlembagaan, PAS mahu membuat perjanjian pula. Hal ini agak pelik kerana soal agama Islam dan Mahkamah Syariah terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan PAS tidak perlu membuat apa-apa perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Hukum Hudud. Dolak-dalik PAS ini sebenarnya sebahagian daripada taktik politik parti itu. Mereka terpaksa mencari "kambing hitam" apabila mendapati diri sudah tersepit. PAS tidak mampu melaksanakan projek Islam seperti yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Jadi mereka memilih benda yang mudah iaitu potong tangan orang. Pemimpin PAS yang berkenaan mendakwa untuk memotong tangan orang adalah kerja yang mudah kerana Kelantan banyak "Gedebe". Bayar \$5, berapa banyak tangan pun boleh potong. Kalau satu tangan \$5, 10 tangan sudah \$50. Barangkali inilah peluang pekerjaan baru yang hendak diwujudkan oleh PAS di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, kata pemimpin itu Kelantan ada banyak "Gedebe. "Gedebe adalah istilah untuk kaki samseng atau kaki pukul orang. Jadi kesimpulannya PAS mahu menggunakan kaki pukul orang untuk melaksanakan undang-undang Islam. Malah kenyataan pemimpin PAS itu baru-baru ini secara langsung merupakan pengakuan bahawa PAS memang mempunyai ramai kaki samseng. Mereka inilah apabila setiap kali pilihanraya di adakan menyekat pengundi daripada keluar mengundi. Mengugut pengundi, membakar bas Barisan Nasional di Baling, meracun air di Jerlun malah mencabar dan mengumpat pasukan Polis yang mengawal keselamatan. Saya tidak tahu apa pula hukuman Islam ke atas perkara-perkara ini. Sepatutnya samsenglah yang perlu dihukum dahulu kerana merekalah yang boleh menjadi punca pergaduhan seperti yang berlaku dalam beberapa pilihanraya kecil. Saya cadangkan supaya kod etika pilihanraya juga perlu diadakan segera supaya apabila berlaku pilihanraya kecil seperti di Bukit Payung, pasukan Polis atau askar tidak perlu dikerah seperti hendak berperang.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman pemerintahan Saidina Omar beliau tidak melaksanakan hukuman Hudud kerana ketika itu rakyatnya miskin. Kelantan bukanlah negeri yang kaya tetapi yang termiskin di Malaysia. Apa yang perlu diutamakan oleh PAS ialah membangun taraf hidup rakyat Kelantan supaya keluar daripada belunggu kemiskinan. Amatlah tidak wajar ketika rakyat Kelantan mengharapkan PAS memperbaiki taraf hidup mereka, Kerajaan PAS hanya sibuk dengan isu-isu politik untuk memenangi pilihanraya. Inilah bahayanya pemikiran sempit yang mementingkan politik kelompok seperti yang di Titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam. Pemimpin PAS terpaksa mencanangkan hukum Hudud bagi

mengalih perhatian rakyat Kelantan daripada projek-projek pembangunan yang tidak mampu dilaksanakan oleh PAS. Slogan ini diharap dapat mempopularkan PAS kerana PAS tahu rakyat Kelantan tidak akan mempertikaikan kata-kata Tok Guru.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak? Dia beri jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Boleh saya bertanya kepada Yang Berhormat berkenaan, bahawa hukum Hudud itu hukum PASKah ataupun hukum Allah s.w.t?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat pun dari Kelantan balik tanya Tok Gurulah. Bagaimanapun perkara ini adalah soal yang jelas. . . .

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia tidak tahu apa yang dia cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta jalan dahulu. Minta jalan dahulu.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Mintalah jalan. Janganlah "Gedebe" sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan pula, dia minta jalan lagi. Hendak beri jalan atau tidak.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tanya soalan macam itu tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan mudah pun tidak boleh jawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan buat begitu ya!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bagaimanapun perkara ini adalah soal yang berat. . . .

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia tidak tahu apa yang dia cakap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia tidak tahu apa yang dia cakap, dia jawab apa yang saya tanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu out of order. Tidak mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bagaimanapun perkara ini adalah soal yang berat. Memotong tangan bukanlah imej Islam. Islam juga mementingkan kemajuan teknologi, intelektual, perdagangan dan sebagainya. Kalau Islam hanya mengutamakan potong tangan, tidak mungkin agama ini boleh tersebar ke seluruh dunia kerana adanya pedagang Islam yang datang ke Melaka maka orang Melayu semua menjadi Islam. Kalau tidak kerana pedagang Islam ini, maka belum tentu ada PAS dan belum tentu ada hukum hudud.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan hukum Islam kita tidak boleh mengeneipkan kemajuan teknologi. Di zaman Rasulullah tidak ada kereta, jadi tidak ada undang-undang jalan raya, jual beli kereta dan sebagainya. Zaman Rasulullah tidak ada undang-undang laut, undang-undang udara, undang-undang perniagaan saham, undang-undang korporat dan sebagainya. Undang-undang ini digubal

untuk mengawal manusia daripada mencuri dan menipu. Jadi, kalau PAS hendak melaksanakan hukuman potong tangan bagi kes mencuri, ianya mestilah meliputi semua jenis pencurian. Kita tidak mahu hanya orang Kelantan yang mencuri telur ayam atau lembu sahaja dipotong tangan, tetapi mereka yang mencuri dan menipu bank, mencuri balak, menipu dalam perniagaan saham, mencuri dan menjual maklumat projek Kerajaan dan sebagainya tidak dipotong tangan.

Sebenarnya pencurian jenis ini lebih besar daripada kes mencuri telur ayam atau lembu, malah sukar dibuktikan kesalahannya. Mencuri jenis moden tidak lagi pakai tangan, tetapi pakai otak dan komputer. Saya tidak tahu apakah hukuman ke atas kes mencuri jenis ini—mungkin potong otak atau potong kepala? Saya menyokong penuh seruan Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang meminta intelektual Islam berbincang dalam soal ini supaya umat Islam tidak dipesongkan oleh pemimpin yang jumud.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, boleh. Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Soal muamalat dan jenayah dalam Islam bukanlah soal mudah yang boleh dijadikan slogan politik. Sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat telah menyebut bahawa pencuri telur kena potong tangan. Siapa bercakap begitu? Siapa yang bercakap curi telur kena potong tangan? Siapa yang bercakap? (*Ketawa*) Yang Berhormat cakapkah?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kalau sudah tanya, duduklah! (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Siapa yang bercakap?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jangan “gedebe” sangat! (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat . . .

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dia tidak mahu dudukkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tumpat, sudah habis tanya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Belum habis lagi. Itu yang saya hendak tanya Yang Berhormat apa yang dimaksudkan hudud. Hudud itu bukan sahaja potong tangan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, selepas tanya suruh dia duduklah! Saya pun tahu hukum hudud ini hukum yang tetap berdasarkan Al-Quran. Kalau mencuri - potong tangan; kalau berzina, kalau perempuan itu sudah kahwin - rejam sampai mati, perempuan yang belum kahwin - rotan 100 kali. Bolehlah tanya Tok Gurukah atau Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, . . .

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tumpat bangun lagi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Yang Berhormat dari Tumpat ini, bila dia berucap dia tidak pernah beri peluang kepada saya. Tetapi bila saya berucap. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya tidak mahu beri jalan kepada dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia tidak boleh jawab.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, habislah bab PAS. Di dalam pilihanraya yang lalu, DAP dan PAS bersatu untuk mengalahkan Barisan Nasional. Pada ketika itu, DAP tidak peduli apa PAS hendak buat dan PAS pula tidak peduli apa DAP hendak buat - pokoknya Barisan Nasional mesti kalah. Apabila Barisan Nasional mencapai kemenangan, kedua-dua sahabat ini membawa diri masing-masing. Sekarang ini sepatutnya DAP membantah sahabatnya untuk menjalankan hukuman hudud di Kelantan tetapi sebaliknya memarahi MCA dan Gerakan kerana tidak melarang Perdana Menteri memberi kebenaran kepada Kelantan melaksanakan hukum hudud di sana. Kenapakah PAS yang hendak buat tetapi MCA dan Gerakan yang dicabar? Ini yang saya tidak faham!

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya DAP pun sudah ketandusan idea kerana dunia selepas perang dingin tidak lagi bergantung kepada ideologi, tetapi kekuatan rohani dan intelektual. Komunisme sudah hancur dan sosialisme juga sudah terkubur. Malaysia mencipta kemajuan kerana kita tidak pernah melupai asas kekuatan agama, rohani dan moral rakyat. Dalam apa saja dasar yang kita laksanakan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan, Dasar Perindustrian, Dasar Pembangunan Nasional dan sebagainya, nilai-nilai ini terus diperkukuhkan kerana kita mahu melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang seimbang di antara kekuatan spiritual dan material.

Seandainya Yang Berhormat-Yang Berhormat dari DAP mengikuti perubahan dunia hari ini, maka Dewan yang mulia ini terselamat daripada kritikan-kritikan dan kecaman yang dangkal. Ideologi sosialisme sudah ditolak oleh Kerajaan sosialis sendiri. Kejayaan lawatan Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini adalah kekalahan kepada sosialisme DAP. Dasar dan program pembangunan Malaysia yang dulunya dikecam hebat oleh DAP kini mahu ditiru oleh Republik Sosialis Vietnam. Vietnam sendiri mengakui sistem sosialis sudah bankrap. Kita tidak tahu kenapa di Malaysia masih ada orang yang mengagungkan ideologi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai sanjungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong ke atas sumbangan pucuk pimpinan negara dalam menangani hal-hal antarabangsa. Seluruh dunia kagum dengan kemajuan negara kita. Badan-badan antarabangsa kagum dengan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ketika negara-negara lain mencatatkan kadar pertumbuhan yang rendah dan ada yang negatif, Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi melebihi paras 8%. Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia meramalkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini melebihi 8.5%. Kini Malaysia menjadi tumpuan syarikat-syarikat gergasi antarabangsa kerana di sinilah masih wujud peluang untuk mendapat kontrak yang besar-besar.

Di bawah pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia muncul sebagai negara yang disegani dan dihormati. Kita sudah boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain. Pendirian kita yang tegas dan sikap berterus terang Perdana Menteri berhubung isu-isu antarabangsa menyebabkan Malaysia diberi penghormatan menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, dilantik menjadi Pengerusi Persidangan

Dadah Antarabangsa, Pengerusi UNESCO, Pengerusi Suruhanjaya Selatan-Selatan, G-15 dan sebagainya. Di kalangan negara membangun, Dato' Seri Dr. Mahathir dilihat sebagai negarawan dan pemimpin dunia ketiga yang memperjuangkan kepentingan negara Selatan. Bagi negara dunia ketiga, kehilangan pemimpin seperti Gamal Nasser, Nehru, Tito, Indira Gandhi dan Nyerere sudah pun mendapat gantinya, iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir. (Tepuk)

Malangnya, di kala masyarakat antarabangsa menghormati dan mengkagumi ketokohan Dato' Seri Dr. Mahathir, ada rakyat Malaysia yang buta mata hatinya untuk menilai dan menghargai segala sumbangan ini. Mereka bukan sekadar tidak mengenang budi malah mencaci dan mendesak Perdana Menteri meletak jawatan. Kita akui dalam sistem demokrasi, sesiapa saja bebas mengeluarkan pendapatnya. Bagaimanapun kebebasan bersuara bukanlah untuk menyebarkan pembohongan dan mencerca orang lain.

Baru-baru ini, seorang penulis murahan yang mungkin juga boleh digelar penulis upahan, menulis sebuah buku meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan. Alasannya ialah kerana Kementerian Dalam Negeri mengharamkan penerbitan sebuah akhbar yang tidak pun terkenal. Penulis ini sekarang hidup senang-lenang kerana bagi beliau demokrasi bukan setakat kebebasan bersuara, tetapi juga kebebasan "apa demo nak beri. Kalau demo boleh beri lebih, lebih sedaplah hambo temberang. Kalau demo tak boleh beri, ana taruh ente cukup-cukup dalam buku ana."

Buku ini penuh dengan celaan, tuduhan liar, pembohongan dan amat tidak bertanggungjawab. Penulis ini berhujah seolah-olah seorang panglima yang tidak ada cacat celanya. Dia cukup gemar memberi gelaran kepada orang dan pandai sekali mencipta istilah yang

lucu-lucu. Buku ini memetik ayat Al-Quran tetapi isi kandungannya penuh dengan fitnah, dusta dan cercaan. Beliau memetik beberapa hadis dan ayat Al-Quran, kerana hendak memberi gambaran seolah-olah beliau menulis dengan ikhlas dan bertanggungjawab. Tetapi peliknya, buku ini penuh dengan ramalan dan firasat. Saya tidak tahu bagaimana seorang penulis yang percaya kepada nujum dan tenung nasib boleh mendakwa dirinya menulis kerana mendapat hidayat daripada Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sepatutnya menimbulkan perkara ini kerana di kalangan ahli politik beliau ini bukanlah penulis yang terkenal. Beliau adalah penulis upahan yang hidup dengan menulis buku mencerca orang lain. Beliau hidup senang dengan mempunyai rumah-rumah banglo, beberapa buah kereta mewah dan pergi ke sana sini, dengan izin, travel first class ticket.

Saya rasa perlu menimbulkan perkara ini bukanlah kerana buku ini mendesak Perdana Menteri kita meletak jawatan tetapi saya bimbang buku ini boleh merosakkan. . . .

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tumpat bangun. Hendak beri jalan?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Baik, saya beri jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya hendak tahu apa nama buku dan siapa pengarangnya?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat baca sendirilah sebab buku ini Pembangkang yang baca dahulu. Saya percaya kalau kawan-kawan tanya, saya jawab tetapi Pembangkang baca dahulu sebab mereka yang edar buku ini.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kok Lanas bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Kota Setar. Ini suatu perkara yang tidak adil. Yang Berhormat menghentam penulis ini di dalam Dewan yang mulia dan beliau tidak ada peluang untuk membela diri. Jadi, adalah lebih baik kalau Yang Berhormat menyebut buku berkenaan dan kemungkinan Yang Berhormat boleh ulang di luar mahkamah kalau benda itu fitnah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tidak boleh membuat cadangan di sini melainkan menyoal.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya minta Yang Berhormat Kota Setar menyebut nama dan bukunya sekali supaya orang yang dituduh itu boleh membela diri. Kalau tidak ini suatu tuduhan yang tidak adil.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil saya menyebut nama penulis sebab beliau tidak ada di dalam Dewan ini. (*Ketawa*)

Saya rasa perlu menimbulkan perkara ini bukanlah kerana perkara ini mendesak Perdana Menteri meletak jawatan tetapi saya bimbang buku ini boleh merosakkan aqidah umat Islam yang membacanya. Buku ini membela pemimpin Darul Arqam habis-habisan sehingga menyamakan Ustaz Ashaari dengan Nabi Allah Sulaiman. Beliau menggelar ulama Pusat Islam sebagai "ulama siang hari" dan memanggil penulis lain sebagai "wartawan senak perut." Penulis upahan ini adalah seorang pengikut Darul Arqam dan

mendapat gelaran "Arqam Batik" kerana beliau tidak memakai jubah dan serban seperti pemimpin-pemimpin Darul Arqam yang lain. Beliau bukan sahaja tidak bertanggungjawab tetapi membahayakan negara. Dalam setahun beliau boleh menerbitkan dua tiga buah buku. Seorang penulis yang boleh menulis dua tiga buah buku dalam setahun bukanlah penulis yang berwibawa. Bukunya bukanlah laris sangat tetapi yang peliknya beliau hidup mewah. Jadi, dari manakah penulis ini mendapat wang dan siapakah yang membiayai penerbitannya?

Saya yakin buku ini dibiayai oleh pihak tertentu yang cemburu dengan ketokohan Perdana Menteri. Jika buku ini ditaja oleh pihak tertentu maka penulisnya tidak gentar kemungkinan buku ini diharamkan. Malah mungkin penulis ini mengharapkan bukunya diharamkan supaya buku-bukunya yang lain akan lebih laris.

Kementerian Dalam Negeri tidak payahlah mengharamkan buku ini kerana rakyat Malaysia bukanlah sebodoh seperti yang penulis ini sangka. Lagipun dengan wujudnya buku ini bolehlah dijadikan sebagai satu bukti, satu evident bahawa kita mengamalkan, dengan izin, freedom of the press.

Saya mendapat tahu setiap kali pilihanraya atau pemilihan UMNO, penulis seperti ini akan mengunjungi ahli-ahli politik terutamanya Menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri sambil menunjukkan maklumat tertentu yang akan dimuatkan di dalam bukunya. Maklumat itu yang buruk-buruk belaka. Penulis seperti ini akan menagih bayaran tertentu dan jika bayaran tidak diberi maklumat itu akan dimasukkan ke dalam bukunya. Oleh itu, penulis jenis ini bukan sahaja mendapat ganjaran kerana menulis tetapi juga mendapat upah kerana tidak menulis. Buku ini menyamakan Ustaz Ashaari dengan Nabi Allah Sulaiman kerana kedua-duanya berkawan dengan jin. Setahu kita

Nabi Allah Sulaiman menggunakan jin untuk membina istana tetapi Ustaz Ashaari kita belum dengar berbuat demikian. Kalau Ustaz Ashaari boleh suruh jin bekerja untuknya, saya cadangkan kepada Perdana Menteri bolehlah melantik beliau untuk menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya beliau boleh mengerah makhluk jin untuk membuat rumah rakyat-rakyat termiskin dan mengusahakan tanah-tanah terbiar.

Penulis ini mempertahankan pegangan Darul Arqam mengenai kedatangan Imam Mahadi. Saya tidak boleh bercakap panjang bab ini kerana saya kurang mengetahui mengenainya. Cuma saya hendak minta satu saja daripada penulis ini supaya beliau menerangkan kepada kita semua macam manakah kita hendak mengenali Imam Mahadi apabila dia datang nanti. Adakah dia datang menaiki tikar terbang seperti Nabi Allah Sulaiman ataupun naik Lamborghini? (*Ketawa*)

Perkara ini penting kerana kalau dia datang pakai serban, pakai jubah hijau atau putih mungkin orang sangka Yang Berhormat dari Nilam Puri. Oleh itu, di sini saya mencadangkan supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri ataupun Pusat Islam memanggil penulis ini dan membetulkan aqidahnya. Pusat Islam hendaklah juga menghebahkan kepada orang ramai sama ada melalui khutbah-khutbah Jumaat supaya buku ini tidak memesongkan aqidah umat Islam yang lain di negara ini.

Di samping ada penulis-penulis yang memburukkan keadaan, ada pula golongan yang menghinakan Kerajaan. Semua orang mengetahui apabila disebutkan perkataan "bar" terbayanglah di kepala kita sebuah tempat minuman yang lazimnya menjual minuman keras. Budaya bar bukanlah budaya yang baik, tetapi budaya maksiat dan porak peranda. Suasana di bar adalah mengasyikkan dan lazimnya dikunjungi oleh orang yang perutnya berjalan

dahulu daripada kaki. Oleh kerana perut berjalan dahulu, mereka tidak nampak apa yang ada di tanah. Oleh kerana kepala mereka ini selalu terdongak ke atas, mereka tidak dapat menghidu bau busuk di kaki mereka sendiri tetapi mereka cepat menghidu busuk orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berkunjung ke tempat ini jarang minum kopi kerana takut mabuk. Oleh kerana pengunjunnya seringkali mabuk maka tingkah laku mereka tentulah tidak senonoh. Apabila sudah mabuk, perangai mereka pun tidak siuman. Ada yang terpekik terlolong, ada yang menepuk dada berkata mereka sahaja yang kuat, mereka sahaja yang pandai dan mereka sahaja yang betul.

Bagaimanapun di Malaysia ini ada satu lagi "bar" yang disebut orang Bar Council. Saya tidak tahu mengapakah mereka dalam bidang guaman menggunakan perkataan "bar" untuk profesion ini. Kalaupun ada persamaannya di antara dua bar ini, cuma satu sahaja iaitu suka bercakap banyak. Seorang peguam mesti berkebolehan bercakap banyak dan pandai putar belit, kalau tidak susah hendak menang kes. Seorang sasterawan Inggeris, Dean Swift berkata, dengan izin, lawyers are a society of men bred up from their youth in the art of proving, by words multiplied for the purpose that white is black and black is white, according as they are paid. Terjemahan lebih kurang begini: Peguam adalah suatu golongan manusia di mana dilatih dari awal lagi untuk memutarbelitkan perkataan bagi memenuhi tujuannya, hingga hitam boleh dikatakan putih dan putih boleh dikatakan hitam mengikut berapa banyak mereka dibayar.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah daripada ucapan Yang Berhormat tadi bererti semua peguam tidak jujur dan semua jahat? Adakah beliau sedar bahawa hakim-hakim kita, Lord President kita semua peguam-peguam? Adakah beliau bermaksud semua hakim-hakim termasuk Lord President, semua orang yang jahat?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ada jawapannya di hujung nanti. Saya belum habis, ini baru mukadimah. Dalam Bahasa Melayu ada satu istilah yang disebut "loyar buruk" yang membawa maksud orang yang suka bercakap berpusing-pusing. Ini bukan bersangkut lawyer, loyar buruk lain. Kalau hendak jadi peguam yang popular seperti setengah-setengah Yang Berhormat itu mestilah pandai bercakap berpusing-pusing. Lawyer mesti kena macam itu, macam saya katakan tadi. Jadi, kalaupun ada persamaan di antara dua Bar ini ialah dari segi suka bercakap banyak dan suka berpusing-pusing; yang satu pusing-pusing kerana mabuk dan yang satu lagi suka pusing-pusing percakapan. Mungkin kerana persamaan inilah, maka kita lihat pemimpin Bar Council juga bercakap berpusing-pusing kerana mengikut perasaan dan bencikan Kerajaan, mereka meluluskan resoulsi tidak percaya kepada Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar. Mereka hantar petisyen kepada Raja-raja Melayu supaya singkirkan Tun Hamid, setelah gagal juga mereka saman Tun Hamid atas tuduhan mencemarkan mahkamah. Setelah kalah di mahkamah, mereka kemukakan petisyen ke Lincoln's Inn, malangnya semua group mereka ini gagal.

Baru-baru ini bekas Presiden Bar Council, Encik Manjeet Singh yang barangkali sudah insaf atas kesilapannya yang lalu, meletakkan jawatan selepas

kumpulannya gagal mengemukakan usul menarik balik Resolusi '88. Bagaimanapun, oleh kerana anggota Bar Council juga banyak yang perut berjalan dahulu, maka mereka tidak nampak yang kaki mereka sudah terpijak tahi ayam. Mereka sangka kaki mereka masih bersih. Oleh itu mereka tolak usul untuk menarik balik Resolusi Tahun 1988.

Saya telah difahamkan Tun Hamid telah mengeluarkan perintah supaya setiap peguam yang menghadiri perbicaraan di mahkamahnya membuat kenyataan sama ada mereka yakin atau tidak terhadapnya. Langkah ini perlu kerana jika seseorang peguam tidak percaya dan yakin dengan hakim yang menghakimi perbicaraan kesnya, tentulah kehadiran di mahkamah boleh menimbulkan pelbagai tanda tanya. Bagaimanapun, setakat ini tidak seorang peguam pun yang hadir di hadapan Tun Hamid membuat kenyataan tidak percaya kepadanya. Semuanya menghormati beliau dan memanggil beliau "Tuan Yang Amat Arif".

Yang pelik tetapi melucukan ialah Timbalan Presiden Bar Council ketika itu yang bercakap berpusing-pusing dan berdolak-dalik. Beliau mempertahankan Resolusi '88 tetapi apabila Tun Hamid meminta peguam yang hadir di hadapannya menyatakan pendirian masing-masing, beliau mengeluarkan kenyataan yang sama sekali bercanggah dengan Resolusi '88. Resolusi '88 dengan jelas menyatakan Bar Council tidak mempunyai kepercayaan terhadap Tun Hamid dan tidak layak memegang jawatan sebagai Hakim. Bagaimanapun, kenyataan Timbalan Presiden Bar Council ini, antara lain, menyebut Bar Council menghormati Tun Hamid dan soal tidak percaya kepada beliau sebagai Hakim tidak timbul.

Ini jelas kita melihat tembelang mereka. Timbalan Presiden Bar Council terpaksa membuat kenyataan sedemikian bagi menjaga periuk nasi anak buahnya. Kalau anak-anak buahnya

tidak boleh hadir di mahkamah Tun Hamid, maka kurangnya habuan untuk membuat untung. Jelas sekali Bar Council tidak mematuhi pendirian dan prinsip yang dibuatnya. Yang penting bagi Bar Council bukan lagi prinsip, tetapi wang. Apabila mereka melihat peluang untuk membuat duit tersekat, maka cepat-cepat pusing pendirian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kerana Timbalan Presiden Bar Council itu pandai bercakap berpusing-pusing maka beliau berjaya menduduki 9 jawatankuasa dalam Bar Council. Menurut Laporan Tahunan 1991, yang berkenaan ini menduduki Jawatankuasa Profesion Perundangan, Jawatankuasa Aduan, Jawatankuasa Kebajikan, Jawatankuasa Tabung Biasiswa, Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Amalan Urusniaga Harta, Jawatankuasa Peraturan Mahkamah Tinggi dan Rendah, Jawatankuasa Sukan dan Jawatankuasa Tabung Gantirugi. Saya tidak tahulah apakah manusia ini superman atau sekadar memasukkan namanya sahaja bagi menampakkan imej pelbagai kaum dalam jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang kita maklum pemimpin Bar Council ini terdiri daripada 20 orang peguam yang berketurunan India, 10 orang keturunan Cina dan 4 orang keturunan Melayu dan yang 4 Melayu ini satunya menjadi Presiden, satu menjadi Timbalan Presiden dan satu menjadi Setiausaha. Saya sebagai seorang yang bukan terdiri dari golongan profesion guaman, mengemukakan perkara ini untuk renungan rakan-rakan yang di dalam profesion guaman. Adakah mereka yang terpilih menjadi pemimpin Bar Council itu benar-benar orang yang ikhlas untuk memperjuangkan kedaulatan undang-undang atau mempunyai kepentingan lain?

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa selalunya pemimpin Bar Council ini kebanyakannya anti Kerajaan. Adakah mereka ini memikirkan bahawa

mereka adalah golongan yang terpandai? Adakah mereka ini terdiri daripada ahli-ahli Pembangkang? Adakah mereka ini terasa marah kerana mereka tidak dilantik untuk menjadi Hakim atau jawatan-jawatan penting ataupun adakah mereka ini memikirkan bahawa merekalah yang layak untuk menjadi Hakim, untuk menjadi Menteri, untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri, untuk menjadi Perdana Menteri ataupun untuk jawatan-jawatan yang lebih tinggi daripada itu?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk bertanya kepada pemimpin-pemimpin Bar Council ini: Apa sudah jadi dengan Jawatankuasa Kecil Bahasa Melayu yang ditubuhkan oleh mereka pada tahun 1975? Saya difahamkan jawatankuasa ini bertujuan menyediakan laporan mengenai langkah melaksanakan penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah. Bagaimanapun, sehingga sekarang tidak ada sebarang laporan mengenainya diterbitkan dan khabarnya jawatankuasa kecil itu telahpun dibubarkan dalam tahun 1977. Ini jelas sekali Bar Council tidak mempunyai keyakinan terhadap kemampuan Bahasa Melayu menjadi bahasa perundangan. Semua mesyuarat, laporan dan urusan surat-menyurat. . .

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Yang Berhormat dari Kota Setar ini sedar atau tidak bahawa Bar Council tidak pernah membantah penggunaan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah, hingga hari ini Bar Council menyokong. Janganlah cakap yang tidak benar dan tidak betul di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, adakah saya kata Bar Council bantah? Saya tanya bagaimana tentang keadaan Jawatankuasa Kecil Bahasa Melayu itu, sebab yang kita tahu pada tahun 1977 jawatankuasa ini telah dibubarkan.

Saya sambung. Jadi, semua mesyuarat, laporan dan urusan surat-menyurat Bar Council selama ini masih lagi di dalam bahasa Inggeris, betul tak?

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya tanya sahaja, saya tak suruh jawab. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bar Council langsung tidak menunjukkan sebarang minat untuk mempopularkan Bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan. Kalau pun ada program yang dilaksanakannya, itupun secara terpaksa sebagai mematuhi peraturan yang dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah malang bagi sejarah perundangan di negara ini kerana Bar Council didalangi oleh orang yang berfikiran singkat dan emosional. Sebagai sebuah badan profesional, Bar Council sepatutnya bertindak secara rasional, profesional dan mematuhi undang-undang negara. Isu ini sebenarnya berpunca daripada penubuhan Tribunal bagi membicarakan kes bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas. Penubuhan Tribunal itu sendiri dibuat atas permintaan Tun Salleh Abas dan anggotanya termasuklah Hakim dari negara-negara Komanwel. Segala prosiding Tribunal ini dibuat mengikut peruntukan Perlembagaan, tetapi malangnya Tun Salleh memilih untuk tidak menghadiri diri di Tribunal yang beliau sendiri minta diwujudkan. Bar Council yang bersimpati dengan Tun

Salleh mengambil tindakan menyekat Tun Hamid selaku Ketua Tribunal daripada dilantik menjadi Ketua Hakim Negara. Mereka terlupa yang menubuhkan Tribunal itu ialah Yang di-Pertuan Agong dan yang melantik Tun Hamid juga ialah Yang di-Pertuan Agong. Oleh kerana antara dalang dalam Bar Council ialah peguam yang bertanggungjawab menyebabkan UMNO diharamkan, maka Bar Council secara langsung atau tidak turut menjadi platform politik desperado yang menentang UMNO dan Kerajaan.

Apa yang diperjuangkan oleh Bar Council selama ini telah mencemarkan imej badan itu. Kewibawaan Bar Council dipertikaikan oleh orang ramai secara terbuka dan jika ini berlarutan, maruah peguam-peguam akan terus tercemar. Adalah lebih baik Bar Council mengemaskan dirinya terlebih dahulu kerana badan itu sendiri bukanlah berdisiplin dan demokratik, seperti yang disangka.

Saya mendapat tahu anggota yang menghadiri Mesyuarat Luar Biasa pada tahun itu baru-baru ini bersikap tidak senonoh dan tidak berdisiplin. Ada yang memakai seluar jeans, ada yang memakai T-Shirt dan berselipar seperti orang pergi ke bar-bar ataupun ke pasar Chow Kit hendak beli ikan. Ketika seorang ahli yang menyokong Resolusi '88 yang ditarik balik berucap, anggota yang menentang usul itu terpekik terlolong menyorak dan boo ahli yang sedang berucap itu. Inilah contoh golongan yang kononnya menjadi juara undang-undang.

Apakah imej ini yang hendak dipertahankan oleh pucuk pimpinan Bar Council? Saya berkata Bar Council tidak demokratik kerana cara sesuatu resolusi dibuat tidak melalui proses pengundian sulit. Pengundian untuk sesuatu resolusi dibuat dengan mengangkat tangan. Oleh kerana cara ini tidak sulit, ramai anggota tidak mengundi kerana bimbang jika beliau undi menentang, kemungkinan

peluang perniagaannya terjejas. Sebab itulah ramai anggota Bar Council yang tidak menghadiri mesyuarat dan walaupun hadir ramai pula yang tidak mengundi.

Selagi sistem undian sulit tidak diperkenalkan, selagi itulah Mesyuarat Bar Council akan dikuasai oleh satu golongan sahaja. Dalam Bar Council sendiri ada ramai peguam yang tidak sebulu dengan pucuk pimpinan. Wujudnya Persatuan Peguam Wanita dan Persatuan Peguam Muslim membuktikan bahawa tidak semua peguam senang dengan Bar Council. Kalau kita masih ingat pada tahun 1986, beberapa anggota Bar Council melancarkan kempen membersihkan badan itu daripada berbagai kelemahan pentadbiran supaya kewujudannya lebih dihormati. Bagaimanapun, kempen yang berniat baik itu tidak mendapat sambutan pucuk pimpinan Bar Council.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula fungsi Bar Council ini supaya kewujudannya dapat memantapkan dan mengukuhkan lagi perjalanan sistem kehakiman negara. Kalau negara-negara jiran kita dapat mendisiplinkan badan seumpamanya di negara mereka, tidak ada sebab mengapa Bar Council di negara ini tidak boleh didisiplinkan. Kerajaan tidak perlu bimbang dengan tindak balas segelintir mereka yang berkepentingan diri kerana yang lebih penting ialah menjaga maruah badan ini supaya tidak menyelewengkan amanah yang diberi kepadanya.

Saya mengemukakan cadangan ini kerana Bar Council gagal mendisiplinkan ahli-ahlinya. Pindaan yang dibuat ke atas Akta Profesyen Guaman dengan mewajibkan mereka mengambil insurans adalah bukti betapa profesyen ini terdedah kepada pelbagai penipuan. Saya khawatir cara ini kita tidak mampu menghapuskan kegiatan tidak beramanah dan penipuan di kalangan peguam. Semakin bertambah ramai ahli

Bar Council, semakin bertambahlah peguam yang tidak beramanah dan semakin bertambahlah pula masyarakat yang akan tertipu oleh golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui, Bar Council mempunyai tabung gantirugi, compensation fund, dengan izin yang disumbang oleh semua peguam dengan \$100 setahun. Tabung ini bertujuan membayar gantirugi kepada orang ramai apabila aduan mengenai penipuan seseorang peguam yang dikemukakan kepada Bar Council. Saya difahamkan pada tahun 1987 tabung ini mempunyai wang sebanyak \$238,700. Bagaimanapun, pada tahun itu juga Bar Council menerima 298 aduan daripada pelanggan 10 orang peguam yang menipu mereka membabitkan wang sebanyak \$18 juta. Kalau jumlah ini dibahagi sama rata, bermakna seseorang peguam menipu pelanggannya sebanyak \$1.8 juta seorang.

Angka ini berdasarkan aduan yang diterima oleh Bar Council dan dipercayai ada lagi kes penipuan yang mungkin tidak dilaporkan kepada Bar Council. Saya ingin bertanya kepada Bar Council, daripada tuntutan gantirugi \$18 juta itu, berapa banyakkah yang sudah dibayar oleh Bar Council? Kalau semuanya sudah dibayar, dari manakah Bar Council mendapat wangnya kerana tagung gantiruginya cuma ada \$238,700 sahaja. Ini baru angka tahun 1987; bagaimanapula dengan tahun 1988, 1989, 1990 dan 1991?

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita masalah penipuan oleh peguam adalah sesuatu yang amat serius kerana mereka adalah golongan yang diamanahkan menegak kedaulatan undang-undang. Jika semakin ramai peguam yang menipu, alamatnya lingkup dan jahanamlah sistem keadilan di negara ini. Walaupun perkara ini serius, Bar Council melihatnya sebagai perkara kecil. Tepat sekali kata pepatah Melayu, "Kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak nampak". Untuk melepaskan tanggungjawab, Bar Council mengeluarkan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. . . .

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: meminta kebenaran membuat saman civil. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat menyebutkan bilangan peguam yang menipu - peratusannya? Adakah dia mendakwa semua peguam yang menipu termasuk Yang di-Pertua? (*Tepuk*) Kalau begitu, ini silaplah sama sekali!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, saya bukan peguam, jadi jangan kaitkan kerusi dalam persoalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini kerana bila kita sebutkan kita kata "Tuan Yang di-Pertua", bukan "Timbalan Yang di-Pertua".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan heretkan kerusi ya, Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sedikit sebanyak contoh. Saya bukan Menteri yang berkenaan untuk menjawab angka yang lebih detail. Jadi, saya setakat memberi contoh untuk renungan kita bersama untuk melepaskan tanggungjawab Bar Council mengeluarkan, ini satu perkara lagi; Bar Council mengeluarkan kenyataan meminta pelanggan membuat saman civil ke atas peguam. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. . . .

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: . . . yang menipu mereka kerana tabung gantirugi Bar Council sudah kosong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bandar Kuching bangun pula.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nanti saya habiskan sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bagaimanapun, cadangan daripada Bar Council ini adalah tidak munasabah. Jadi, Bar Council mengeluarkan kenyataan supaya pelanggan yang kena tipu itu saman peguam yang berkenaan. Bagaimanapun, cadangan daripada Bar Council seperti ini adalah tidak munasabah. Macam manakah orang kampung seperti orang-orang di kampung saya hendak saman peguam? Peguam mana yang hendak mewakili mereka untuk menyaman sahabat yang sama profesyen dengannya?

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Kota Setar menyatakan berapakah peratusan peguam yang tipu orang ataupun semua peguam, iaitu soalan asal Yang Berhormat dari Kepong tadi sebab sekarang Yang Berhormat membuat tuduhan seolah-olah semua peguam adalah orang penipu. Itu paling tidak adil kepada semua peguam sebab walaupun ada satu dua orang polis ambil duit - makan rasuah, tetapi bukan semua polis yang jahat. Begini sahaja, minta jangan buat ucapan serupa orang kampung, orang-orang "budak" begini, jangan buat fitnah!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta di tarik balik Tuan Yang di-Pertua, dia kata macam orang hutankah tadi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan, kalau hendak jawab, jawablah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bukanlah maksudkan semua orang peguam. Saya pun ada kawan-kawan saya peguam yang baik-baik juga. Nanti saya habiskan dahulu. Macam Yang Berhormat dari Larut itu peguam yang baik (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penyelewengan yang sangat bermaharajalela di kalangan peguam - di kalangan peguam - bukan Yang Berhormat dari Kuching, bukan Yang Berhormat dari Larut, di kalangan peguam; siapa makan cabai, dia rasa, ialah menelan wang gantirugi yang dibuat oleh Mahkamah kepada pelanggan mereka yang menang dalam satu-satu perbicaraan. Dalam kebanyakan kes saman, Mahkamah akan mengarahkan pihak yang kalah membayar segala gantirugi, tebusan malu dan pelbagai lagi kos kepada pihak yang menang. Setengah pelanggan mereka yang terlalu seronok selepas mendapat kemenangan sudah tidak menghiraukan bayaran ini dan dengan rela hati menyerahkan kepada budi bicara peguamnya. Ada juga peguam yang mendahulukan pembayaran kepada pelanggan mereka bagi menampung kos mereka ulang alik ke Mahkamah.

Biasanya ini dilakukan apabila peguam itu yakin beliau akan menang di dalam kes itu. Bagaimanapun, selepas Mahkamah memerintah bayaran gantirugi kepada pelanggannya, peguam tadi akan mengenakan pula bayaran faedah ke atas wang yang didahulukannya. Keadaan ini sering berlaku ke atas kes-kes kemalangan jalanraya di mana pelanggannya bukanlah terdiri daripada orang-orang yang berpendidikan.

Kalau kita sering ke hospital, kita tentu sekali akan bertembung dengan beberapa peguam atau kaki-kaki mereka yang merayau-rayau mencari kes di hospital. Peguam jenis ini adalah musuh ketat syarikat insurans dan salah satu daripada sebab mengapa syarikat insurans kereta motor mengalami kerugian ialah kerana wujudnya peguam seperti ini.

Bukanlah satu rahsia lagi ada peguam yang membayarsaguhati kepada atendan hospital, jururawat dan sarjan di Balai-balai Polis yang berjaya memberi business kepada mereka. Amalan seperti ini bukan sahaja tidak bermaruah, tetapi berbentuk penindasan. Seorang mangsa tentulah berharap-harap ada pihak yang akan membantunya. Apabila ada peguam yang datang menawarkan perkhidmatan, mereka jarang berfikir panjang lantas menerima sahaja.

Bagaimanapun peguam ini bukanlah ikhlas untuk membela kesnya, tetapi mengharapkan sebahagian daripada award mahkamah; cara ini samalah seperti mencari kesenangan hidup di atas penderitaan orang lain. Saya berharap, di dalam hal ini pihak Kementerian Kehakiman, BPR ataupun polis akan mengambil perhatian agar masyarakat tidak tertipu oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peguam lebih mahir berbahasa Inggeris daripada Bahasa Malaysia, izinkan saya memetik beberapa pendapat penulis klasik berkenaan dengan peguam, Plato menyifatkan peguam sebagai "Person of small and unrighteous souls." Kita pula berkata, dengan izin, "Scientist might properly classify lawyers in the natural history of monsters". Pengarang agung Shakespears dalam cerita Henry ke IV berkata, dengan izin, "The first thing we do, let's kill all the lawyers" (*Ketawa*) ini Shakespears kata, bukan saya kata.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Duduklah Kepong, saya hendak habiskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bagaimanapun, bukan semua peguam tidak baik, lagi pun dia doktor gigi (*Ketawa*) ada juga mereka yang bertanggungjawab.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong bangun lagi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sorry! Doktor kulit (*Ketawa*). Ada juga mereka yang bertanggungjawab beramanah dan cintakan tanahair. Ini saya hendak puji lawyer, ada juga mereka yang bertanggungjawab, beramanah dan cintakan tanahair macam peguam-peguam yang ada dalam Dewan ini, sebab itu mereka dipilih menjadi Ahli Dewan - bukan semua, tetapi kena cakaplah kalau ada sedikit sebanyak supaya masyarakat kita dapat memperbaiki keadaan.

Saya berharap Bar Council menganggap teguran saya ini sebagai cermin untuk melihat diri mereka agar apabila keburukan diri sendiri sudah diketahui, maka pembetulan dapat dibuat demi untuk kepentingan negara kita yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh soal taat setia rakyat kepada negara kita. Pandangan berat Baginda dalam hal ini tentulah ada hubungannya dengan kelahiran sekumpulan warganegara Malaysia yang menderhaka kepada negara. Bagi kumpulan, ini apa sahaja

yang dibuat oleh Kerajaan semuanya tidak betul, kerja mereka ialah memburuk-burukkan imej negara dan kegiatan ini tidak lagi terhad di dalam neger, tetapi sudah menjangkau ke peringkat antarabangsa.

Saya berpendapat sudah tiba masanya Kerajaan mengadakan undang-undang khas untuk menghukum rakyat yang menderhaka ini. Di zaman dahulu orang yang menderhaka dihukum sula atau dibunuh, di negeri China pada zaman dahulu orang yang menderhaka dihukum pancung, kalau yang menderhaka itu kakitangan istana, hukumannya ada bermacam-macam pula, kalau menderhaka kerana tidak bercakap benar hukumannya ialah potong lidah, kalau menderhaka kerana bersmara dengan gundik maharaja hukumannya ialah dipotong zakarnya (*Ketawa*). Di beberapa negara maju undang-undang menderhaka masih wujud, Britain masih mempunyai Treachery Act bagi menghukum rakyat Britain yang mengkhianati negaranya. Kalau tidak salah saya spy-spy Inggeris yang membocorkan rahsia kepada pihak musuh masih lagi dihukum di bawah Akta ini.

Walaupun bilangan rakyat Malaysia yang mengkhianati dan menderhaka kepada tanah air belum ramai, jika dibiarkan tindakan segelintir mereka ini boleh merosakkan pembangunan negara.

Ada beberapa buah pertubuhan di negara ini yang dipercayai mendapat biaya dari luar negeri menyampaikan pelbagai maklumat palsu kepada pertubuhan asing untuk melancarkan kempen memburukkan Malaysia. Antara bentuk ancaman kepada keselamatan negara di masa depan ialah dari segi ekonomi, Negara-negara maju yang sedang menghadapi kemerosotan ekonomi akan menggunakan tiga senjata baru untuk menindas negara membangun termasuk negara kita Malaysia. Senjata itu ialah alam sekitar, demokrasi dan hak asasi manusia.

Baru-baru ini sekumpulan rakyat Malaysia turut berkempen anti kayu tropika di Jepun dengan menyebarkan pelbagai maklumat palsu, beberapa aktivis hak asasi turut menyebarkan gambaran palsu berkenaan kebebasan dan amalan demokrasi Malaysia kepada pertubuhan asing. Mereka ini menjadi talibarut kepada pertubuhan hak asasi sedunia dengan menyampaikan maklumat palsu untuk digunakan oleh pertubuhan asing bagi memburukkan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu ada seorang pemimpin Kesatuan Sekerja Malaysia mendesak Amerika Syarikat menarik balik Skim Keistimewaan Am (GSP) yang diberi kepada Malaysia, tindakan ini kalau berjaya akan menyebabkan ramai buruh Malaysia hilang pekerjaan mereka.

Baru-baru ini pula seorang lagi pemimpin Kesatuan Sekerja mencadangkan supaya Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menyingkir Malaysia daripada menjadi anggota badan itu, gesaan mereka itu samalah seperti merompak hak kaum buruh Malaysia. Beliau ini seorang oportunist yang sering keluar negara menggunakan wang kesatuan, tetapi sehingga kini kita belum nampak apa-apa jasanya kepada kaum buruh di negara ini. Bagi pemimpin-pemimpin buruh seperti ini tidak satu pun yang dibuat oleh Kerajaan baik untuk kaum buruh. Mereka menuduh Kerajaan menindas kaum buruh. Pemimpin kaum buruh ini terlupa bila seseorang itu menjadi buruh mereka tidak mempunyai pekerjaan. Kerajaanlah yang berusaha menarik pelaburan asing supaya pelbagai kilang dan syarikat ditubuhkan di negara ini bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Jadi apakah logiknya Kerajaan mahu menindas kaum buruh sedangkan Kerajaanlah yang memberi pekerjaan kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak kerana Kerajaan yang berusaha menyediakan peluang pekerjaan untuk kaum buruh, maka orang seperti ini juga

tidak akan menjadi pemimpin buruh. Dengan mendesak ILO menyingkirkan Malaysia, bermakna mereka bukan sahaja menderhaka kepada negara malah kepada kaum buruh sendiri. Dalam Islam orang yang mengkhianati agamanya dipanggil 'munafik' dan mereka ini wajib diperangi habis-habisan. Setelah diperangi mereka tidak juga bertaubat, mereka patutlah dihukum. Mereka ini tidak cintakan tanahairnya sebaliknya bertindak dengan cara yang boleh membinasakan negara.

Pemimpin buruh, aktivis alam sekitar dan pejuang hak asasi manusia yang tidak bertanggungjawab ini adalah penderhaka kepada negara, mereka bukan sahaja tidak tahu menghargai jasa-jasa negara tetapi menutup pemikiran daripada melihat perkembangan di dunia luar. Mereka membisukan diri apabila melihat buruh di negara lain ditindas, mereka tidak bersuara sedikit pun apabila rakyat Palestine diburu, disiksa dan ditindas oleh tentera Israel, malah mereka seolah-olah merestui keganasan kaum kulit putih ke atas kaum kulit hitam di Afrika Selatan yang dinafikan hak untuk hidup merdeka di negara sendiri, mereka langsung tidak bersyukur dengan keamanan dan kemakmuran Malaysia yang memberikan mereka kesenangan hidup dan kebebasan bersuara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana golongan ini tidak bersyukur dan tidak tahu menilai keharmonian hidup eloklah mereka ini diberikan kursus pemulihan otak supaya fikiran mereka kembali siuman.

Saya mencadangkan Kerajaan mengadakan undang-undang derhaka supaya kita boleh merampas Pasport Antarabangsa mereka yang terbabit supaya tidak boleh keluar negara lagi. Jika mereka tidak juga bertaubat, Kerajaan boleh melucutkan warga-negara mereka dan menghantarnya ke negara lain yang sedia menerima mereka, jika tidak ada negara lain yang mahu menerima mereka, maka saya

cadangkan kita cari sebuah pulau untuk menempatkan mereka, orang seperti ini tidak layak hidup bermasyarakat. Hidup bermasyarakat mestilah beramanah dan bercakap benar, di keliling pulau itu boleh kita pelihara ikan-ikan jerung kerana orang seperti ini apabila meninggal dunia tidak layak ditanam di bumi Malaysia ataupun kita minta Yang Berhormat dari Gerik mencari satu tempat atau kawasan di kawasannya yang dikelilingi oleh sungai, supaya kita dapat meletakkan mereka ini dan memelihara ikan piranha di sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara jiran kita Indonesia baru-baru ini telahpun menguatkuasakan undang-undang seperti ini, jadi tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh mengadakan undang-undang yang sama sedangkan kitalah yang sering menjadi sasaran kempen-kempen jahat pertubuhan asing. Kita tidak mengeluarkan kayu balak sebanyak Indonesia, tetapi kitalah yang teruk dilanyak oleh gerakan anti kayu tropika antarabangsa.

Ini menunjukkan ramai rakyat Malaysia yang menjadi talibarut pertubuhan asing. Oleh itu, amatlah wajar undang-undang derhaka diadakan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Mahatma Ghandi pernah berkata, 'there is enough in the world for everyone needs, but not enough for everyone greeds, dengan izin. Peluang perniagaan di negara ini banyak, tetapi kalau ahli perniagaan kita bersikap tamak dan ingin membolot semua, maka kekayaan ini akan dinikmati oleh orang tertentu sahaja. Kekurangan ini kos untuk mengendalikan perniagaan di negara ini semakin meningkat kerana wujudnya agen komisyen yang sedia melobi dan menggunakan nama pemimpin dan Raja-raja Melayu. Sekiranya perkara ini dibiarkan berlanjutan, maka Kerajaan terpaksa membayar harga yang tinggi untuk sesuatu projek atau perkhidmatan

daripada pelabur asing. Cara Kerajaan menawarkan tender Syarikat Telekom Malaysia baru-baru ini sedikit-sebanyak boleh mengurangkan amalan pemberian komisyen yang berlebihan.

Walaupun ada pihak yang kurang senang sehingga sanggup menggunakan media asing untuk mengkritik Kerajaan, saya berpendapat cara ini dapat memberi pengajaran kepada ahli perniagaan Malaysia supaya tidak bergantung kepada komisyen sahaja. Peringatan Perdana Menteri kepada ahli perniagaan Malaysia supaya tidak menipu dalam menjalankan perniagaan di Vietnam mestilah juga dipraktikkan di negara ini. Kita tidak mahu mendengar ada ahli perniagaan Malaysia yang ditangkap di negara lain atas tuduhan menipu kerana ini boleh menjejaskan imej negara. Ahli-ahli perniagaan Malaysia mestilah belajar berdiri atas kekuatan sendiri kerana cara ini sahajalah yang membolehkan mereka turut serta di pasaran antarabangsa. Kalau Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad diakui sebagai pemimpin yang memperjuangkan kepentingan negara membangun, maka sepatutnya sudah ada ahli perniagaan Malaysia ataupun konsortium syarikat Malaysia yang boleh menjadi pemimpin dalam mengerakkan hasrat ekonomi Selatan-Selatan. Konsortium seperti ini hanya boleh wujud jika ahli-ahli perniagaan Malaysia tidak memikirkan keuntungan untuk diri sendiri sahaja, tetapi keuntungan untuk Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada usahawan bumiputera yang dilahirkan oleh Dasar Ekonomi Baru, mereka mempunyai satu lagi tanggungjawab iaitu membimbing usahawan-usahawan bumiputera yang baru muncul. Mereka tidak sepatutnya melihat usahawan bumiputera yang baru muncul sebagai saingan, tetapi sebagai rakan yang akan menyumbang kepada pemimpin ekonomi bumiputera dan negara. Mereka sepatutnya sedar ketiadaan semangat tolong-menolong sesama merekalah

dalam beberapa konsortium bumiputera yang diwujudkan untuk mengendalikan beberapa projek Kerajaan sebelum ini berakhir dengan kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak sudah berbicara tentang orang-orang bandar. Ada yang menjadi penghasut, ada yang menjadi talibarut, ada yang durhaka, ada yang tidak pernah bersyukur tentang nikmat yang mereka perolehi, tetapi mereka inilah yang banyak mendapat nikmat daripada segala rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sekarang saya ingin mengemukakan sedikit tentang orang-orang yang sentiasa taat kepada Kerajaan. Walaupun mereka tidak merasa nikmat seperti golongan yang saya katakan tadi, golongan orang di luar bandar di estet-estet, di ladang-ladang masih mengharap keadaan kesihatan yang begitu jauh jurangnya jika dibandingkan dengan orang-orang di bandar. Pembinaan Hospital Daerah dan pusat-pusat perubatan luar bandar masih tidak setimpal, sedangkan penduduk semakin bertambah. Beberapa tapak Hospital Daerah masih menjadi tanah terbiar dan ada yang masih dalam keadaan dusun, walaupun kelulusan sudah diberitahu diperolehi. Ini barangkali selama ini Menteri Kesihatan selalu terdiri daripada orang bandar yang kurang memberi priority kepada pembinaan Hospital-hospital Daerah yang boleh menguntungkan orang-orang luar bandar. Kalau kita bandingkan di antara kemudahan perubatan di bandar dan di luar bandar, keadaannya amat tidak adil dan seolah-olah wujud "double standards" di kawasan luar bandar yang mana lebih ramai jumlah penduduk daripada di bandar. Nisbah penduduk dan doktor adalah besar berbanding dengan di bandar. Malah doktor yang dihantar ke luar bandar kurang berpengalaman dan kebanyakannya muda-muda. Doktor-doktor yang berpengalaman baik di hospital Kerajaan mahupun swasta semuanya tertumpu di bandar-bandar. Bagi penduduk di bandar, mereka bukan sahaja menikmati kemudahan perubatan di hospital-hospital Kerajaan, tetapi juga klinik-

klinik swasta, hospital swasta dan pusat-pusat rawatan pakar yang semakin bertambah bilangannya. Perangkaan kadar kelahiran mati pada tahun 1989 sebagai contoh di Semenanjung Malaysia membuktikan betapa penduduk luar bandar memerlukan khidmat kesihatan yang lebih baik. Daripada 3,444 kematian, 2,608 adalah orang Melayu berbanding dengan 437 Cina, 377 India dan selebihnya kaum lain. Salah satu sebab mengapa angka kelahiran mati bagi orang Melayu ini tinggi ialah kerana bilangan mereka yang tinggal di luar bandar juga tinggi daripada kaum-kaum lain, sedangkan kemudahan kesihatan tidak mencukupi. Saya meminta Menteri Kesihatan memberi tumpuan kepada kemudahan kesihatan luar bandar kerana penduduk di bandar bukan sahaja menikmati kemudahan yang serba lengkap, malah mampu mendapat perkhidmatan perubatan di pusat-pusat perubatan swasta. Selagi Kerajaan tidak meningkatkan kemudahan kesihatan di luar bandar, maka selagi itulah hasrat kita untuk menyediakan kemudahan kesihatan kepada semua rakyat menjelang tahun 2,000 tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang amat bertuah. Buminya subur dan bebas daripada sebarang malapetaka. Kita mempunyai asas pembinaan negara yang cukup kuat dan dianugerahkan pula pemimpin yang mempunyai wawasan yang jauh, dengan izin, in fact this is the era where we have the highest qualified King and most dynamic Prime Minister which nobody can deny. Oleh itu, saya berharap semua pihak memainkan peranan masing-masing agar segala hasrat dan matlamat yang digariskan dalam wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua seperti yang terkandung di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat dijayakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, Kementerian penerangan yang bertanggungjawab mengadakan dan membentuk pemikiran masyarakat Malaysia mestilah peka dengan aspirasi negara supaya sajian yang dimuatkan dapat mendokong kemajuan bangsa dan kelahiran warganegara yang dinamik dan seimbang. Saya menyokong penuh langkah Menteri Penerangan memperbaiki imej rock di RTM. Budaya rock dengan kaum lelaki rambut panjang dan memakai subang bukanlah budaya kita. Kebanyakan pemuzik rock kita seolah sudah hilang identiti sendiri. Kalau dilihat dari belakang kita tidak kenal sama ada yang berjalan itu pemuda ataupun pemudi. Kita terpaksa melihat dari depan baru dapat dipastikan sama ada dia bermisai atau "bergunung" Jerai. Itu pun kadang-kadang terkeliru juga kerana ada yang mencukur misai, dada "bergunung" Jerai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh. . . .

Seorang Ahli: Gunung Jerai itu apa?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Faham-faham sahajalah. Saya menyokong penuh langkah RTM mengenakan peraturan rambut artis lelaki mesti pendek kerana ini memudahkan penonton mengenali mereka. Bagaimanapun, saya tidak tahu apakah jawapan Menteri Penerangan jika artis lelaki meminta RTM mengharamkan artis wanita yang berambut pendek dengan alasan rambut pendek fesyen untuk lelaki. Janganlah strict tentang lelaki sahaja, bila tiba bab artis wanita kita berlembut.

Saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Penerangan menyediakan jawapannya dari sekarang. (Ketawa)

Namun demikian, langkah RTM menerap nilai-nilai baik ini mestilah diikuti dengan penyingkiran nilai-nilai tidak baik. Tentulah tidak adil jika RTM

hanya bertegas kepada artis tempatan sahaja tetapi budaya rock yang diimport dari Barat terus ditayangkan. Hampir setiap minggu ada siri rock import ditayangkan di RTM dan sikap double standard ini adalah tidak adil.

RTM juga seolah-olah tidak peka dengan pendirian Kerajaan. Ketika pemimpin-pemimpin kita bercakap mengenai keruntuhan akhlak di Amerika, pada masa yang sama RTM mempopularkan budaya rock Amerika. Kita berkempen ke seluruh dunia supaya pelancong datang ke Malaysia tetapi RTM terus menyiarkan iklan rokok yang promote pantai Miami, Los Angeles dan sebagainya. Kita mengkritik Amerika kerana mahu menguasai dunia tetapi RTM mendewa-dewakan siri American Gladiators. Setahu kita Amerika tidak pernah ada gladiator. Yang ada cuma di zaman Rome purba. Amerika kalah dalam peperangan di Vietnam tetapi RTM siar cerita Rambo sebagai wira peperangan Vietnam. Saya tahu RTM memerlukan pendapatan melalui iklan tetapi janganlah sampai kita menggadai maruah budaya bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada dalam zaman teknologi maklumat. Teknologi dan maklumat sama-sama penting tetapi dengan mempunyai teknologi yang canggih sedangkan maklumat kita tidak ditapis, ianya tidak memberi apa-apa makna. Media massa baik elektronik mahupun media cetak mesti peka dengan keperluan pendengar dan pembaca. Kedua-dua media massa ini adalah acuan yang akan mengadakan watak dan pemikiran generasi Malaysia. Oleh itu, mereka mestilah membebaskan diri daripada dijajah oleh maklumat asing yang tidak sesuai dengan aspirasi negara.

Kita menjunjung tinggi kebebasan media massa di negara ini tetapi biarlah ianya digunakan untuk kepentingan negara dan bangsa Malaysia. Janganlah kerana hendak mengejar keuntungan daripada iklan dan pengedaran,

pendukung media massa melupakan tanggungjawab mereka sebagai anggota negara membangun. Mereka tidak sepatutnya terpengaruh dengan gelagat media massa Barat kerana di sana juga tidak wujud kebebasan akhbar.

Antara tanggungjawab media massa di negara ini ialah memelihara perpaduan kaum. Tidak berapa lama dahulu, sebuah akhbar berbahasa Cina membesar-besarkan isu tembok sebuah tokong sehingga menaikkan kemarahan kaum lain. Sikap seperti ini tidak akan menguntungkan sesiapa dan kalau berlaku ketegangan kaum, pihak suratkhbar sendiri yang akan rugi kerana pembaca tidak berani keluar membeli suratkhbar.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana hidup di negara yang aman dan makmur, walaupun kita mempunyai masyarakat berbagai kaum, agama dan berbagai budaya. Sikap tolak ansur dan saling hormat menghormati di antara satu sama lain menyelamatkan Malaysia daripada ancaman pemusnahan kaum. Di negara-negara lain, walaupun satu kaum dan satu keturunan, masih berlaku rusuhan dan peperangan saudara. Keamanan yang kita nikmati ini hendaklah dipelihara sebaik-baiknya dan kita sebagai pemimpin politik mestilah memimpin pengikut masing-masing supaya insaf dan bersyukur dengan nikmat yang dikecapi.

Dewan ini mempunyai agenda yang banyak untuk diselesaikan. Oleh itu marilah kita membahaskan dengan penuh rasional dengan bertanggungjawab. Janganlah kita membuang masa dengan hujah palsu dan remeh temeh. Sesungguhnya kita sudah kesuntukan masa. Kita mempunyai 28 tahun sahaja lagi untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020. Oleh itu, marilah kita menggunakan peluang yang ada untuk mencipta tamadun bangsa Malaysia yang lebih cemerlang dan gemilang. Mudah-mudahan usaha murni kita bagi

melahirkan negara Malaysia yang maju, makmur dan harmoni akan terkabul, insya Allah. Sekian, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Padang Serai.

5.04 ptg.

Puan Lim Lay Hoon (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Setar bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bunyinya demikian:

“Ampun Tuanku, Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Kelapan.”

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita patut berasa bangga dengan kemenangan yang telah dicapai dengan Bukit Payong baru-baru ini. Kemenangan ini jelas membuktikan kepada rakyat jelata serta Kerajaan Barisan Nasional bahawa Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad masih mendapat kepercayaan yang kuat serta sokongan yang padu. Saya percaya bahawa majoriti pengundi Bukit Payong sedar tentang pembangunan yang dilaksanakan serta kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan. Tiada sebab bagi pengundi untuk memilih selain daripada pucuk pimpinan kini kecualilah mereka yang masih percaya janji-janji kosong yang dibuat oleh parti pembangkang. Parti-parti pembangkang berulang kali

menjanjikan pembangunan dan kemakmuran tetapi nyatanya segala kemajuan dan kemakmuran yang dicapai di pelbagai segi adalah atas usaha gigih Kerajaan Barisan Nasional. Tidak seperti parti-parti lain, parti Barisan Nasional berani berjanji dan seterusnya menunaikan janji-janjinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah ke atas kejayaan Kerajaan dalam bidang ekonomi tetapi untuk membangunkan sektor perindustrian di bawah Rancangan Malaysia Keenam, negara kita masih memerlukan sebanyak \$80 bilion untuk membangunkan sektor tersebut. Untuk menghadapi persaingan dari negeri China, Vietnam, Eropah Tengah dan Eropah Timur, kestabilan ekonomi dan politik serta suasana yang sihat untuk pelaburan akan meyakinkan pelabur-pelabur asing bahawa negara Malaysia merupakan tapak pelaburan yang berpotensi. Tambahan pula, Kerajaan kita telah memberi kerjasama yang erat serta keistimewaan seperti pengecualian cukai kepada pelabur-pelabur asing.

Dengan bertambahnya pelaburan asing di negara ini, peluang pekerjaan turut ditingkatkan. Berbagai pekerjaan dari kolar biru ke kolar putih telah disediakan dengan adanya kilang-kilang serta perniagaan. Masalah pengangguran akan turut diatasi, seterusnya taraf hidup rakyat akan ditingkatkan. Pencapaian yang kita nikmati kini adalah atas usaha tegas Kerajaan pimpinan Barisan Nasional. Pemimpin kita sentiasa peka terhadap perubahan dan sentiasa merancang strategi-strategi untuk mencapai kejayaan demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut berasa syukur atas kesejahteraan hidup di negara ini. Kesejahteraan hidup yang dinikmati adalah atas kestabilan politik negara. Kesejahteraan hidup kita mengagumkan negara asing kerana berbagai kaum yang berbeza dari segi bahasa, budaya dan agama dapat hidup

dengan aman dan damai. Kesejahteraan ini bukannya dicapai dalam masa yang singkat tetapi atas usaha gigih Kerajaan dan semangat parti komponen Barisan Nasional sejak kita mencapai kemerdekaan. Oleh itu, kita patut menghalang sedaya upaya anasir-anasir yang cuba memburuk-burukkan nama baik Malaysia. Kita sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab patut memberi gambaran yang jelas kepada semua pihak dalam semua aspek. Ini akan mengurangkan masalah salah tafsiran terhadap rancangan yang dilaksanakan serta matlamat negara.

Di sini, saya ingin membawa perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada isu di mana Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia yang mengadu kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa supaya menyingkirkan Malaysia dari menganggotai Badan tersebut. Perbuatan ini amat dikesali. Segala silap faham patut diselesaikan dalam negara dan bukannya merujuk kepada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut berasa syukur kerana mempunyai seorang pemimpin yang pintar, tegas dan berkaliber. Beliau telah membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negara kita dalam masa yang singkat. Beliau merupakan seorang wira negara-negara membangun yang berani menyuarakan pendapat serta mengkritik dasar negara maju yang menindas negara membangun. Ini jelas terbukti dengan memandangkan layanan dan penghormatan istimewa yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa beliau berada di luar negeri. Keikhlasan dan keberanian beliau amat disanjung oleh negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran pendatang asing telah dapat mengatasi masalah kekurangan buruh, tetapi kedatangan mereka juga membawa kesan negatif terhadap kesejahteraan

hidup rakyat. Terdapat sebahagian besar pendatang asing berjaja tanpa berlesen. Ini menimbulkan persaingan kepada penjaja tempatan. Tambahan pula pihak Kementerian Kesihatan tidak dapat mengawal kebersihan dan mutu makanan. Ini akan mengancam kesihatan rakyat dan sukar dikawal penyakit berjangkit. Selanjutnya kehadiran mereka juga mengancam keselamatan rakyat kita. Didapati sebahagian besar kes jenayah dilakukan oleh pendatang asing. Kerakyatan mereka yang tidak diiktiraf menyukarkan pihak polis untuk mengesan mereka. Tambahan pula rumah setinggian yang didirikan di kawasan yang tidak sesuai dan serba kekurangan telah mengancam kesihatan penduduk setempat dan memberi gambaran yang tidak elok terhadap negara kita. Kemasukan mereka harus disesuaikan dengan permintaan negara. Rakyat juga harus diingatkan supaya jangan terlalu memilih pekerjaan kerana pendatang asing akan mengakibatkan pengaliran wang Malaysia ke negara asing.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang pembukaan peluang kepada rakyat bukan bumiputera yang miskin untuk melabur dalam ASMB seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Yusof Nor baru-baru ini.

Tindakan ini wajar untuk memulihkan ekonomi serta taraf hidup penduduk bukan bumiputera di Malaysia. Sebelum ini didapati Kerajaan banyak mengadakan rancangan membantu golongan bumiputera tetapi kini dengan skim ASMB ini golongan bukan bumiputera juga dapat menikmati keistimewaan yang disediakan oleh Kerajaan. Secara tidak langsung ini telah mengeratkan hubungan antara kaum. Golongan bukan bumiputera haruslah berfikiran positif dan menerima hakikat bahawa tindakan Kerajaan ini adalah untuk kepentingan ekonomi keseluruhan rakyat Malaysia. Saya ingin mengambil

kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberi bantuan kepada semua kaum.

Tuan Yang di Pertua, isu hukum hudud kini merupakan topik perbincangan di setiap pelusuk negara. Pada dasarnya seorang yang melakukan kesalahan patut dihukum. Kehadiran hukum hudud menimbulkan persoalan sama ada negara kita mempunyai sistem perundangan dan hukuman yang adil. Saya mendapati sistem perundangan kita dan hukuman serba lengkap. Setiap mahkamah mempunyai peranan yang penting dalam melaksanakan keadilan dan meliputi semua aspek. Tambahan pula para hakim merupakan simbol keadilan dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Undang-undang kita termaktub dalam akta dan hakim memastikan undang-undang diikuti oleh golongan rakyat. Jadi tiada sebab untuk kita sebagai rakyat Malaysia untuk mempertikaikan hukuman yang dijalankan dewasa ini.

Dalam dunia yang maju dan kompleks ini dapatkah diberi jaminan bahawa hukum hudud dapat menyelesaikan segala masalah dan memenuhi keperluan rakyat? Bolehkah Kerajaan Negeri Kelantan memberi kepastian sama ada hukum hudud tidak akan disalah-tafsirkan?

Tuan Yang di Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan atas pengumuman mengadakan universiti kelapan di negeri Sarawak. Tetapi masih ada ramai lepasan sekolah yang memerlukan peluang melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Semenanjung Malaysia. Saya menyeru supaya program universiti terbuka dijalankan seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pendidikan seringkali mengalami masalah kekurangan bekalan guru di sekolah rendah dan juga menengah.

Masalah ini jelas ternyata lagi apabila guru-guru untuk matapelajaran Bahasa Cina tidak dapat menampung keperluan sekolah. Ini adalah kerana terlalu kurang guru yang berkelayakan mengajar matapelajaran tersebut. Oleh itu pada pendapat saya salah satu cadangan yang disyorkan ialah melonggarkan syarat-syarat untuk pengambilan guru yang berminat untuk mengajar matapelajaran Bahasa Cina.

Satu lagi cadangan ialah dengan melaksanakan sistem kertas kelayakan. Sistem ini akan dibuka kepada mereka yang tidak mempunyai kredit dalam matapelajaran Bahasa Cina di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia tetapi memenuhi syarat-syarat yang lain. Mereka akan diberi peluang memasuki Maktab Perguruan dengan meluluskan kertas kelayakan ini.

Tuan Yang di Pertua, negara kita mempunyai berbilang kaum. Didapati beberapa hari telah ditentukan sebagai hari cuti am untuk setiap kaum. Ini termasuk cuti Hari Raya serta cuti hari keagamaan. Tetapi Hari Thaipusam sebagai hari keagamaan tidak dijadikan hari cuti am Persekutuan bagi kaum Hindu yang merupakan salah satu kaum yang terbesar di negara ini. Oleh itu cadangan saya adalah supaya Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai hari cuti am Persekutuan. Tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada kaum Hindu merayakan hari keagamaan ini dengan meriah.

Tuan Yang di Pertua, negara kita sedang membangun dengan pesat, seterusnya terdapat banyak peluang pekerjaan khasnya di bandar-bandar. Dengan adanya iklan-iklan di suratkhbar dan media massa yang lain telah menawarkan peluang pekerjaan bergaji lumayan serta pelbagai kemudahan. Ini telah menarik perhatian golongan belia dan mereka giat berhijrah dari luar bandar ke bandar. Segelintir anasir-anasir negatif cuba mengambil

kesempatan ini untuk memperlakukan golongan belia untuk melakukan kegiatan maksiat. Anasir negatif ini cuba menarik minat gadis-gadis remaja yang berhijrah ke bandar dengan menawarkan gaji yang tinggi serta janji-janji yang kosong. Berbagai tipu helah juga digunakan untuk menarik perhatian gadis-gadis remaja yang masih muda dan kurang berpengalaman.

Saya mencadangkan supaya golongan yang tidak bertanggungjawab ini patut diberi hukuman yang lebih berat untuk menyekat kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri telah mengumumkan proses memohon kad pengenalan bermutu tinggi akan dipermudahkan supaya rakyat jelata tidak menghadapi masalah semasa berbuat demikian. Kenyataan ini sangatlah dialu-alukan dan saya percaya dengan mempermudahkan proses ini perasaan bimbang menukar kad pengenalan bermutu tinggi akan dihapuskan dan matlamat Kerajaan akan dicapai secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan saya, dengan zalilnya saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

5.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja dan untuk mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapannya telah bertitah bahawa Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam tahun 1991 telah diterima oleh rakyat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengakui bahawa adalah sukar untuk mencapai Wawasan

2020 kecuali wujudnya sebuah masyarakat yang penuh bermoral dan beretika di mana warganegaranya mempunyai nilai-nilai agama dan kerohanian yang kukuh dan disemai dengan taraf etika tertinggi.

Di dalam ucapannya di Kogres Ekonomi Bumiputra Ketiga pada bulan Januari lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa perniagaan dan perindustrian memerlukan etika yang baik dan beliau mengakui bahawa terdapat ahli-ahli perniagaan yang menjadi kaya dengan melakukan penipuan. Beliau menyebut tentang beberapa contoh antarabangsa seperti Robert Maxwell, Charles Keating Jr. Ivan Boesky dan Michael Milken.

Apa yang signifikan bukanlah contoh-contoh orang Amerika dan British yang disebutkannya tetapi perbuatan meninggalkan nama seorang penjenayah yang lebih besar daripada contoh-contoh yang diberikannya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meninggalkan nama seorang yang digelar sebagai, dengan izin, "ranks as one of the great criminal minds of his time" yang melenyapkan contoh-contoh antarabangsa yang disebutkan beliau iaitu ahli bank Pakistani, Agha Hassan Abedi yang menjadi pengasas Bank of Credit and Commerce International (BCCI).

Apabila runtuhnya BCCI pada tahun sudah, ia telah membawa malapetaka kepada lebih sejuta pendepositanya di 62 buah negara diseluruh dunia. Agha Hassan Abedi dituduh melakukan penipuan terbesar dalam sejarah kewangan dunia. Daripada aset BCCI yang bernilai US\$20 bilion atau lebih pada tahun lepas, hanya kurang daripada \$2,000 bilion yang dapat dikutip balik kerana kebanyakan wangnya telah lesap akibat pencurian, pinjaman-pinjaman yang tidak dapat dikutip balik, rasuah dan kerugian yang dialami menerusi perdagangan.

Peninggalan nama Agha Hassan Abedi dan BCCI dalam galeri "international rogues" ini sangat menonjol. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh diibarat sama setaraf dan mengejut seperti tidak menyebut nama Malaysia apabila menyentuh tentang negara-negara yang merupakan pengeluar-pengeluar getah asli utama di dunia.

Ini menimbulkan persoalan yang asas iaitu sama ada Kerajaan Barisan Nasional mempunyai "double standards" dalam soal-soal mengenai etika, penipuan dan rasuah.

Semasa perbincangan Rancangan Malaysia Keenam pada 10hb Julai tahun lepas, saya telah menyentuh sepuluh skandal yang mengiringi Dasar Pembangunan Negara. Salah satu daripada sepuluh skandal tersebut adalah apa yang saya namakan sebagai Skandal \$260 juta Bank Pertanian Malaysia.

Dalam jawapannya menafikan bahawa terdapat Skandal Bank Pertanian, Yang Berhormat Menteri Pertanian berkata dalam Dewan Rakyat pada 19hb Julai 1991, ini dalam Hansard, dan saya petik:

"Walaupun ianya (BPM) ditubuhkan lebih 20 tahun lalu tetapi hanya akhir-akhir ini atas arahan saya pihak bank telah membuat peruntukan yang realistik bagi pinjaman ragu dan lapuk. Itulah sebabnya bagi tahun lepas untuk selama 21 tahun bank telah memperuntukkan \$570 juta untuk hutang lapuk dan ragu bagi jangka masa lebih 20 tahun itu. Ini bererti purata sekitar \$28 juta setahun".
Ini akhir petikan.

Apa yang Yang Berhormat Menteri Pertanian maklumkan kepada Dewan ini ialah bahawa beliau mempunyai pandangan yang lebih jauh dan kesedaran kewangan yang lebih tinggi berbanding dengan bekas Menteri-menteri Pertanian termasuk Menteri Kewangan sekarang dalam memberi

arahan untuk membuat peruntukan yang realistik bagi pinjaman-pinjaman lapuk dan ragu.

Apabila Yang Berhormat Menteri Pertanian berucap dalam Dewan ini pada 19hb Julai tahun lalu, Laporan Bank Pertanian Malaysia bagi tahun 1988 dan 1989 masih belum dibentangkan di Dewan ini, dan hanya dibentangkan pada hari-hari yang terakhir Persidangan Parlimen pada bulan Disember tahun lalu.

Gambaran Yang Berhormat Menteri Pertanian ingin berikan ialah bahawa beliau terpaksa mengarahkan peruntukan bagi pinjaman- pinjaman lapuk dan ragu yang berjumlah \$570 juta untuk menanggung keseluruhan tempoh operasinya selama 20 tahun, iaitu secara purata sejumlah \$28 juta yang sederhana bagi setiap tahun. Ini adalah satu dakwaan yang amat tidak munasabah.

Sebenarnya, Bank Pertanian Malaysia telah membuat peruntukan bagi pinjaman-pinjaman lapuk dan ragu semenjak tahun 1973, apabila ia memperuntukkan \$449,211 dan untuk 1980an, peruntukan pinjaman- pinjaman lapuk dan ragunya adalah seperti berikut. Saya akan berikan angka peruntukan hutang ragu dan lapuk tahunan dan angka untuk peruntukan hutang ragu dan lapuk terkumpul:

Bank Pertanian Malaysia

	<i>Peruntukan hutang ragu dan lapuk tahunan</i> \$ juta	<i>Peruntukan hutang ragu dan lapuk terkumpul</i> \$ juta
1981	3	5
1982	5.4	10.5
1983	10.6	21
1984	15	34
1985	22.5	55.6
1986	24	79.5
1987	43	123
1988	100.2	220
1989	258.9	469
1990	88.8	558.2

Dalam tiga tahun dari 1988-1990, Bank Pertanian Malaysia telah membuat peruntukan yang raksasa sebanyak \$448 juta untuk pinjaman-pinjaman lapuk dan ragu, dan Yang Berhormat Menteri Pertanian berkata ini langsung bukanlah satu skandal!

Menurut laporan tahunan Bank Pertanian 1988 dan 1989 yang dibentangkan di Parlimen pada beberapa hari terakhir dalam persidangan bulan Disember, Bank Pertanian telah mengalami kerugian \$46.4 juta dalam tahun 1988 dan kerugian \$258.66 juta lagi pada tahun 1989 menjadikan kerugian berjumlah \$305 juta untuk kedua-dua tahun ini. Pada 1990, Bank Pertanian telah mencatatkan kerugian lebih kurang \$100 juta lagi menjadikan kerugian dari tiga tahun ini berjumlah \$405 juta.

Walau bagaimanapun, sehingga sekarang Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian telah gagal untuk menjawab kepada rakyat sebab berlakunya skandal \$405 juta Bank Pertanian, atau membalas banyak komen dan kritikan tajam yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ishak bin Tadin, ke atas akaun-akaun Bank Pertanian bagi tahun 1988 dan 1989. Sekarang ini adalah bulan April 1992 tetapi Laporan Bank Pertanian bagi tahun 1990 masih belum dibentangkan dalam Dewan ini. Di manakah kecekapan dan keupayaan pengurusan baru Bank Pertanian yang dibanggakan itu?

Dalam komennya ke atas Laporan 1989 bertarikh 29.4.1991, Tan Sri Ishak Tadin ada berkata, saya petik:

“Pada 31.12.1989 kedudukan kewangan bank ini menunjukkan kekurangan modal sebanyak \$149,224,623. Pihak Bank sedang berunding dengan pihak Kementerian Pertanian, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan tambahan sokongan kewangan.

Sekiranya rundingan tersebut gagal untuk mendapatkan sokongan tambahan kewangan yang berterusan, yang cukup untuk memenuhi komitmen semasa Bank, ianya akan menghadapi masalah besar bagi meneruskan operasinya." Inilah dibuat bertarikh 29.4.1991.

Akhbar *Business Times* bertarikh 22hb Mac 1991 di bawah tajuk "Pinjaman \$400 juta untuk Bank Pertanian" melaporkan (dengan izin):

"Bank Negara has agreed in principle to provide more than \$400 million in soft loans to Bank Pertanian Malaysia (BPM) to meet its growth requirements. The loan will also help ensure that BPM has enough funds to help mobilise its fledgling machinery."

"Its General Manager, Encik Ibrahim Hashim said, that BPM having fully utilised its resources, is now short of funds and badly in need of the loan. To further aggravate the situation, it is also facing a huge bad debt problem."

"He said Bank Negara has agreed to meet the requirements as soon as possible on condition that BPM be placed under the Central Bank's indirect supervision."

"Encik Ibrahim said, "Right now everything is in line for BPM's supervision by Bank Negara but it will not be done directly."

"In July last year, the bank's Chairman, Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim said BPM had some \$986 million in loan balances and another \$400 million in outstanding loans. Loan balances are those that have not been collected while outstanding loans are those that have passed their due repayment date."

"BPM's funds are drying up and if new funds are not injected fast enough, BPM is sure to collapse in the near future," he told *Business Times* in a telephone interview in Kuala Lumpur yesterday."

Pada bulan Mac 1991, Pengurus Besar berkata BPM's funds are now drying up and if new funds are not injected fast enough, BPM is sure to collapse in the near future. Kalau \$400 juta tidak diberi serta-merta kepada BPM, BPM akan runtuh!

Seterusnya *Business Times* melaporkan bahawa Encik Ibrahim berkata, saya quote one more paragraph, "I need time to help restructure BPM and to ensure that its operations run smoothly in meeting the objective of turning it into a viable operational bank. It may take two or three years to turn the bank around" - perlu dua tiga tahun - "to enable it to survive without the subsidy from the Treasury. But even after that, the Treasury will continue to play its role in the management of funds for farmers." Ini pada bulan Mac, bank hampir runtuh kalau tidak injection \$400 juta. Dan kalau ada injected \$400 juta perlu dua tiga tahun baharulah bank baru boleh turn around.

Encik Ibrahim tentu bukan memimpikan pinjaman \$400 juta dari Bank Negara untuk menyelamatkan BPM atas syarat bahawa ianya diletakkan di bawah penyeliaan secara tidak langsung Bank Negara, kerana Ibrahim adalah Pengurus yang mengetuai Jabatan Pemeriksaan Bank di Bank Negara sebelum beliau disecoded kepada Bank Pertanian Malaysia menjadi Pengurus Besar BPM dan beliau harus tahu apa yang beliau berkata.

Sehinggalah 22hb Julai 1991, BPM masih belum menerima \$400 juta daripada Bank Negara kerana Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian memberitahu Dewan Rakyat semasa waktu soal jawab bahawa BPM telah

memohon pinjaman \$400 juta untuk memperkembangkan operasinya dan untuk membolehkan bersaing dengan lain-lain bank perdagangan. Beliau berkata bahawa ini adalah perlu kerana bank tersebut tidak mempunyai lesen untuk aktif dalam pasaran kewangan di antara bank dan bahawa BPM memperoleh sumber kewangan utamanya daripada Bank Negara atau dari Kementerian Kewangan dan sebenarnya saya difahami sampai hari ini \$400 juta tidak diberi kepada Bank Pertanian Malaysia oleh kerana masalah Kementerian Pertanian, Kementerian Kewangan atau Menteri Kewangan dan Menteri Pertanian.

Walau bagaimanapun, satu miracle banking telah berlaku apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan Rakyat bahawa BPM masih menunggu pinjaman \$400 juta daripada Bank Negara. Sungguhpun Ibrahim Hashim telah berkata dalam bulan Mac 1991 bahawa BPM akan runtuh sekiranya wang sebanyak \$400 juta tidak disalurkan kepadanya dengan serta-merta oleh Bank Negara dan bahawa ia akan mengambil masa dua hingga tiga tahun sebelum mencatat keuntungan. Dalam jangka masa tiga bulan sahaja beliau telah melakukan satu miracle dengan serta-merta tanpa memerlukan sebanyak \$400 juta daripada Bank Negara dengan membuatkan Bank Pertanian Malaysia mencatatkan keuntungan dalam lingkungan \$12 juta. Tiga bulan, tidak perlu \$400 juta boleh dapat keuntungan \$12 juta. Miracle ini telah diumumkan oleh Menteri Pertanian pada 29 Julai 1991 dan ini telah dilaporkan oleh akhbar *New Straits Times* pada hari keesokannya seperti berikut:

“Bank Pertanian Malaysia, which is changing its image as a bank for farmers only to an enterprising bank, returned to the black with a \$11.8 million profit for the six months ended June 30, 1991 after 10 years of losses.”

“Agriculture Minister, Datuk Seri Sanusi Junid, said yesterday that with its large deposit base, Bank Pertanian would be one of the largest banks in Malaysia if it obtained the commercial bank status.”

Ibrahim Hashim sepatutnya diberikan anugerah “Miracle Banker of the World”. Bagaimanakah Ibrahim Hashim dapat menyempurnakan keajaiban ini, by Mac bank akan collapse tanpa \$400 juta. Tidak ada wang kemudian sudah dapat keuntungan. Bukankah benar miracle Bank Pertanian ini yang kononnya mencatat keuntungan adalah akibat amalan-amalan perakaunan yang tidak jujur, yang tidak benar? (*Tepuk*)

DAP menyeru supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-rajanya ke dalam skandal Bank Pertanian ini untuk menentukan bagaimana ia rugi \$405 juta dalam tahun 1988, 1989 dan 1990 dan bagaimana apabila ia hampir-hampir runtuh dalam bulan Mac 1991 ia dapat secara mengejut mencatat keuntungan dalam tempoh tiga bulan sahaja dengan memperolehi keuntungan sebanyak \$12 juta untuk 6 bulan pertama tanpa memerlukan injection \$400 juta ataupun sesen pun dari Bank Negara.

Pertamanya, bukankah benar menurut Penyata Kira-kira Bank Pertanian Malaysia sendiri untuk enam bulan pertama tahun 1991 Bank Pertanian telah mengalami kerugian sebanyak \$11,335,860 juta setakat 30hb Jun 1991. Itu fact of statement yang pertama.

Yang kedua, bukankah benar Lembaga Pengarah di mana Pengerusinya adalah Ahli Parlimen di sini pada mesyuaratnya pada 24hb Julai 1991 diminta meluluskan satu Penyata Kira-Kira Bank yang tidak benar untuk enam bulan pertama yang menunjukkan bank tersebut telah mencatatkan keuntungan sebanyak \$11,787,237.

Daripada dua set Penyata Kira-Kira yang berlainan sama sekali, Bank Pertanian Malaysia telah secara meticulous ditukar kedudukan daripada

mencatat kerugian sebanyak \$11.3 juta pada 3hb Jun 1991 kepada mencatat keuntungan sebanyak \$11.8 juta pada tarikh yang sama. Satu perbezaan miraculously sebanyak \$23.1 juta dengan hanya memalsukan secara mudah akaun-akaun dalam bank tersebut.

Ketiga, bukankah benar set ketiga Penyata Kira-Kira timbul untuk enam bulan pertama tahun 1991 Bank Pertanian terpaksa disediakan dengan mengubahkan keuntungan bagi tempoh tersebut kepada \$11,877,566 apabila didapati set kedua Penyata Kira-Kira yang diluluskan oleh Lembaga adalah palsu dan tidak benar disebabkan angka-angka tersebut assumption sahaja dan sekurang-kurangnya ada 5 butiran yang tidak boleh reconcile atau dibuktikan oleh mana-mana dokumen dan angka-angka tersebut tidak kelihatan dalam lejar-lejar bank umum atau dalam lain-lain buku akaun Bank Pertanian Malaysia. Dan kelima-lima items itu termasuk:

- (i) Geran Kerajaan untuk Belanja Mengurus;
- (ii) Geran Kerajaan untuk Belanja Modal;
- (iii) Peruntukan hutang ragu dan lapuk;
- (iv) Faedah tertanggung;
- (v) Wang Tunai di tangan dan di Bank.

Sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja harus juga menyiasat ke dalam skandal tiga set penyata kira-kira berlainan untuk enam bulan pertama yang membolehkan pengurusan BPM melaksanakan keajaiban bank dengan mengubah sebuah bank yang hampir runtuh tanpa penyaluran \$400 juta daripada Bank Negara kepada suatu kedudukan di mana bank tersebut boleh mencatat keuntungan sebanyak \$12 juta dalam tempoh tiga bulan.

Saya tidak ragu-ragu bahawa ketiga-tiga set penyata kira-kira tersebut akan dibentangkan kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja sekiranya ia ditubuhkan

supaya ia dapat menyiasat ke dalam pemalsuan kira-kira dalam Bank Pertanian Malaysia.

Yang Berhormat Menteri Pertanian telah memberi alasan mengapa peruntukan besar terpaksa dibuat untuk pinjaman-pinjaman lapuk dan ragu dengan alasan bahawa BPM terpaksa mengambil risiko yang tinggi kerana ia memberi kredit kepada petani-petani kecil yang miskin.

Apakah ini benar? Bukankah benar BPM telah memberi pinjaman-pinjaman besar kepada syarikat-syarikat yang mempunyai pertalian politik tanpa cagaran yang sempurna mahupun perjanjian pembayaran-pembayaran balik yang sempurna dan bahawa tindakan undang-undang untuk menuntut kembali pinjaman-pinjaman ini telah dihentikan disebabkan pengaruh politik peringkat atasan?

Dalam pada ini, ingin saya bertanya mengapa BPM gagal mengambil tindakan untuk mendapat balik pinjaman-pinjaman besar yang diberi kepada Kumpulan Shamelin yang saya difahamkan berhutang kira-kira \$30 juta setakat ini. Apakah benar pengaruh politik peringkat atasan - sehingga ke tahap Menteri - terlibat dalam pemberian pinjaman tersebut di mana pinjaman-pinjaman tersebut dibuat tanpa cagaran atau perjanjian pembayaran balik yang sempurna serta terlibat juga dalam menghentikan tindakan undang-undang daripada diambil oleh BPM untuk menuntut balik hutang-hutang daripada Shamelin.

Hanya sebuah Suruhanjaya Siasatan di-Raja sahaja dapat menyiasat ke dalam kesemua ramifikasi skandal \$405 juta Bank Pertanian Malaysia itu dan mendedahkan penyebab akar umbi politiknya.

Pada 18hb. Januari, 1992, saya menulis sepucuk surat kepada Pengerusi Bank Pertanian Malaysia, Yang Berhormat di sini, meminta satu perjumpaan dengan Lembaga Pengarah

atau pihak tertinggi pengurusan bank untuk membincangkan skandal BPM dan skandal tiga set penyata kira-kira.

Dalam surat saya, saya telah menyatakan tiga sebab berikut mengapa saya meminta untuk berjumpa dengan Lembaga Pengarah atau pihak tertinggi pengurusan BPM:

- (1) Perkara-perkara tersebut melibatkan isu kepentingan awam yang amat besar dan mendesak, khususnya kerana ia membabitkan \$405 juta;
- (2) Permintaan untuk perjumpaan ini adalah dibuat dengan semangat salah satu resolusi yang diterima dalam Kongres Ekonomi Bumiputra Ketiga yang menggesa untuk “mengkaji semula prestasi dan peranan agensi-agensi Kerajaan dan mempertingkatkan akauntabiliti”; dan
- (3) Oleh kerana kenyataan oleh Menteri Pertanian, dalam *Watan* bertarikh 19hb. Januari, 1992 bahawa Bank Pertanian “mempunyai jawapan dan asas yang kukuh” dan beliau “menyerahkan kepada Bank Pertanian untuk menjawab segala persoalan berhubung dengan kerugian yang ditanggung oleh Bank itu”.

Yang Berhormat Menteri Pertanian memberitahu *Watan*: “Bank Pertanian ada jawapan semua perkara yang ditimbulkan oleh akhbar *Watan* dan adalah kurang jelas jika Kementerian Pertanian yang menjawab perkara itu.”

Tetapi, kedua-dua pihak Lembaga Pengarah Bank Pertanian dan pihak tertinggi pengurusan enggan memberi penjelasan yang menurut Yang Berhormat Menteri Pertanian mereka “mempunyai”.

Sebaliknya, saya telah menerima jawapan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah BPM, Dato' Mohammad Abu Bakar Rautin Ibrahim, bertarikh 28hb. Februari, 1992, yang berbunyi:

“Per: Permintaan untuk Perjumpaan dengan Lembaga Pengarah atau Pihak Pengurusan Tertinggi

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat tuan yang bertarikh 18hb. Januari, 1992 mengenai perkara di atas.

Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Ahli Lembaga Pengarah Bank mahupun pihak pengurusan bank tidak dapat memenuhi permintaan Yang Berhormat buat masa ini.

Walau bagaimanapun, pihak kami mengucapkan terima kasih terhadap minat dan perhatian Yang Berhormat terhadap apa jua isu yang melibatkan Bank Pertanian Malaysia.

Sekian, terima kasih.”

Saya pun mengucapkan terima kasih. (*Ketawa*)

Di sini, saya ingin mempertikaikan ucapan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian semasa pelancaran Skim Simpanan Patriot BPM pada 29hb. Januari, 1991, apabila beliau mengumumkan bahawa Bank tersebut telah “pulih dengan keuntungan \$11.8 juta untuk enam bulan pertama yang berakhir pada 30hb. Jun, 1991 selepas mengalami kerugian selama 10 tahun.”

Dakwaan ini telah diulangi oleh Pengurus Besar BPM, Ibrahim Hashim, di akhbar harian *METRO* pada 11hb. Disember, 1991. Dakwaan ini adalah tidak benar. Seperti yang dikatakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah BPM dalam sidang akhbaranya sebagaimana yang disiarkan dalam *The Star* bertarikh 15hb. April, 1992. Sebenarnya, BPM

telah mencatatkan keuntungan sepanjang masa melainkan tahun 1988, 1989 dan 1990, dan inilah keuntungan yang diperolehi oleh BPM dalam tahun berikut:

**Bank Pertanian Malaysia
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum
Cukai**

1985 (Keuntungan)	\$1.9 juta
1986 (Keuntungan)	\$35.5 juta
1987 (Keuntungan)	\$20 juta
1988 (Kerugian)	\$(46 juta)
1989 (Kerugian)	\$(258.6 juta)
1990 (Kerugian)	\$(92 juta)
1991 (Keuntungan)	\$18.1 juta (turn-around)

Adalah nyata bahawa pemutar-belitan fakta dan angka oleh Menteri Pertanian dan Pengurus Besar berkenaan bukanlah perkara yang baru untuk Bank Pertanian Malaysia seperti dalam kes tiga set penyata kira-kira BPM untuk tempoh enam bulan yang berakhir pada 30hb. Jun, 1991.

Saya memahami bahawa terdapat pemalsuan dan manipulasi dalam Penyata Kira-kira untuk seluruh tahun 1991 kerana Pengurus Besar telah menentukan terlebih dahulu angka keuntungan untuk tahun 1991 apabila beliau memberitahu *METRO* pada 11hb. Disember, 1991 bahawa BPM akan mencatat keuntungan kira-kira \$20 juta dalam tahun 1991.

Angka yang telahpun dimanipulasikan supaya menunjukkan tahap keuntungan yang "dapat diterima" ialah perkara Hutang Lapuk dan Ragu. Angka tersebut telahpun diselaraskan daripada \$8,683,631 ialah untuk penyata untung rugi yang menunjukkan keuntungan \$13,469,180 ditukar kepada hanya \$2,727,461 untuk menunjukkan keuntungan \$18,014,163.

Yang Berhormat Pengerusi BPM mengakui sedemikian apabila beliau berkata BPM telah dinasihatkan oleh "juruaudit kami" ialah BPM supaya tidak membuat peruntukan \$8 juta. Bagaimanakah juruaudit BPM dan Coopers & Lybrand dapat memberikan nasihat ini sedangkan setahu saya mereka masih belum mengoditkan akaun tahun 1991?

Ibrahim Hashim telah dipinjam dari Bank Negara ke Bank Pertanian Malaysia untuk menyelamatkan dan membetulkan Bank Pertanian, khususnya Bank Dunia telah mengesyorkan bahawa BPM mesti diletakkan di bawah penyeliaan Bank Negara dalam hal berkenaan dengan operasi perdagangan bank tersebut.

Satu kajian Bank Dunia telah mendapati bahawa BPM yang bermula dengan penumpuan operasi ke atas bantuan petani-petani kecil, telah terpesong daripada matlamat asalnya dan pinjaman-pinjaman perdagangan yang besar telah menjadi semakin penting dengan sumber pendapatan terbesarnya datang dari pelaburan pasaran kewangan.

Apa yang memeranjatkan ialah operasi perdagangan bank tersebut telah dikendalikan langsung tanpa penyeliaan oleh Bank Negara. BPM adalah di bawah Kementerian Pertanian yang bagaimanapun tidak mempunyai kawalan terus ke atas BPM dalam fungsi peminjaman dan fungsi bank perdagangannya. Nampaknya bukan sahaja BPM yang perlu dibetulkan tetapi Ibrahim Hashim yang perlu membetulkan dirinya.

Apabila Ibrahim Hashim dilantik sebagai Pengurus Besar BPM pada 16hb Julai 1990 untuk menggantikan Haji Abu Bakar Yusof, salah satu keputusan pertamanya ialah memesan sebuah kereta baru untuk dirinya. Di bawah belanjawan BPM, untuk tahun 1990, Pengurus Besar layak menggunakan sebuah kereta berharga \$120,000 dan

kereta yang disyorkan dalam belanjawan BPM ialah Volvo 740. Tanpa sebarang permohonan atau kelulusan daripada Lembaga Pengarah, Ibrahim Hashim telah membeli sebuah kereta BMW 525i(A) yang berharga \$180,000 untuk dirinya.

Jika Ibrahim Hashim telah membeli sebuah Volvo 740 GLE, mengikut Pekeliling Kontrak Pusat Perbendaharaan Bil 5 Tahun 1990 bertarikh 26hb Januari 1990, harga selepas cukai adalah \$91,188.39. Menurut Pekeliling Kontrak Perbendaharaan, semua badan berkanun Kerajaan yang hendak membeli kereta baru mesti memperoleh kelulusan terlebih dahulu daripada Bahagian Pengurusan Kontrak bekalan Kementerian Kewangan. Pekeliling Perbendaharaan ini telah diketepikan oleh Ibrahim Hashim.

Oleh itu, Suruhanjaya Siasatan Diraja harus menyiasat mengapakah Ibrahim Hashim telah dibenarkan membeli sebuah kereta BMW 525i (A) berharga \$180,000 pada Julai, 1990 yang jauh melampaui hak beliau dan mengapakah beliau tidak dihalang oleh Menteri Pertanian dan Menteri Kewangan? Kawan baik saya, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian ada di sini, mungkin dia boleh menjelaskan.

Suruhanjaya Siasatan Di Raja harus menyiasat semua aspek penyalahgunaan kuasa, pecah amanah jenayah dan keborosan Bank Pertanian Malaysia yang mengalami kerugian \$405 juta dalam tiga tahun dari 1988 hingga 1990.

Dalam pada ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pertanian atau Setiausaha Parlimen untuk menjelaskan sama ada benar seorang pegawai pengurusan tinggi di ibupejabat BPM telah didakwa dalam mahkamah kerana mencuri kayu papan yang terdapat di Kampung Budaya atau rumah-rumah bangsawan negeri-negeri kepunyaan

Bank Pertanian Malaysia di Bukit Cerakah dan kayu papan tersebut kemudian didapati di sebuah dusun di Hulu Langat kepunyaan seorang pegawai tinggi BPM yang lain dan mengapakah pegawai BPM ini tidak digantung daripada kerjanya sementara menunggu perbicaraan dalam bulan Oktober kelak?

Suruhanjaya Siasatan Di-rajanya juga harus menyiasat ke dalam penyalahgunaan \$68 juta yang dikeluarkan di bawah Skim Pinjaman Khas untuk pertanian (SPKP) dan sama ada peristiwa ini berlaku semasa Menteri Pertanian yang sekarang berjawatan atau Menteri Kewangan berjawatan sebagai Menteri Pertanian.

Rancangan Malaysia Kelima pada asalnya telah memperuntukkan sebanyak \$250 juta kepada SPKP tetapi peruntukan ini kemudian disemak semula dan dikurangkan kepada \$115 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam pula sebanyak \$60 juta telah diperuntukkan untuk Skim tersebut.

Menurut Pengerusi BPM seperti dilaporkan dalam *Business Times* bertarikh 28hb Disember 1991, BPM meluluskan \$99.99 juta kepada 7,709 peminjam di bawah skim tersebut, daripada mana \$68.1 juta telah pun dibayar. Akan tetapi, kesemua ini berlaku sebelum Perbendaharaan membekukan peruntukan untuk skim khas SPKP untuk dua tahun iaitu tahun 1990 dan 1991 di mana pinjaman berfaedah rendah diberi kepada petani-petani dengan faedah 4% setiap tahun.

Pembekuan selama dua tahun hanya diumumkan dalam bulan Disember 1991 apabila Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Mustapha Jabar meminta penjelasan daripada Kementerian Kewangan mengapa faedah rendah untuk pinjaman-pinjaman SPKP untuk para petani dibekukan selama dua tahun. Tan Sri Mustapha Jabar berkata pembekuan tersebut telah

menjejaskan kira-kira 500,000 petani di seluruh negara yang menghadapi kesulitan untuk menyempurna atau memulakan projek mereka. Beliau juga menuduh pihak Perbendaharaan sebagai menamatkan skim pinjaman tersebut tanpa sebarang penjelasan atau notis.

Apa yang lebih mengejutkan ialah Pengerusi BPM, Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim telah berkata dalam *Business Times* bertarikh 28hb Disember 1991 bahawa pihak bank tidak pernah dimaklumkan baik secara rasmi atau tak rasmi mengenai pembekuan Perbendaharaan ke atas wang untuk SPKP sehingga mereka membaca kenyataan Menteri Kewangan di dalam suratkhbar seminggu sebelum itu.

Sekiranya Kementerian Kewangan dan BPM tidak berkomunikasi langsung pun di antara satu sama lain. . . .

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tasek Chenderoh bangun. Hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Ketua Pembangkang telahpun menyentuh tentang perkara Bank Pertanian ini selama 45 minit, kalau tidak silap sayalah. Adalah lebih elok perkara terperinci tentang institusi seperti ini diberi kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang. Ketua Pembangkang lebih baik response kepada perkara-perkara principle yang lebih besar dalam Titah Ucapan Tuanku.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya faham lah kepada Ahli Yang Berhormat Tasek Chenderoh dan lain-lain Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional khususnya UMNO, skandal \$400 juta itu satu skandal yang kecil lah.

(*Ketawa*) Mungkin mereka berharap mereka ada peluang untuk mengambil bahagian di dalam skandal tersebut di masa hadapan. (*Tepuk*) Sekiranya. . . .

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang:saya tidak mahu beri jalan lagi.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Point of order, ini prasangka yang buruk terhadap sesama Ahli Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa Yang Berhormat berdiri untuk bercakap, saya tidak tahu apa tujuannya. Kalau beliau sebenarnya melibatkan perkara skandal \$400 juta wang rakyat Malaysia, pembayar cukai diremeh-temehkan, Kalau remeh-temeh, Yang Berhormat tidak ada hak duduk di dalam Dewan ini: Adakah \$400 juta remeh-temeh? (*Tepuk*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Beri peluang kepada saya untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Yang Berhormat tanya saya apa tujuan saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Hendak beri jalan atau tidak kepada dia?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan. Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang menyoalkan betapa penting hal yang dikemukakan, sebenarnya tak ada hak untuk dapat dihormati oleh sesiapa, khususnya termasuk rakyat Malaysia.

Sekiranya Kementerian Kewangan dan BPM tidak berkomunikasi langsung di antara satu sama lain, maka Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri jelas telah gagal dalam percubaannya semenjak tahun 1981 untuk membaik-pulihkan birokrasi dan jentera Kerajaan. Ini adalah cara paling mengejutkan serta bersifat skandal dengan mana sebuah skim pinjaman berfaedah rendah untuk memper-utukkan pinjaman berkonsesi kepada petani-petani dikendalikan. Ini mencerminkan dengan buruknya tidak kecekapan, tidak kekompeten, rasa tanggungjawab dan komitmen untuk membantu petani-petani miskin untuk meningkatkan pendapatan, taraf kehidupan serta mutu hidup tiga buah agensi Kerajaan yang terlibat iaitu BPM, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kewangan.

Dalam kenyataan yang diterbitkan dalam *Business Times* bertarikh 19 Disember 1991, Menteri Kewangan telah menyatakan dengan jelasnya bahawa pihak Perbendaharaan telah membekukan wang untuk SPKP disebabkan Bank Pertanian Malaysia tidak mematuhi prosedur-prosedur untuk menyalurkan pinjaman-pinjaman tersebut dan ini adalah cara sopan-santun untuk mengatakan bahawa wang SPKP telah disalah urus dan disalahgunakan, dan bahawa wang tersebut tidak sampai kepada petani-petani yang miskin.

Apa yang menarik perhatian ialah jawapan Menteri Pertanian dalam akhbar *New Straits Times* bertarikh 27 Disember 1991 di mana beliau mengakui bahawa, dengan izin, "frauds had occurred in the course of the Bank 20-year history but its problems had been overcome since a new and competent managing director was appointed. Any incidence of fraud in Bank Pertanian occurred before my time and right now I am satisfied with the bank's management".

Dalam majalah *Business Times* bertarikh hari yang sama, beliau berkata, "As far as I know, there was no misuse of funds at the bank and if it happened, it was not during my time". Semua orang tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang

Berhormat Menteri Pertanian bahawa sekiranya penipuan dan salah pengurusan berlaku berhubung dengan wang SPPK sebanyak \$68 juta, ianya telah berlaku bukan semasa beliau menjadi Menteri Pertanian tetapi ianya berlaku semasa orang yang digantikannya menjadi Menteri Pertanian iaitu Menteri Kewangan sekarang, Anwar Ibrahim. Ini adalah satu lagi sebab mengapa sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja harus ditubuhkan untuk menyasat ke dalam BPM untuk mendapat tahu siapakah yang bertanggungjawab ke atas skandal wang SPPK bernilai \$68 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapan bertitah bahawa media massa harus berwaspada akan tanggungjawab kepada masyarakat dan memainkan peranan yang positif dalam memelihara harmoni dan perpaduan di kalangan rakyat. Masalah dalam Malaysia hari ini bukan bahawa terdapat kebebasan akhbar (free press) tetapi kerana kita mempunyai akhbar yang tidak bebas (unfree press) disebabkan oleh kawalan manipulasi suntingan (censorship) Barisan Nasional ke atas media massa, khususnya media elektronik Radio dan Televisyen. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini standard moral dan perbincangan politik di negara ini telah jatuh kepada tahap yang lebih rendah apabila beberapa parti Barisan Nasional, khususnya MCA dan Gerakan yang menggunakan kempen pembohongan dan kepalsuan yang diterbitkan berulang kali dalam suratkhbar hingga ke tahap bahawa kelihatan terdapat satu pertandingan persaingan di kalangan pemimpin-pemimpin tertinggi MCA dan Gerakan untuk menjadi pembohong nombor satu di negara ini. (*Tepuk*) Umpamanya. . . .

Tuan Yim Chee Chong: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Give way?

Tuan Yim Chee Chong: Boleh atau tidak saya hendak minta jalan?

Tuan Lim Kit Siang: No.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Yim Chee Chong: Tak beri jalan. Apakah yang dimaksudkan dengan "pembbohongan MCA"? Ini adalah. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Umpamanya pada awal bulan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan MCA menyatakan dua pembbohongan terhadap DAP dalam dua perenggan kenyataan yang disiarkan oleh *STAR* bertarikh 7 April, 1992 apabila beliau mendakwa:

- (i) bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan Hukum Hudud; dan
- (ii) bahawa saya telah memberi jaminan secara terbuka sebelum pilihanraya umum bahawa PAS tidak akan melaksanakan sebarang dasar yang memudaratkan kaum Cina sekiranya ia berkuasa.

Saya tentu merupakan orang yang paling bodoh untuk memberi sebarang jaminan terbuka bagi pihak PAS, khususnya DAP dan PAS tidak ada perhubungan pakatan sama ada sebelum atau selepas pilihanraya umum atau memberi jaminan untuk apa-apa parti atau orang-orang perseorangan yang lain bagi perkara tersebut atau apa-apa perkara, oleh kerana seorang barulah boleh buat jaminan bagi pihak sendiri, bagi parti sendiri, bukan parti lain, orang lain.

Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menewaskan rakannya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan di MCA

seminggu kemudian apabila beliau menyatakan dua pembbohongan dalam satu perenggan sekali, lagi dalam satu laporan *STAR* iaitu bahawa pada perjumpaan saya dengan Menteri Besar Kelantan, saya telah menegaskan bahawa DAP tidak akan membantah hukum Hudud dilaksanakan ke atas kaum Cina. Kedua, bahawa saya menyokong hukum Hudud iaitu memotong tangan, merotan dan melempar batu ke atas kaum Cina dan bukan Islam dalam negara ini. Ini hanya lah pembbohongan pemimpin-pemimpin MCA.

Pada akhir tahun lepas, Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin MCA seperti Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyebarkan pembbohongan bahawa kaum Cina di Kelantan telah menjadi mangsa akibat penindasan dan penganiayaan Kerajaan Negeri Kelantan melalui lebih daripada 70 langkah-langkah Islamisasi. Semua pembbohongan ini telah diberikan siaran yang meluas oleh *STAR* yang mana pada 30 Januari melaporkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa orang Cina tidak boleh minum bir secara terbuka di Kelantan. Tetapi apabila saya secara terbuka menawarkan tiket penerbangan kepada beliau dan lain-lain Menteri MCA untuk melawat ke Kelantan dan minum bir secara terbuka atas perbelanjaan saya sendiri, tidak ada seorang pun daripada mereka berani untuk menerima cabaran itu.

Oleh kerana Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin MCA dengan sokongan penuh rakan sejawat mereka dalam Gerakan semakin menjadi penyebar khabar angin yang utama dalam negara ini, inilah yang menyebabkan pemimpin-pemimpin DAP melawat Kelantan pada akhir bulan Januari untuk menentukan kebenaran atau sebaliknya tentang dakwaan MCA

dan Gerakan akan pelanggaran hak-hak kaum Cina dan bukan Islam di Kelantan dan khususnya dakwaan-dakwaan MCA dan Gerakan bahawa kaum Cina dan bukan Islam di Kelantan:

- (i) tidak boleh makan atau menjual daging babi;
- (ii) tidak boleh minum bir secara terbuka tetapi terpaksa minum secara sorok-sorok;
- (iii) tidak boleh membeli atau menjual minuman keras;
- (iv) mesti berhenti berniaga semasa kaum Muslim bersembahyang;
- (v) tidak boleh pergi ke kedai gunting uniseks;
- (vi) kaum wanita Cina mesti menutup aurat dan memakai pakaian Islam;
- (vii) wanita tidak boleh bekerja pada syif malam; dan
- (viii) papan tanda bahasa Cina mesti ditinggalkan dan digantikan dengan tulisan Jawi.

Semasa lawatan kami ke Kelantan dari 26 hingga 28 Januari 1992 di mana pemimpin-pemimpin DAP bertemu dengan Menteri Besar Kelantan, Ahli-ahli Exco Negeri dan berdialog dengan masyarakat Cina di berbagai kawasan Kelantan, kami mendapati bahawa sehingga tarikh tersebut dakwaan-dakwaan MCA dan Gerakan merupakan pembongkaran sama sekali. (*Tepuk*) Kenyataan bahawa pemimpin-pemimpin DAP tidak seperti pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan bersedia untuk melawat ke Kelantan bagi menentukan sama ada kebenaran atau kepalsuan dakwaan-dakwaan MCA dan Gerakan tentang pelanggaran hak-hak dan kepentingan-kepentingan rakyat Malaysia bukan Islam di Kelantan dan bagi membawa semua perkara ini kepada Menteri Besar Kelantan menunjukkan bahawa DAP adalah konsisten dalam komitmen politik kami bahawa tiada

undang-undang Islam atau langkah-langkah Islamisasi harus melanggar hak-hak dan kepentingan-kepentingan rakyat Malaysia bukan Islam. (*Tepuk*)

Kilang pembongkaran dan kepalsuan MCA dan Gerakan menjadi sunyi selama dua bulan sehingga pemimpin-pemimpin PAS mula bercakap tentang Hukum Hudud dan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bahru bahawa Kerajaan Persekutuan akan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan pelaksanaan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam. Soalan yang ingin saya tanyakan ialah, apakah standard dan etika kewartawanan yang diamalkan oleh media massa tertentu dalam negara ini yang bersedia untuk terus memberi siaran yang besar kepada pembongkaran yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri MCA dan Gerakan (*Tepuk*) sementara enggan memberi ruang untuk kebenaran? Adakah kita sampai suatu tahap di mana di Malaysia - the Press are free to print lies, but not free to print truth. (*Disampuk*) (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Wawasan 2020 beliau - pada Februari tahun lalu - tentang Malaysia menjadi sebuah negara maju penuh dengan 9 cabaran strategik utama yang mesti diatasi untuk mencapai Wawasan ini. Beliau menegaskan bahawa Malaysia mesti membentuk sebuah masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi dalam mana rakyat Malaysia berbagai kaum dan kepercayaan adalah bebas untuk mengamalkan dan menganuti adat, budaya dan kepercayaan agama, tetapi tetap berasa mereka adalah kepunyaan sebuah negara.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, adalah amat malang sekali bahawa selepas 14 bulan kemudian, pada 16hb April 1992, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan di Johor Bahru

tentang dasar Kerajaan Persekutuan baru yang bukan sahaja akan memastikan negara ini gagal dalam menghadapi cabaran strategik ini, tetapi juga mengalami kegagalan tertentu dalam Wawasan 2020. Beliau tidak menyalahkan sesiapa pun, let there be no mistake, dengan izin, terdahulu bahawa jika rakyat Malaysia bukan Islam, adalah tertakluk kepada hukuman Hukum Hudud dan Undang-undang Islam seperti memotong tangan, merotan dan melempar batu, maka Malaysia boleh mengucapkan selamat tinggal kepada Wawasan 2020. Say "good bye" kepada Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju yang sepenuhnya.

Pelabur tempatan dan pelabur asing akan menjauhi Malaysia dan Malaysia tidak akan menjadi naga kecil kelima, tetapi sebaliknya akan jauh ketinggalan dari liga (league) negara-negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dasar baru Kerajaan itu di Johor Bahru bahawa Kerajaan tidak menentang atau menghalang pelaksanaan Hukum Hudud, malah akan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan PAS melaksanakan Hukum Hudud bagi memotong tangan, merotan dan melemparkan batu ke atas rakyat Malaysia bukan Islam di Kelantan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin berfikir bahawa pengumuman beliau di Johor Bahru adalah satu taktik yang sangat brilliant - satu gerak taktik politik yang sangat brilliant terhadap PAS - tetapi apa yang baik atau brilliant untuk UMNO tidak semestinya baik untuk negara seperti mana taktik-taktik politik UMNO yang begitu pandai di beberapa hari terakhir Pilihanraya Umum 1990 untuk menakut dan mengugut orang Melayu supaya mengundi UMNO atas alasan bahawa pemimpin Semangat 46, Yang Berhormat dari Gua Musang telah mengkhianati orang Melayu dan menggadaikan Islam dengan propaganda yang palsu bahawa beliau memakai cross semasa lawatan ke Sabah. Taktik sedemikian telah

mengakibatkan kebinasaan yang amat besar kepada proses pembinaan negara dalam satu masyarakat berbagai kaum, berbagai agama dan berbagai kebudayaan dan ia akan mengambil berpuluh-puluh tahun untuk memulihkannya.

Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi bersedia untuk menggadaikan masa depan Malaysia kerana ingin memainkan politik dengan PAS semata-mata? Jika demikian, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan seorang statesman yang dapat memimpin negara ini ke arah Wawasan 2020, tetapi hanya seorang politikus yang bersedia untuk mengorbankan Wawasan 2020 untuk kebenaran politik yang remeh-temeh.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata di Johor Bahru mengenai dasar baru Kerajaan Persekutuan rela untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan PAS melaksanakan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam, beliau sebenarnya pun berkata bahawa Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen MCA, Gerakan, MIC, SUPP telah memberi janji dan komitmen untuk membantu memberikan bersama-sama dengan UMNO dan PAS sokongan minimum dua per tiga di Parlimen bagi pindaan Perlembagaan. Jika beliau tidak pernah mendapat janji sokongan komitmen daripada Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen MCA, Gerakan, MIC dan SUPP di Kabinet, bagaimana beliau dapat mengumumkan secara unilateral satu dasar baru Kerajaan Persekutuan di Johor Bahru? Ada MCA, ada Gerakan di sini boleh berdiri, adakah beri komitmen atau tidak? (*Disampuk*) Kalau tidak beri komitmen, kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh buat satu pengumuman? Satu pengumuman, satu dasar Kerajaan Persekutuan yang baru. Bukan satu orang, bukan satu parti, tetapi Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional yang rela meminda

Perlembagaan. Itulah komitmen, bukan komitmen seorang tetapi semua parti dalam Barisan Nasional.

Jika Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen tidak pernah memberi janji mereka untuk menyokong satu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengelirukan rakyat dan negara. Ini adalah kerana tanpa sokongan Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen MCA, Gerakan, MIC dan SUPP untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membenarkan pelaksanaan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam, memang tidak ada jalan untuk memperolehi majoriti dua-pertiga yang dikehendaki di Parlimen bagi pindaan sedemikian. (*Tepuk*) UMNO yang memperolehi 79 orang Ahli Parlimen dan PAS yang ada 7 orang Ahli Parlimen; 79 undi UMNO dan 7 undi PAS di Parlimen adalah jauh tidak mencukupi untuk majoriti dua per tiga Parlimen, iaitu 120 orang Ahli Parlimen yang diperlukan untuk menggugurkan fasal dan jaminan sekular atau duaniawi Perlembagaan Persekutuan, untuk membenarkan pelaksanaan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara terus terang sama ada beliau telah memperolehi janji daripada semua Menteri dan Ahli MCA, Gerakan, MIC dan SUPP bahawa mereka akan mengundi bersama-sama dengan UMNO dan PAS untuk memberi majoriti dua-pertiga yang disyaratkan untuk pemindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membenarkan pelaksanaan ke atas rakyat Malaysia bukan Islam. Ataupun, apakah beliau begitu yakin bahawa tanpa berunding dengan pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan, MIC dan SUPP terlebih dahulu beliau boleh memaksakan mereka menyokong pindaan seumpama itu kepada Perlembagaan Persekutuan? Ticks, dengan izin, can take it for granted oleh kerana mereka political parasite sahaja. (*Disampuk*)

Adalah amat malang sekali bahawa sebaik sahaja selepas pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bahru, Presiden MCA dan Presiden Gerakan telah bersaing untuk menyokong pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Presiden MCA malah mengumumkan pengumuman itu satu tanda seorang pemimpin yang sederhana. Saya menyeru MCA, Gerakan, MIC dan SUPP mengisytiharkan secara rasmi dan jelas di dalam Parlimen semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja sama ada mereka akan menyokong atau menentang sebarang pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam. Sama ada di Kelantan atau di lain-lain bahagian di negara ini dengan dimansuhkan sekatan Perlembagaan terhadap penubuhan sebuah negara teokratik.

Sekiranya MCA, Gerakan, MIC dan SUPP mengisytiharkan secara rasmi pendirian mereka yakni mereka tidak.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Tasek Chenderoh bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau beliau kata boleh bercakap bagi pihak MCA, Gerakan, MIC dan SUPP, saya akan beri jalan. Cakap bagi pihak mereka, jangan cakap bagi pihak sendiri. Jangan cakap bagi pihak UMNO. Kalau mahu cakap bagi pihak mereka, saya beri jalan. Kalau tidak, tidak beri jalan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya hendak minta penjelasan tentang teokratik.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan saya kata tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya hendak tanya sama ada DAP akan membebaskan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: ahlinya untuk mengundi, saya hendak tengok Ahli dari Bayan Baru mengundi macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya MCA, Gerakan, MIC dan SUPP mengisytiharkan secara rasmi pendirian mereka iaitu mereka tidak akan menyokong sebarang pindaan Perlembagaan untuk memansuhkan jaminan sekular Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan pelaksanaan hukum hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam, maka ia bukan sahaja akan menamatkan prihatin dan kontroversi seluruh negara mengenai memotong tangan, merotan dan melempar batu ke atas rakyat Malaysia bukan Islam menurut hukum hudud, tetapi ia juga akan menunjukkan bahawa pengumuman Dato' Seri Dr Mahathir di Johor Bahru bukanlah dasar baru Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional. Sekiranya MCA, Gerakan, MIC dan SUPP tidak bersedia mengisytiharkan pendirian rasmi mereka di dalam Parlimen, maka mereka akan melakukan pengkhianatan politik yang terbesar sekali dalam sejarah mereka. *(Tepuk)* Tidaklah guna bagi pemimpin-pemimpin kecil MCA dan Gerakan sama ada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Menteri Kesihatan atau bekas Presiden Senat dari Gerakan mendakwa yang mereka akan menentang sebarang pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan sedangkan Presiden MCA dan Presiden Gerakan dengan secara awam menyokong dasar baru Kerajaan Persekutuan seperti ini.

Di sini ingin saya menyeru PAS supaya menghormati hak Perlembagaan dan sensitiviti-sensitiviti agama rakyat Malaysia *(Sorak)* supaya. . . . saya menyeru PAS supaya menghormati hak Perlembagaan dan sensitiviti-sensitiviti agama rakyat Malaysia bukan Islam *(Tepuk)* dan mengisytiharkan bahawa mereka tidak akan mengenakan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia yang bukan Islam. *(Tepuk)*

Parti DAP telah konsisten sejak penubuhannya 26 tahun lalu dan kami telah mengulangi dalam lawatan kami ke Kelantan dan juga dalam pertemuan kami dengan Menteri Besar Kelantan bahawa sementara parti DAP menghormati penuh agama Islam, namun kami tidak akan berkompromi kepercayaan dan prinsip asas kami iaitu Undang-undang Islam tidak harus dikenakan ke atas rakyat Malaysia bukan Islam. *(Tepuk)*

Saya ingin mengingatkan pemimpin-pemimpin PAS *(Sorak)* bahawa setiap kali mereka mengingatkan rakyat Malaysia bukan Islam supaya jangan takut dengan hukum hudud, mereka sebenarnya tidak meredakan sebarang kegelisahan, tetapi mencetuskan ketakutan dan kebimbangan yang lebih. *(Tepuk)* Ini adalah hakikat asas dalam sebuah masyarakat berbilang kaum, berbilang bahasa, berbilang agama seperti Malaysia yang harus diterima dan dihormati oleh semua parti politik, sekiranya Malaysia ingin menuju ke arah perpaduan negara, kekukuhan dan kemajuan yang lebih. Perlembagaan kita digubal dengan cara di mana peruntukan asas seperti asas sekular negara tidak boleh diubah kecuali ia menerima sokongan semua kaum dan semua agama di negara ini. Itulah sebabnya saya telah berkata bahawa PAS tidak boleh dengan sendirinya meminda Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam dan bahawa pindaan seumpama itu kepada Perlembagaan Persekutuan tidak boleh diluluskan sekiranya. . . .

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah PAS selama ini bertindak tidak melalui undang-undang di peringkat Dewan Undangan Negeri dan juga undang-undang Persekutuan. Dan Ketua Pembangkang amat faham bahawa ucapan pada hari ini daripada UMNO, iaitu Yang Berhormat Wan Hanafiah dari Kota Setar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Lumut. Apakah Ketua Pembangkang tidak lihat bahawa UMNO lebih takut kepada hukum hudud daripada MCA? Tadi wakil daripada MCA hanya meminta (*Boo*) apakah Ketua Pembangkang tidak dengar tadi wakil MCA hanya minta kalau dilaksanakan Hukum Hudud di Kelantan pastikan orang-orang bukan Islam tidak dianiaya, dibandingkan dengan ucapan daripada Kota Setar yang lebih bimbang hukum ini dan ini menandakan bahawa saya rasa MCA dan Gerakan lebih bersetuju Hukum Hudud daripada UMNO. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya cabar MCA dan Gerakan lebih bersetuju dalam perkara Hukum Hudud daripada UMNO, itu terpulang kepada MCA dan Gerakan, tetapi apa yang kita bincang di sini ialah satu perkara yang prinsip, yang pokok dan serius, yang akan menyentuh kesejahteraan bukan sahaja generasi ini, tetapi juga generasi yang akan datang. Oleh sebab itu, di sini saya kata kalau kita semua boleh menerima hakikat yang tersebut bahawa inilah precondition untuk kejayaan Malaysia. Inilah sebabnya saya telah berkata bahawa PAS tidak boleh dengan sendirinya meminda Perlembagaan Persekutuan

untuk melaksanakan Hukum Hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam. (*Sorak*) Dan bahawa pindaan seumpama itu kalau Perlembagaan Persekutuan tidak boleh diluluskan sekiranya semua orang Cina atau bukan Melayu, atau bukan Islam enggan menyokongnya dengan tidak memberi sokongan 2/3 yang perlu untuk kelulusannya. Malah saya akan berhujah bahawa pemansuhan asas sekular Perlembagaan menyentuh kedudukan Raja-Raja bukan sahaja memerlukan sokongan 2/3 di Parlimen tetapi ia juga memerlukan persetujuan Conference of Rulers.

Saya ingin juga menasihatkan pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan MIC dan SUPP supaya jangan melayan satu jaminan Perlembagaan mengenai asas sekular Malaysia dengan begitu ringan dan menggunakannya sebagai satu permainan politik mahupun sebagai bargaining chip. Adalah tidak dapat diterima sama sekali, untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional berkata bahawa rakyat tidak perlu bimbang tentang mana-mana pindaan kepada Perlembagaan untuk membenarkan PAS mengenakan hukum hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam di Kelantan, kerana negeri-negeri lain di bawah Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengenakan hukum ke atas rakyat Malaysia bukan Islam. Ini boleh diibaratkan sebagai meminta rakyat Malaysia menyerahkan hak dan jaminan Perlembagaan mereka yang merupakan benteng paling penting terhadap penubuhan sebuah negara teokratik serta pengenaan hukum hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam, untuk jaminan mulut daripada sebuah parti politik yang tidak mempunyai sebarang kesan atau kuasa undang-undang iaitu Barisan Nasional.

Apabila rakyat membenarkan hak dan jaminan Perlembagaan dimansuhkan, maka ia akan menjejaskan bukan sahaja generasi ini, tetapi juga generasi yang akan datang. Ini adalah satu bahagian yang tidak adil dan adalah tidak boleh diterima akal bahawa pemimpin-

pemimpin politik yang berada dalam Kerajaan boleh secara serius membuat cadangan seumpama itu kepada rakyat.

Bagi pihak DAP, biarlah saya mengisytiharkan bahawa parti DAP menentang dan mengecam apa-apa percubaan (Tepuk) daripada mana-mana pihak untuk tidak mengendahkan hak Perlembagaan serta rakyat Malaysia bukan Islam dengan mengenakan undang-undang hukum hudud ke atas mereka.

Pada masa kini, ancaman ini bukan sahaja datang daripada pemimpin-pemimpin PAS, tetapi juga daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bersedia mendapatkan Kerajaan Persekutuan meminda Perlembagaan untuk membuka jalan bagi menghasilkan matlamat tersebut. Apakah pihak MCA, Gerakan, MIC dan SUPP bersedia juga untuk mengisytiharkan secara terus

terang bahawa mereka akan menentang dan mengecam sebarang percubaan untuk mengenakan Hukum Hudud terhadap rakyat Malaysia bukan Islam di Kelantan, sungguhpun cadangan tersebut datang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membolehkan UMNO menjaring point politik terhadap PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Panjang lagikah?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, selesai esok.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah teruskan besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang